



LAPORAN TAHUNAN

# 2018

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA



LAPORAN TAHUNAN

# 2018

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

USIM

# Sepintas Lalu

## 656
**Pelajar Antarabangsa**

Sarjana Muda : 77
PhD: 492
Sarjana : 87
Tamhidi : 0

## 91.74%
**Pelajar Bergraduat Mengikut Masa Ditentukan**

## 11,982
**Pelajar**

Sarjana Muda : 9,836
Pascasiswazah : 1,249
Tamhidi : 897

## 20,027
**Alumni**

Sarjana Muda : 18,184
Pascasiswazah : 1,843
Tempatan : 19,334
Antarabangsa : 693

## 2
**Pusat Kecemerlangan**

- Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD)
- Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM)

## 1,642
**Staf**

Akademik : 759 (683 Aktif)
Berstatus PhD : 498
Pentadbiran : 883
Ahli Akademik Antarabangsa : 57

## 72
**Program Akademik**

Sarjana Muda : 27
Pascasiswazah : 40
Tamhidi : 5

## 381
**Pelajar PERMATA Insan**

Pelajar Mengikut Program Perkhemahan : 193
Pelajar Kolej : 111

## 9
**Fakulti**

- Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
- Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
- Fakulti Syariah dan Undang-Undang
- Fakulti Ekonomi dan Muamalat
- Fakulti Sains dan Teknologi
- Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
- Fakulti Pengajian Bahasa Utama
- Fakulti Pergigian
- Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina

# ISI KANDUNGAN

Laporan Tahunan 2018


2 **USIM Sepintas Lalu**

4 **Profil Universiti**

16 **Ringkasan Eksekutif**

18 **Melestari Kecemerlangan Kampus Barakah**

38 **Memperkasa Kualiti Akademik**

60 **Memperkukuh Nilai Mahasiswa dan Graduan Bercirikan GIINA**

78 **Memacu Penyelidikan Terunggul**

98 **Melahirkan Bakat Dan Ikon USIM**

112 **Memberdaya Kelestarian Kewangan**

120 **Petunjuk**
Prestasi Kecekapan dan Pencapaian USIM Bagi Tahun 2018

124 **Prestasi**
Kewangan 2018

134 **Melangkah Ke Hadapan**

146 **Laporan Kewangan 2018**
Ketua Audit Negara

184 **Senarai Akronim dan Singkatan**

186 **Jawatankuasa**
Ahli Jawatankuasa Penyediaan Laporan Tahunan 2018

# MOTO

Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa

# FALSAFAH

Paduan di antara ilmu Naqli dan Aqli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu

# VISI

Menjadi sebuah institusi pendidikan tinggi Islam terkehadapan untuk kesejahteraan sejagat

# MISI

Mengintegrasikan Ilmu Naqli dan Aqli untuk menghasilkan graduan yang bernilai mulia bagi mentransformasikan negara dan ummah

# TEMA

Menerajui Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli

# OBJEKTIF

- Memartabatkan pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara
- Membina kesepaduan antara teori dan amali dalam diri setiap siswazah yang dikeluarkan
- Melahirkan ilmuan Islam yang berpendidikan sepadu, mampu memimpin masyarakat majmuk serta mempunyai potensi yang tinggi menerajui pembangunan negara
- Meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang unggul bersesuaian dengan persekitaran dan teknologi terkini
- Membekalkan modal insan yang kukuh dengan penghayatan nilai Islam yang mampu berinteraksi dan berkomunikasi dengan berkesan dalam masyarakat

# CANSELOR



Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus

**Tuanku Aishah Rohani Binti Almarhum Tengku Besar Mahmud**

DK (NS), DPTJ

# PRO-CANSELOR



Yang Amat Mulia Tunku Besar Seri Menanti

**Tunku Ali Redhauddin Ibni Tuanku Muhriz**

DKYR, SSTM

# PRO-CANSELOR



Tun Dato' Seri (Dr.) Zaki
Tun Azmi

# LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



**Prof. Dato' Dr. Siddiq Hj Fadzil**

Pengerusi Lembaga Pengarah



**Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad FASc**

B.Sc. (UKM), M.Sc., Ph.D (Manchester) AMIC

Naib Canselor



**Dato' Dr. Razali Ab. Malik**

KMN, Ph.D (Political Science)



**Datin Nik Roslini Raja Ismail**

MBA (Islamic Finance), UIA



**Dato' Idris Kechot**

KMN, DIMP, BSc (Hons) UPM, MBA (Finance) (UK), CFP





### Tan Sri Dato' Haji Othman Mustapha

BSc.(UKM), Cert. of Special Course for Malaysia Islamic Officers (London), Cert. of Sharia Governance Course (Birmingham University,UK)



### Dato' Muhammad Haizuan Rozali

Pendaftar



### En. Zulkefly Alias

Bachelor Degree B.A

Hons Pengajian Melayu (Antrapologi/Sosiologi) Universiti Malaya



### Prof. Emeritus Dato' Dr. Nik Mohd Nasri Nik Ismail

DSNS, MBChB (Alexandria), MRCOG, FICS, FRCOG (London)



### Ir. Dr. Muhamad Fuad Abdullah

BA (Hons) Shariah & Judiciary (USIM), DPA (INTAN)

# JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI



**Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad FASc**

Naib Canselor



**Prof. Dr. Abdul Rahim Abdul Rahman**

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)



**Prof. Dato' Dr. Roshada Hashim**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)



**Dato' Haji Mohd Abd Rasid Mohd Fadzil**

Bendahari



**Puan Nor Azzah Momin**

Pemangku ketua Pustakawan





**Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)



**Dato' Muhammad Haizuan Rozali**

Pendaftar



**Puan Yuhani Jamiran**

Penasihat Undang-Undang



**Encik Ir. Azahar Awalludin**

Pemangku Pengarah Pembangunan

# SENAT UNIVERSITI

**Pengerusi**

Profesor Dato' Dr. Musa Ahmad
Naib Canselor

**Ahli**

Prof. Dr. Abdul Rahim Abdul Rahman
Timbalan Naib Canselor
(Akademik Dan Antarabangsa)

Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan
Menjalankan Fungsi Sebagai Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni)

Prof. Dato' Dr. Roshada Hashim
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan Dan Inovasi)

Prof. Madya Dr. Mohd Radhi Ibrahim
Dekan
Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan

Prof. Madya Dr. Adnan Mohamed Yusoff
Dekan
Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah

Dr. Arif Fahmi Md Yusof
Dekan
Fakulti Syariah Dan Undang-Undang

Prof. Madya Dr. Amir Shaharuddin
Dekan
Fakulti Ekonomi Dan Muamalat

Prof. Madya Dr. Azwani Sofia Ahmad Khiar
Dekan
Fakulti Sains Dan Teknologi

Prof. Dr. Muhammad Shamsir Mohd Aris
Dekan
Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan

Prof. Madya Dr. Noor Azizi Ismail
Dekan
Fakulti Pengajian Bahasa Utama

Prof. Madya Dr. Haslinda Ramli
Dekan
Fakulti Pergigian

Prof. Dr. Kamaruzzaman Seman
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Dan Alam Bina

Prof. Dr. Rozhan Mohammed Idrus
Dekan
Pusat Pengajian Siswazah

Prof. Madya Dr. Asmaddy Haris
Pengarah
Pusat Tamhidi

Dr. Mohd Azmir Mohd Nizah
Pengarah
Pusat Pengajian Teras

Prof. Madya Dr. Abdul Manan Ismail
Pengarah
Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah

Prof. Dr. Norita Md Norwawi
Pengarah
Institut Sains Islam

Prof. Madya Dr. Irwan Mohd Subri
Pengarah Institut Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa Sedunia

Prof. Madya Dr. Che Wan Zanariah Che Wan Ngah
Pengarah Institute Of Halal Research And Management

Prof. Emeritus Dato' Dr. Nik Mohd Nasri Nik Ismail
Profesor Perubatan Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan

Prof. Dr. Abdul Samat Musa
Profesor Fakulti Syariah Dan Undang-Undang

Prof. Dato' Dr. Mahmud Mohd Nor
Profesor Perubatan Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan

Prof. Dr. Rosalina Abdul Salam
Profesor Fakulti Sains Dan Teknologi

Prof. Emeritus Dato' Dr. Wan Mohamad Nasir Wan Othman
Profesor Fakulti Pergigian

Prof. Dato' Dr. Mustafa Mohd Hanefah
Profesor Fakulti Ekonomi Dan Muamalat

Prof. Emeritus. Dr. Jalani Sukaimi
Profesor Fakulti Sains Dan Teknologi

Prof. Dr. Siti Rugayah Hj. Tibek
Profesor Fakulti Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan

Prof. Dr. Amir Husin Mohd Nor
Profesor Fakulti Syariah Dan Undang-Undang

Prof. Dr. Haslee Sharil Lim Abdullah
Profesor Fakulti Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan

Prof. Dr. Mohd Fadzillah Abdul Razak
Profesor Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan

Prof. Dr. Zainal Abidin Mohamed
Profesor Fakulti Ekonomi Dan Muamalat

Prof. Madya Dr. Mohd Zalisham Jali
Pengarah Pusat Pembelajaran Akses Terbuka Global, Teknologi Imersif Dan Jaminan Kualiti

Prof. Madya Dr. Awangku Abdul Rahman Hj. Awangku Yussuf
Pengarah Pusat Inovasi, Jaringan Industri Dan Masyarakat

Prof. Madya Dr. Mohd Rushdan Mohd Jailani
Pengarah Pusat Jaminan Kualiti, Dasar Dan Kecemerlangan Akademik

Prof. Madya Dr. Mohd Faizal Kasmani
Ketua Jabatan Pemasaran Dan Kemasukan Kualiti

Dato' Muhammad Haizuan Rozali
Pendaftar

Dato' Haji Mohd Abd Rasid Mohd Fadzil
Bendahari

En. Jasmin Jaimon
Ketua Pustakawan

Pn. Yuhani Jamiran
Penasihat Undang-Undang

**Setiausaha**

En. Hammad Farhi Mohd Saudi
Ketua Bahagian Pengurusan Akademik

**Urus Setia**

Pn. Nor Fadzlina Azahari
Penolong Pendaftar Bahagian Pengurusan Akademik

# DEKAN-DEKAN UNIVERSITI

Prof. Madya Dr. Mohd Radhi Ibrahim
Dekan
Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan

Prof. Madya Dr. Adnan Mohamed Yusoff
Dekan
Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah

Dr. Arif Fahmi Md Yusof
Dekan
Fakulti Syariah Dan Undang-Undang

Prof. Madya Dr. Amir Shaharuddin
Dekan
Fakulti Ekonomi Dan Muamalat

Prof. Madya Dr. Azwani Sofia Ahmad Khiar
Dekan
Fakulti Sains Dan Teknologi

Prof. Dr. Muhammad Shamsir Mohd Aris
Dekan
Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan

Prof. Madya Dr. Noor Azizi Ismail
Dekan
Fakulti Pengajian Bahasa Utama

Prof. Madya Dr. Haslinda Ramli
Dekan
Fakulti Pergigian

Prof. Dr. Kamaruzzaman Seman
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Dan Alam Bina

Prof. Dr. Rozhan Mohammed Idrus
Dekan
Pusat Pengajian Siswazah

# PENGARAH/KETUA BAHAGIAN

## JABATAN/INSTITUT/PUSAT

Prof. Dr. Mohd Yahya Mohamed Ariffin
Pengarah
Pusat Komunikasi Strategik

Prof. Madya Dr. Awangku Abdul Rahman Hj. Awangku Yussuf
Pengarah
Pusat Libatsama Masyarakat Dan Jaringan Industri

Prof. Madya Dr. Mahazan Abdul Mutalib @ Taib
Pengarah
Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi

Dr. Hayati Ismail
Pengarah
Usim ‘Alamiyyah

Prof. Madya Dr. Asmaddy Haris
Pengarah
Pusat Tamhidi

Dr. Mohd Azmir Mohd Nizah
Pengarah
Pusat Pengajian Teras

Prof. Madya Dr. Abdul Manan Ismail
Pengarah
Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah

Prof. Madya Dr. Irwan Mohd Subri
Pengarah
Institut Pengurusan & Penyelidikan Fatwa Sedunia

Prof. Dr. Che Husna Azhari
Pengarah
Kolej PERMATA Insan

Prof. Madya Dr. Mohd Zalisham Jali
Pengarah
Centre For Global Open Access Learning, Immersive Technology & Networks

Prof. Madya Dr. Che Wan Zanariah Che Wan Ngah
Pengarah
Institute Of Halal And Research Management

Dr. Muhamad Azrin Nazri
Pengarah
Pusat Keusahawanan Universiti

Prof. Dr. Norita Md. Norwawi
Pengarah
Institut Sains Islam

Prof. Emeritus Dato’ Dr. Nik Mohd Nasri Nik Ismail
Pengarah
Pejabat Penyelarasan Pembinaan Kompleks Kesihatan USIM

Prof. Madya Dr. Wan Abdul Fattah Wan Ismail
Pengarah
Pusat Wakaf Dan Zakat

Encik Hamran Husin
Pengarah
Pusat Sukan

Prof. Madya Dr. Khairul Anuar Mohamad
Pengarah
Pusat Islam

Kapt. (B) Abdul Wahab Mat Zin
Pengarah
Jabatan Keselamatan

Encik Ismail Ahmed
Pengarah
Pusat Kebudayaan

Dr. Nik Mohd Shafikudin Md Taujuddin
Pengarah
Pusat Kesihatan Universiti

Encik Ahmad Kamal Mustafa
Pengarah
Pusat Perumahan Pelajar

Dr. Nisar Mohammad Ahmad
Pengarah
Pusat Alumni & Kerjaya

Prof. Madya Dr. Mohd Rushdan Mohd Jailani
Pengarah
Pusat Jaminan Kualiti, Dasar Dan Kecemerlangan Akademik

Prof. Madya Dr. Mohd Zalisham Jali
Pengarah
Chief Information Officer (Cio)

Prof. Dr. Muhammad Shamsir Mohd Aris & Prof. Madya Dr. Haslinda Ramli
Pengerusi Bersama
Pusat Pakar Kesihatan USIM

Encik Hammad Farhi Mohd Saudi
Ketua
Bahagian Pengurusan Akademik

Encik Nasrul Hakim Ahmad
Ketua
Bahagian Hal Ehwal Pelajar

Encik Hezan Shah Zainuddin
Ketua
Bahagian Audit Dalam

Puan Hariza Mohd Yusof
Ketua
Bahagian Penerbitan

Prof. Madya Dr. Mohd Faizal Kasmani
Ketua
Jabatan Pemasaran Dan Kemasukan Pelajar

# CARTA ORGANISASI




Canselor
Pro-Canselor
Lembaga Pengarah Universiti
- Jawatankuasa Audit
- Jawatankuasa Tetap Kewangan
- Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan
- Jawatankuasa Pengurusan Risiko
- Jawatankuasa Pelaburan
Naib Canselor
Jabatan Canselori
Hal Ehwal Pentadbiran
Hal Ehwal Kewangan
Hal Ehwal Pengurusan Ilmu
Hal Ehwal Pembangunan & Pengurusan Fasiliti
Pendaftar
Bendahari
Ketua Pustakawan
Pengarah Pembangunan
Jabatan Keselamatan
Jabatan Pendaftar
Jabatan Bendahari
Jabatan Perpustakaan
Jabatan Pembangunan & Pengurusan Fasiliti
Bahagian Governan & Pentadbiran Am
Bahagian Sumber Manusia
Bahagian Pengurusan Risiko & Integriti
Bahagian Pelaporan Kewangan
Bahagian Operasi Kewangan
Bahagian Pentadbiran
Unit Kampus Cawangan
Bahagian Pengurusan Kontrak, Arkitek & Landskap
Bahagian Kejuruteraan
Bahagian Pentadbiran
Bahagian Pengurusan
Bahagian Teknikal
Bahagian Perkhidmatan
Perpustakaan Kampus Cawangan
Pejabat Pengerusi LPU
Pejabat Naib Canselor
Pejabat TNC A&A
Pejabat TNC HEPA
Pejabat TNC P&I
Pejabat CIO
Canselori
Jabatan Undang-Undang
Bahagian Audit Dalam
Pusat Pakar Kesihatan USIM
Pusat Komunikasi Strategik
Pusat Wakaf Dan Zakat
Pejabat Penyelarasan Pembinaan Kompleks Kesihatan USIM
Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri

# RINGKASAN EKSEKUTIF



Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sentiasa beriltizam untuk meningkatkan kualiti graduan dalam merealisasi hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) Pendidikan Tinggi 2015 – 2025. Sebagai Universiti Awam ke-12 di negara ini, USIM sentiasa memfokuskan usaha bagi melonjakkan universiti ini sebagai peneraju dalam Integrasi ilmu Naqli dan Aqli dengan sasaran menjadi rujukan di peringkat nasional, serantau dan global. Menyedari bahawa proses peningkatan kualiti memerlukan komitmen yang tinggi dan tindakan berterusan untuk mencapai keberhasilan yang dihasratkan, USIM amat menekankan keperluan untuk usaha kolektif semua pihak bagi memastikan kejayaannya.

Pelan Strategik USIM 1434 -1446 H (2013-2025) telah menjadikan sains Islam sebagai bidang tujahan utama universiti berdasarkan tiga peringkat perkembangan iaitu pertama, "penjenamaan dan pemposisian" yang memastikan USIM dikenali sebagai sebuah universiti yang mempunyai model pendidikan sains Islam yang unik melalui usaha mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli. Kedua, "penyatuan" iaitu memantapkan konsep ilmu naqli dan aqli bagi memastikan USIM dapat bergerak mencapai matlamatnya. Ketiga, "menyalurkan kecemerlangan" yang berhasrat menjadikan USIM sebagai sumber rujukan global dalam integrasi ilmu naqli dan aqli atau ilmu sains Islam dan menjadikan USIM institusi yang ulung di hati dan minda rakyat.

Tahun 2018 menyaksikan USIM menggiatkan usaha untuk mengorak langkah ke hadapan bagi mencapai keberhasilan yang ditetapkan, iaitu dengan memperkasa kualiti akademik dan memperkukuh nilai mahasiswa dan graduan bercirikan Graduan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (GIINA). Usaha ini adalah selaras dengan Lonjakan 1 PPPM PT (2015 – 2025) untuk melahirkan graduan seimbang, holistik dan berciri keusahawanan.

Integrasi ilmu naqli dan aqli ditekankan bukan sahaja yang terangkum dalam kurikulum pengajian bahkan dalam segala aspek, dari penyelidikan kepada pembangunan sahsiah sehingga penyediaan perkhidmatan. Keunikan ini dilihat membezakan USIM berbanding institusi berteraskan Islam antara IPT di Malaysia.

Laporan Tahunan 2018 USIM memberikan fokus kepada enam bidang keutamaaan:

### Melestari Kecemerlangan Kampus Barakah

USIM berpegang kepada prinsip pembangunan lestari bagi mengekalkan keseimbangan serta kesyumulan untuk kesejahteraan manusia dan alam sekitar. Usaha digiatkan untuk pembentukan akhlak individu dalam melahirkan generasi yang mempunyai pekerti unggul sebagai profesional Muslim.

### Memperkasa Kualiti Akademik

Kekuatan USIM dalam menerajui Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (INAQ) diperkukuh melalui tenaga pengajar berkualiti yang dapat menerapkan konsep murabbi demi kesejahteraan ummah. Pembangunan dan perkembangan program akademik menjadi agenda utama dalam merintis Kampus Barakah.

### Memperkukuh Nilai Mahasiswa dan Graduan Bercirikan GIINA

Melahirkan mahasiswa unggul sebagai profesional Muslim yang dapat menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan negara menjadi asas kepada proses pengajaran dan pembelajaran di USIM. Agenda pengantarabangsaan dan pengukuhan sahsiah dipergiat melalui pelbagai aktiviti yang dirancang untuk mencapai objektif yang dihasratkan.

### Memacu Penyelidikan Terunggul

Penyelidikan dan Inovasi yang berpaksikan tonggak Maqasid Syariah (memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta) melalui Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (INAQ) menjadi teras untuk USIM menghasilkan aktiviti penyelidikan bertaraf global. USIM terus berusaha untuk menjadikan penyelidikan dan inovasi sebagai satu budaya yang akan memberi impak besar kepada ummah.

### Melahirkan Bakat dan Ikon USIM

Melahirkan cendekiawan Islam profesional yang berupaya mencipta teknologi berteraskan Sains Islam adalah tekad yang tertanam dalam setiap warga USIM. Pelbagai usaha dijalankan untuk membangunkan graduan yang bakal menjadi saintis muda Islam, jaguh debat, tokoh seni berbudaya dan pemimpin masa hadapan yang mampu memacu negara ini ke mercu kejayaan.

### Memberdaya Kelestarian Kewangan

Kemapanan kewangan USIM terus diperkukuh bagi memastikan aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan. Antara strategi yang menjadi fokus USIM pada tahun 2018 termasuk penjanaan melalui wakaf, endowmen, geran dan sumbangan.





MELESTARI

# Kecemerlangan Kampus Barakah

“(Tuhan) Yang Maha Pemurah serta melimpah-limpah rahmat-Nya. Dialah yang telah mengajarkan al-Quran. Dialah yang telah menciptakan manusia. Dialah yang telah membolehkan manusia (bertutur), memberi dan menerima kenyataan. Matahari dan bulan beredar dengan peraturan dan hitungan yang tertentu. Dan tumbuh-tumbuhan yang melata serta pohon-pohon, kayu-kayan, masing-masing tunduk menurut peraturan-Nya. Dan langit dijadikannya (bumbung) tinggi, serta Dia mengadakan undang-undang dan peraturan neraca keadilan. Supaya kamu tidak melampaui batas dalam menjalankan keadilan”.

(Ar-Rahman 55:1-8)

# PENDAHULUAN

Dalam konteks kehidupan manusia, anugerah besar dikurniakan adalah al-Quran dan akal. Kitab suci al-Quran mengandungi pedoman hidup yang diajarkan oleh Allah termasuklah kaedah mentadbir dan menguruskan alam. Akal diciptakan bagi mengimbangi fikiran dan kemahuan. Justeru, amanah kepada manusia untuk mentadbir alam perlulah dilaksanakan dengan berpandukan al-Quran dan dibantu akal yang waras.

Namun, manusialah yang menjadi asbab kerosakan ekosistem, kemusnahan sumber, pencemaran udara, ketidakstabilan iklim serta pelbagai fenomena alam yang mengancam kesinambungan hidupan di daratan dan lautan termasuk kepada manusia sendiri. Allah berfirman dalam surah al-Rum, ayat 41:



Maksudnya: “Telah muncul berbagai-bagai kerosakan dan bala bencana di daratan dan di lautan dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (yang demikian itu) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari akibat perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali insaf dan bertaubat.”

Justeru, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berpegang bahawa pembangunan lestari sangat penting bagi mengembalikan dan mengekalkan keseimbangan serta kesyumulan untuk kesejahteraan manusia dan alam sekitar. Pembangunan lestari meliputi pelbagai aspek. Antara fokus utama ialah pembentukan akhlak individu dalam melahirkan generasi yang mempunyai budi pekerti dan sahsiah diri unggul. Ini penting bagi memastikan keseimbangan secara holistik dalam hubungan antara manusia, dan manusia dengan alam semesta dipelihara dengan penuh hikmah dan amanah.

USIM juga bertekad menjadi institusi ilmu berteraskan Pengajian Islam yang meneraju ilmu baharu dengan penggunaan sains dan teknologi terkini. Hasil inovasi yang dicipta diharap memberi manfaat kepada negara, ummah dan manusia sejagat.

# PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN PRASARANA

Persekitaran dan infrastruktur memainkan peranan penting dalam mewujudkan budaya ilmu yang kondusif. USIM berhasrat menjadi sebuah kampus yang memberdayakan kelestarian mengikut acuan Kampus Barakah agar menjadi pilihan mahasiswa.

USIM melalui Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti (JPPF) komited dalam menyediakan infrastruktur fizikal untuk melestarikan pembangunan mengikut keperluan dan berada dalam pelbagai fasa pembinaan.

## Pembinaan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan



Projek bernilai RM63,024,975.61, dimulakan pada awal tahun 2017 dan dijangka siap sepenuhnya pada Julai 2019. Dilengkapi dengan fasiliti yang menyokong kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran bagi bidang perubatan dan sains kesihatan. Ia bakal memberikan ruang yang selesa kepada para pelajar dengan kapasiti 1000 pelajar dengan pelbagai peralatan yang terkini. Projek ini menunjukkan komitmen pihak universiti dalam melahirkan kepakaran dalam ilmu perubatan.



## Pembinaan Fakulti Pengajian Bahasa Utama








Projek pembinaan bernilai RM40,973,346.95 dijangka siap pada tahun 2019. Ia adalah manifestasi kepada pembentukan graduan dalam bidang bahasa dan kesusasteraan yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara.



## Pembinaan Ruknu Arabi





Projek pembangunan usahasama pertama antara USIM dengan *World for Renaissance of Arabic Language* (WORAL), organisasi di bawah naungan *Qatar Foundation.* Fasa pembinaannya dimulakan pada pertengahan tahun 2017 dengan kos anggaran keseluruhan sebanyak RM994,030.00 dan dijangka siap pada tahun 2019. Projek ini untuk melestarikan bahan-bahan rujukan bagi subjek Bahasa Arab dan kesusasteraannya, agar ia dapat dirujuki bukan sahaja oleh warga USIM malah golongan intelek di peringkat serantau.

## Penilaian Bangunan Patuh Syariah

Bagi menerapkan nilai Islam pada setiap projek pembangunannya, JPPF dengan kerjasama Auditor Syariah USIM telah membangunkan Instrumen Penilaian Bangunan Patuh Syariah pada 2018. Hasilnya, enam buah bangunan di USIM menerima lebih 60% markah penilaian patuh syariah yang merangkumi aspek pelan, kemasan, sistem laluan dan tunjuk arah, pandangan/ tampak, kelestarian, seni taman dan lain-lain kepatuhan yang diterapkan di dalam bangunan. Bangunan yang menerima markah tertinggi ialah bangunan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) – 71%, diikuti oleh Bangunan Canselori – 67%, dan Pusat Islam – 66%. Kesinambungan projek ini ialah untuk melestarikan pembangunan Kampus Barakah berpaksikan kepada kesepaduan ilmu Naqli dan Aqli.

## Talian *Hotline* JPPF

Talian *Hotline* JPPF dibangunkan sebagai alternatif berkesan kepada sistem aduan sedia ada. Semua aduan direkodkan dan dilaporkan dengan pantas kepada individu bertanggungjawab untuk tindakan segera. Penyelenggaraan aduan seperti dalam Rajah 1.1.




Rajah 1.1 Tempoh penyelesaian aduan JPPF 2018

Tempoh penyelesaian melibatkan bulan berlainan kerana ia memerlukan tindakan pembetulan major seperti pembaikan jalan berlubang dan penyelenggaraan pendingin hawa. Projek pembangunan dijalankan JPPF bertujuan memberi manfaat kepada warga universiti dan untuk memudahkan tugas mereka. Penyediaan kemudahan dan prasarana menepati kehendak piagam pelanggan USIM yang menitikberatkan pembinaan ekosistem pengajaran dan pembelajaran yang kondusif.



# KEMUDAHAN DAN PRASARANA ICT

Kemudahan dan prasarana ICT universiti merupakan komponen penting dalam penyediaan perkhidmatan bagi pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Pusat Pembelajaran Akses Terbuka Global, Teknologi Imersif dan Jaminan Kualiti (GOAL-ITQAN) berusaha menyediakan dan menambah baik kemudahan ICT USIM agar sejajar dengan perkembangan global. Bagi merealisasikan kampus yang lestari, GOAL-ITQAN telah menerapkan teknologi hijau dalam penyediaan kemudahan dan prasarana ICT. Teknologi hijau ditakrifkan sebagai pembangunan dan aplikasi produk, peralatan serta sistem dengan memelihara alam semulajadi dan meminimumkan kesan negatif daripada aktiviti manusia.

## Aplikasi *CloudDesk*

USIM telah menggunakan *CloudDesk* iaitu sebuah aplikasi *Virtual Desktop Infrastructure* (VDI). Ini membantu pengurusan makmal komputer dijalankan secara setempat. Ia dapat mengelakkan komputer terbiar tanpa ditutup *(switch off*) selepas operasi makmal komputer berakhir. Ia juga menyokong persekitaran pembelajaran dengan kaedah *Bring Your Own Device* (BYOD) apabila capaian perisian oleh pelajar dilakukan secara maya (*virtual application*). Aplikasi ini memudahkan para pelajar dan memberi kesan positif kepada proses pembelajaran mereka. Pengaplikasian kedua-dua teknologi ini juga telah menjimatkan kos utiliti sekitar RM50,400.00 dan 70% kos untuk perolehan komputer, perisian serta bayaran kerja lebih masa kakitangan dalam setahun.




Rajah 1.2 Perbandingan jumlah bayaran OT tahunan (RM)




## *Green Data Center*

Bilik *Server* USIM dinaik taraf berpandukan ciri-ciri *Green Data Center* dengan mengurangkan penggunaan server fizikal, menyediakan laluan khusus untuk udara panas atau sejuk (hot/cold isle) dan menyediakan sistem pengaliran udara yang baik bagi mengelakkan berlakunya kehilangan udara sejuk. Turut dilakukan juga pengasingan atau penyusunan semula kabel rangkaian atau data bagi mengelakkan gangguan transmisi data, penggunaan *perforated door* bagi rak *server* untuk mengoptimumkan penyerapan udara sejuk dan meninggikan kedudukan lantai (raise floor) kepada 400mm bagi menggalakkan pengudaraan daripada *precision aircond* kepada keseluruhan ruang *server*.

## Baucer Staf 1 *Notebook*

Unit Perkakasan dan Khidmat Pengguna (UPKP), GOAL-ITQAN mengadakan Baucer Staf 1 *Notebook* kepada kakitangan gred 41 dan ke atas. Ia bertujuan menggalakkan *Bring Your Own Device* (BYOD) kepada kakitangan. Kaedah ini menjimatkan 60% kos perolehan dan penyelenggaraan perkakasan.

## Pembangunan Sistem Aplikasi

Pembangunan Sistem Maklumat Universiti yang merangkumi 34 buah sistem oleh Bahagian Infrastuktur ICT menggantikan proses kerja manual kepada berkomputer. Kaedah ini mengurangkan jumlah penggunaan kertas dalam urusan pentadbiran selain merekodkan data secara sistematik dengan capaian secara dalam talian.

## Kempen Penjimatan Tenaga

Unit Perkakasan Khidmat Pengguna (UPKP), GOAL-ITQAN menjalankan kempen penjimatan tenaga elektrik dengan menutup dan mencabut plag komputer sebelum staf meninggalkan pejabat.



## E-Pembelajaran/ *E-Learning*

Kursus *e-Learning* melalui *Malaysia Massive Open Online Course* (MOOC), adalah sebuah kaedah pembelajaran terbuka dalam talian yang ditawarkan kepada jumlah pelajar berskala besar, tanpa mengira sempadan masa dan lokasi.

Sistem *Global Open Access Learning System* (GOALS) disediakan khusus untuk menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran di USIM.

USIM *Open Education* (USIMOE) pula digunakan untuk pelajar-pelajar Pascasiswazah yang memilih kaedah pembelajaran *Online Distance Learning* (ODL).

Sebagai sokongan kepada aktiviti pembelajaran sepanjang hayat, USIM *Global Access Continous Education* (GACE) dibangunkan untuk memudahkan penawaran dan pembelajaran kursus berjangka pendek.

## Agenda Kampus Pintar

Demi menyahut seruan kerajaan dalam pembangunan kampus pintar atau kampus digital, USIM dengan kerjasama rakan industri telah melancarkan Kampus Tanpa Tunai pada Mei 2018. Bagi rakan industri, ia merupakan kerjasama bersama Celcom-AXIATA dan Boost manakala di peringkat universiti, ia diterajui bersama oleh GOAL-ITQAN, Jabatan Bendahari, Pusat Islam dan Pusat Wakaf dan Zakat (PWZ).

Pelaksanaan projek ini dilihat sinonim dengan gaya semasa generasi muda dan selari dengan perkembangan teknologi global. Ia memudahkan urusan pemindahan kewangan para pelajar khususnya. Mereka tidak lagi perlu membuat transaksi tunai di kaunter-kaunter pembayaran.

Aplikasi *Boost* dalam projek ini turut membantu individu melakukan sumbangan wakaf kewangan dengan hanya mengimbas kod respon atau *QR code* yang diberikan. Ia memudahkan pewakaf membuat transaksi dengan pantas dan mudah.

Penggunaan sepenuhnya aplikasi *Microsoft Office* 365 (MO 365) oleh staf telah menyokong pembentukan Kampus Pintar. Aplikasi MO 365 menawarkan perkhidmatan *virtual office* yang boleh digunakan di mana-mana tanpa mengira sempadan waktu dan memudahkan tugas seharian.

Antara kelebihan-kelebihan MO365

- *Skype for Business* yang memudahkan pelajar pascasiswazah terutamanya berkomunikasi secara maya dengan pensyarah.
- Lima lesen *Microsoft Office* secara percuma kepada setiap pemegang akaun MO365.
- Dokumen-dokumen yang dibina dapat dicapai secara dalam talian dan disimpan di dalam *One-Drive* dengan kapasiti 1TB.
- Capaian MO365 melalui *cloud* yang disediakan oleh *Microsoft*.

# PEMBUDAYAAN AKTIVITI WAKAF



PWZ telah memulakan Kempen Jom Berwakaf pada 2017. Kempen ini digerakkan melalui tiga kaedah kolaborasi iaitu bersama pelajar, staf dan alumni. PWZ juga telah menjalankan tiga projek pengumpulan dana wakaf yang melibatkan wakaf tunai, wakaf tapak dan tabung pendidikan wakaf.

Selain daripada PWZ, aktiviti berwakaf turut dijalankan di Pusat Tanggungjawab (PTj) yang lain. Antaranya ialah Klinik Pakar Kesihatan USIM (KPKU) yang menganjurkan Program Bersama Asnaf. Pakar Perubatan dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) dan Pakar Pergigian dari Fakulti Pergigian (FPg) menginfakkan kepakaran mereka untuk menjalankan pemeriksaan terhadap golongan asnaf dan yang kurang berkemampuan untuk berjumpa doktor pakar tanpa mengenakan caj.

Selain itu, Perpustakaan USIM turut menggalakkan aktiviti mewakafkan bahan bacaan untuk dijadikan koleksi rujukan warga USIM. Pada 2018, 47% bahan yang diterima di Perpustakaan terdiri daripada sumber wakaf. Sebahagian dijadikan koleksi perseorangan kerana menepati ciri-ciri penubuhan koleksi tersebut. Antara ciri-cirinya ialah bahan yang disumbangkan melebihi 500 naskhah, berkeadaan baik dan terdiri daripada bahan-bahan dalam bidang yang diminati (subject interest) oleh penyumbang.

# AKTIVITI BERTERASKAN INTEGRASI ILMU NAQLI DAN AQLI

## Pelaksanaan Modul Latihan iQALB

Pembentukan iQALB merupakan pelaksanaan Strategi Ke-6 dalam Pelan Strategik Universiti. Ia dibangunkan berpandukan kepada 'qalb' atau hati dengan hasrat menghasilkan sumber manusia yang seimbang, jujur dan ikhlas serta berupaya mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli.

Sehingga akhir 2018, sebanyak tiga siri latihan berpandukan Modul iQALB telah dijalankan terhadap 45 staf akademik dan 21 staf pentadbiran. Para peserta berpendapat bahawa latihan ini memberikan impak ke atas diri meraka dari aspek perkembangan kemahiran, pembangunan profesionalisme dan pengukuhan rohani.




## Pelaksanaan Model Graduan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli

Model Graduan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (GIINA) dilaksanakan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) sebagai menyahut seruan Lonjakan Pertama dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025. Model ini menggariskan kriteria pengukuran dalam penghasilan graduan yang holistik, berkeusahawanan dan seimbang.






## Little Free Library

*Little Free Library* (LFL) telah dilaksanakan oleh Perpustakaan USIM sejak 2015. LFL ialah binaan unik seperti rumah kecil yang didiami burung. Ia adalah kotak kayu yang memuatkan bahan bacaan yang boleh diambil tanpa dikenakan sebarang caj dan peraturan. Berkonsepkan *Take A Book Return A Book*, inisiatif ini menggalakkan pembacaan tanpa mengira lokasi dan waktu. Inisiatif ini bertepatan dengan syiar Islam yang menitikberatkan membaca sebagai amalan bagi membina kecemerlangan ilmu dan intelektual umatnya.

Dengan nombor *Charter #31743*, USIM menjadi Unversiti Awam pertama di Malaysia yang berdaftar dengan komuniti *littlefreelibrary.org* di Wisconsin, Amerika Syarikat. Mengambil ibrah daripada kejayaan pelaksanaannya di luar negara, Perpustakaan kini menguruskan tujuh buah LFL yang terdapat di sekitar USIM dibantu sukarelawan dalam kalangan staf dan pelajar. Ia diletakkan di perpustakaan, hentian bas, kolej kediaman pelajar, pusat kesihatan dan beberapa buah tempat lain. Pelaksanaan LFL di USIM turut menarik perhatian institusi luar. Mereka datang untuk mendapatkan khidmat nasihat dan tunjuk ajar bagi melaksanakannya di tempat masing-masing.

# KAMPUS HIJAU

Kelestarian Kampus Hijau menjadi agenda universiti bagi mewujudkan suasana permai di sekitar kampus di samping membantu mengurangkan kesan pemanasan global. Di USIM, usaha merealisasikannya dapat dizahirkan dengan pelaksanaan beberapa aktiviti yang dijalankan oleh warganya.



## *Edible Garden*

Projek *Edible Garden* atau Kebun Komuniti telah dimulakan oleh JPPF pada tahun 2017. Sehingga penghujung 2018, sebanyak enam buah Kebun Komuniti telah dibangunkan melibatkan beberapa buah kawasan di seluruh kampus, antaranya di JPPF dan Perpustakaan USIM. Berkonsepkan kepada penglibatan staf dalam mengusahakan tanaman, projek ini dianggap unik apabila hasil tuaian dikongsikan bersama dengan staf jabatan yang terlibat.

## Aktiviti Mewakafkan Pokok

Pada awal 2018, Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) telah melaksanakan Kempen Wakaf Pokok dalam kalangan warganya. Kempen ini berjaya mengumpulkan lebih kurang 20 jenis pokok buah-buahan tempatan seperti mangga, rambutan, longan, manggis dan sebagainya. Pokok-pokok tersebut telah ditanam di sekitar kawasan fakulti oleh kakitangan dan pelajar-pelajarnya sebagai usaha mewujudkan kawasan teduhan.

Kesatuan Kakitangan Sokongan USIM (KUSIMA) turut menganjurkan program yang sama untuk ahli-ahlinya. Sebanyak 53 pokok buah-buahan telah ditanam di kawasan cerun berhampiran dengan bangunan JPPF. Ia bertujuan untuk menggalakkan kestabilan kawasan cerun di samping mewujudkan suasana nyaman.

Inisiatif ini menyumbang ke arah kelestarian alam sekitar serta mendorong pewujudan suasana permai di kawasan kampus yang mencerminkan ekosistem pengajaran dan pembelajaran, bersesuaian dengan perkembangan minda warganya.

# RIADAH DAN KESIHATAN




Program riadah dan kesihatan diadakan dengan beberapa program yang memberi penekanan kepada kecerdasan dan melahirkan akal fikiran yang cerdas.

Bahagian Sumber Manusia (BSM) dengan kerjasama Pusat Sukan turut mengambil peluang mengadakan Ujian Kecergasan Jasmani Kebangsaaan (UKJK) untuk mengenal pasti tahap kecergasan kakitangan. Acara ini dilangsungkan secara berperingkat mengikut PTj dan setiap kakitangan yang mengambil ujian ini dapat mengetahui tahap kecergasan jasmani masing-masing.

USIM juga telah melantik Duta Fit bagi menyemarakkan lagi budaya penjagaan kesihatan dalam kalangan warganya. Pemilihan dibuat berdasarkan keputusan UKJK yang telah dijalankan dan tahap penglibatan calon dalam aktiviti sukan dan riadah.

Sejajar dengan kempen Fit USIM, Pusat Kesihatan Universiti (PKU) mengambil inisiatif menganjurkan *Biggest Loser Challenge* versi USIM. Melalui ujian UKJK, didapati masih ramai warga USIM mengalami masalah berat badan berlebihan dan tidak memiliki Indeks Jisim Tubuh yang unggul. Cabaran ini telah dimulakan pada tahun 2017 dengan penyertaan 100 orang dan jumlah penyertaan meningkat kepada 300 orang pada tahun 2018.

USIM telah dianugerahkan Sijil *Blue Ribbon* sebagai penghargaan kepada pelaksanaan kampus bebas asap rokok pada tahun 2018. Banyak kempen berkaitan larangan merokok anjuran PKU telah dijalankan sejak tahun 2016, antaranya seperti Ceramah Kanser yang disampaikan oleh Pegawai Perubatan dari Pejabat Kesihatan Daerah Seremban dan Klinik Berhenti Merokok yang diadakan pada setiap hari Rabu di PKU.

USIM turut mengadakan aktiviti Senaman Tua anjuran Pusat Pengajian Teras (PPT) pada setiap hari Khamis. Penyertaan adalah terbuka kepada semua warga USIM dan ia adalah baik untuk mereka yang mengalami masalah resdung, sakit pinggang, penyakit asma dan kencing manis.

# KESANTUNAN MASYARAKAT

## Klinik Pakar Kesihatan USIM



Bagi merealisasikan hasrat untuk menjadi nombor satu di hati dan minda masyarakat, USIM telah mengambil langkah menyantuni setiap lapisan masyarakat dengan melaksanakan aktiviti libat sama komuniti dan khidmat sosial.

Klinik Pakar Kesihatan USIM (KPKU) adalah hasil usaha sama antara USIM dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan ditubuhkan pada tahun 2015. Klinik ini berfungsi menguruskan beberapa program yang melibatkan asnaf dan golongan kurang berkemampuan.

### Program Bersama Asnaf

KPKU dengan kerjasama MAINS mengadakan Program Bersama Asnaf. Penganjuran program ini membolehkan golongan kurang berkemampuan di Negeri Sembilan khususnya, mendapatkan perkhidmatan dan nasihat daripada pakar perubatan USIM. Sepanjang tahun 2018, sebanyak lapan siri program telah berjaya dianjurkan yang melibatkan 647 orang asnaf.  Pelbagai aktiviti berunsurkan kesihatan telah dijalankan dalam program tersebut termasuk pemeriksaan dan saringan kesihatan serta sesi ceramah yang disampaikan oleh pakar perubatan. Program ini telah meningkatkan kadar kunjungan pesakit asnaf ke klinik selepas program tersebut. Aktiviti lain yang turut dilaksanakan dengan kerjasama NGO lain seperti *Our Optometrist.* Asnaf dan keluarga mereka mendapat pemeriksaan mata dan kaca mata percuma. Majlis Hari Raya juga diadakan bagi meraikan mereka di samping pemeriksaan kesihatan semasa sambutan tersebut.



## KLiP Mobile

KLiP Mobile menyediakan perkhidmatan klinik pakar bergerak bagi rawatan mata kepada masyarakat Negeri Sembilan. Sepanjang tahun 2018, KLiP Mobile USIM berjaya mengadakan program pemeriksaan dan saringan mata kepada masyarakat di 10 buah lokasi di seluruh Negeri Sembilan, antaranya di Gemas, Seremban, Port Dickson dan Jempol.

## Pusat Hemodialisis

Pusat Hemodialisis yang diusahakan bersama antara USIM dengan MAINS telah mula beroperasi pada Julai 2018. Ia terletak di antara KPKU dengan BaitulMal di Nilai Square. Tempat operasi dan barangan perubatan di pusat tersebut diwakafkan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB). Pada 2018, seramai 20 orang pesakit yang ditaja oleh MAINS, Pusat Zakat Selangor (PZS), PERKESO dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah menjalani hemodialisis di pusat itu.





## Projek #DarihatiUSIM

#DarihatiUSIM merupakan inisiatif USIM secara kolektif dalam menyantuni masyarakat dan mengukuhkan ukhuwah dengan komuniti setempat. Projek ini merangkumi beberapa aktiviti kemasyarakatan seperti pengagihan sumbangan berbentuk pakaian dan makanan yang diperolehi dari Kempen Pasar Percuma kepada golongan kurang berkemampuan.

Ia juga melibatkan Kempen *Souq Hurrah* yang menawarkan barangan keperluan harian secara percuma kepada golongan kurang berkemampuan dalam kalangan masyarakat setempat. Barang-barang keperluan harian yang ditawarkan adalah hasil daripada sumbangan warga USIM yang diletakkan di sudut khas di Pusat Islam.

USIM turut melaksanakan Program Jelajah Masyarakat di Rembau dengan kerjasama Majlis Permuafakatan Angkatan NGO-NGO Malaysia (MAPAN). Program ini melibatkan pelbagai aktiviti kemasyarakatan untuk penduduk setempat termasuk pemeriksaan kesihatan secara percuma.

USIM dengan kerjasama Pertubuhan Kebajikan Penduduk Nilai (KPN), sebuah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Badan Kesukarelawan, telah menjayakan program gotong-royong membersihkan rumah golongan asnaf dan miskin di sekitar Nilai. Objektif utama program adalah untuk membantu golongan tersebut menjalani kehidupan normal seperti keluarga yang lain di samping mengeratkan hubungan warga USIM dengan masyarakat setempat.



## Rawatan Pergigian Anak-Anak Yayasan Faqeh

KUSIMA telah menganjurkan program rawatan pergigian untuk anak-anak istimewa dari Yayasan Faqeh, sebuah pertubuhan untuk membantu anak-anak kelainan upaya mempelajari al-Quran. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan anak-anak ini berkenaan penjagaan gigi di samping menyantuni mereka untuk mendapatkan perkhidmatan pergigian di Fakulti Pergigian USIM.

## Lawatan Anak-Anak Kanser di Hospital Kuala Lumpur

Kelab Wardah yang terdiri daripada kakitangan wanita dan isteri kakitangan USIM telah mengadakan lawatan prihatin anak-anak kanser di Hospital Kuala Lumpur. Program yang dijalankan secara kerjasama dengan Kumpulan Ibu Bapa dan Sokongan Anak-anak Kanser (KIDS) Hospital Kuala Lumpur, sebuah organisasi bukan kerajaan (NGO), bertujuan membantu memberi sokongan moral kepada anak-anak kanser dan ahli keluarga yang terlibat. Dalam lawatan tersebut, bantuan kewangan, *hamper* dan juga al-Quran digital telah disampaikan kepada pihak pengurusan hospital dan juga wakil KIDS.

## Pelaksanaan Pas Keselamatan Komuniti

USIM telah melaksanakan penggunaan Pas Keselamatan Komuniti kepada rakan industri, masyarakat setempat dan golongan kurang upaya yang berdaftar bagi memudahkan akses mereka ke kawasan kampus untuk berurusan dengan pihak universiti. Ia adalah langkah untuk memasyarakatkan universiti tanpa mengabaikan aspek keselamatan pengunjung.



# KLINIK PAKAR KESIHATAN USIM
## *Untuk Kesejahteraan Rakyat*




Klinik Pakar Kesihatan USIM (KPKU) telah ditubuhkan oleh USIM dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). KPKU menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan patuh syariah yang terunggul. Hasil kerjasama USIM dengan MAINS ini bertujuan memberi manfaat kepada kesejahteraan rakyat Negeri Sembilan.

KPKU terletak di Nilai Square, Nilai, Negeri Sembilan dan telah mula beroperasi pada 10 April 2015 sebagai klinik swasta di bawah kendalian USIM Tijarah Holdings Sdn Bhd. KPKU dilengkapi dengan peralatan yang berasaskan teknologi terkini yang diwakafkan oleh MAINS dan menawarkan pelbagai perkhidmatan kepakaran perubatan dan pergigian dengan harga yang lebih murah dari klinik pakar lain.

KPKU memberikan perkhidmatan perubatan dan pergigian. Perkhidmatan kepakaran di sini dibantu oleh pensyarah Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) dan pensyarah Fakulti Pergigian (FPg) USIM. Doktor-doktor pakar dari USIM ini memberikan perkhidmatan perubatan dan pergigian dengan mendokong konsep Naqli dan Aqli, iaitu perubatan moden yang dibantu dengan ilmu bersumberkan al-Quran bagi membantu pesakit lebih bermotivasi dan positif.

Klinik ini terbuka kepada orang awam tidak mengira umur dan bangsa. Klinik ini juga mempunyai doktor biasa dan mempunyai doktor pakar perubatan keluarga, perubatan am (termasuk pakar neurologi, endokrin, gastro), pakar sakit puan dan ibu mengandung, pakar kanak-kanak, pakar mata, pakar hidung, telinga dan tekak, pakar psikiatri, pakar orthopaedik dan pakar radiologi. Klinik pakar mempunyai mesin *Xray*, *Ultrasound* dan ECG. Klinik ini mampu membuat *detail scan* untuk ibu mengandung dan *medical check-up* bagi tujuan saringan kesihatan, kerja dan sambung belajar. Rata-rata pesakit berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan dengan harga yang lebih murah.

Istimewanya, klinik ini merupakan satu contoh klinik berorientasikan wakaf yang menyediakan khidmat kepakaran perubatan untuk golongan kurang berkemampuan. KPKU memberi rawatan percuma kepada asnaf Negeri Sembilan, iaitu asnaf dari golongan fakir miskin. Beberapa program asnaf di sekitar Negeri Sembilan telah diadakan bermula Mac 2017 dengan bantuan Baitulmal dan MAINS bagi mencapai asnaf di kawasan yang jauh dari Nilai. *Maybank Islamic* pula telah menyumbang wang zakat mereka untuk membantu KPKU memberikan perkhidmatan kesihatan kepada para asnaf.

Bagi mereka yang kurang mampu tetapi bukan kategori asnaf, KPKU mempunyai 'Tabung Tabarru' untuk membantu jika memerlukan. Akan tetapi, penilaian segera akan dibuat supaya wang itu disalurkan dengan sebetulnya dan menurut matlamat asal penggunaannya. 'Tabarru' bermaksud derma ikhlas yang diberikan oleh satu pihak tanpa mengharapkan balasan. Selain pakar-pakar mewakafkan masa mereka di KPKU, mereka juga menyumbang 10% wang perkhidmatan mereka ke 'Tabung Tabarru'. Setiap pesakit awam yang membayar untuk perkhidmatan kepakaran di sini akan turut menyumbang 10% dari bayaran tersebut ke 'Tabung Tabarru'. Dalam erti kata lain, pesakit yang mendapatkan perkhidmatan pakar akan bersedekah ke tabung ini.



Begitu indahnya Islam di mana umatnya diajar untuk bersedekah dan ini membantu mewujudkan perasaan kasih sayang di antara satu sama lain. Malah wang dari 'Tabung Tabarru' ini juga boleh digunakan kepada pesakit bukan Islam yang tidak berkemampuan menurut penilaian tetapi memerlukan perkhidmatan kesihatan. Di dalam al-Quran banyak ayat yang menyentuh perihal sedekah.

Antaranya; "Wahai orang-orang yang beriman! Nafkahkanlah (dermakanlah) sebahagian dari apa yang telah Kami berikan kepada kamu, sebelum tibanya hari (kiamat) yang tidak ada jual beli padanya dan tidak ada kawan teman (yang memberi manfaat), serta tidak ada pula pertolongan syafaat. Dan orang-orang kafir, mereka itulah orang-orang yang zalim." (Surah al-Baqarah:254).

Antara kelebihan lain, KPKU juga menyediakan perkhidmatan 'Klinik Pakar Mata Bergerak' di sekitar Negeri Sembilan. Lori yang dilengkapkan bersama peralatan pemeriksaan mata telah menyumbang bakti dengan membawa pakar-pakar mata USIM ke kawasan pedalaman Negeri Sembilan untuk membantu rakyat mendapat kemudahan pemeriksaan mata.

Selain itu, Pusat Hemodialisis USIM-MAINS beroperasi pada Julai 2018 yang diwakafkan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB). Pusat ini akan membantu para asnaf untuk mendapat khidmat hemodialisis secara percuma dan juga terbuka kepada orang awam.

KPKU adalah satu usaha murni hasil kerjasama antara kerajaan negeri, sebuah universiti, badan-badan kerajaan dan badan korporat yang bekerjasama untuk kesejahteraan rakyat seperti yang dihajatkan oleh Kerajaan Negeri. KPKU adalah entiti wakaf pertama sepertinya di Malaysia dan patut menjadi contoh bagi membantu golongan kurang bernasib baik untuk mendapat perkhidmatan kesihatan yang terbaik.

Sila imbas kod untuk menonton video atau layari:
http://bit.ly/LT18video1

*****

Sesungguhnya, usaha dan inisiatif yang dijalankan ini adalah sebahagian daripada matlamat utama USIM untuk melestarikan sebuah persekitaran barakah dan kondusif bagi seluruh warganya serta sesiapa sahaja yang mengunjunginya untuk bersama-sama mengecapi sebuah kehidupan yang penuh bermakna. Melalui kisah Nabi Nuh a.s, Allah SWT mengajar kita untuk sentiasa berdoa agar dikurniakan tempat penghidupan dan penginapan yang barakah.

Firman Allah SWT dalam surah al-Mukminun, ayat 29: Maksudnya: "Dan berdoalah dengan berkata: Wahai Tuhanku, turunkanlah daku di tempat yang berkat, dan Engkau adalah sebaik-baik Pemberi tempat."







# MEMPERKASA **KUALITI AKADEMIK**

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu. Dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan”.

(Al-Mujaadalah 58:11)

# PENDAHULUAN

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terus mengorak langkah memantapkan dan memperkasa kualiti akademik terutamanya dalam memastikan kelestarian kampus. Kekuatan USIM dalam mengangkat martabat Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (INAQ) memerlukan tenaga pengajar yang dapat menerapkan konsep murabbi dan mampu memberi impak positif kepada mahasiswa dan masyarakat melalui pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan khidmat sosial.



Pembangunan dan perkembangan program akademik terus menjadi agenda utama dalam merintis Kampus Barakah. Ini dapat dilihat melalui tema yang digunakan dalam Majlis Konvokesyen ke-16 pada tahun 2018 iaitu "Pembangunan Lestari" yang merujuk kepada bukan sahaja pembangunan fizikal dan fasiliti tetapi juga pembangunan jati diri, akhlak dan pembentukan sahsiah. Selari dengan perkembangan teknologi, peranan universiti perlu diperkasa supaya masih teguh berdiri sebagai punca ilmu yang luhur dan dipercayai dan bukan hanya bermatlamat menjamin peluang pekerjaan dalam industri. Ekosistem pendidikan yang seimbang berteraskan INAQ dijangka mampu membentuk murabbi yang berciri qalbu salim dan generasi cemerlang.

# PEMBANGUNAN DAN PERKEMBANGAN PROGRAM AKADEMIK



Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang berteraskan paduan INAQ, USIM memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan masa hadapan kelestarian ilmu dan peradaban sarjana Muslim tidak ketinggalan dengan ledakan kemajuan teknologi maklumat dan Revolusi Industri 4.0. Oleh itu, USIM terus memastikan program-program sedia ada dan yang bakal ditawarkan selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan agar graduan yang dihasilkan berpotensi cemerlang bukan sahaja di universiti bahkan turut hebat apabila bergraduat kelak.

**Falsafah Pendidikan Kebangsaan**

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

## Penubuhan Pusat Jaminan Kualiti, Dasar dan Kecemerlangan Akademik

Sejajar dengan usaha untuk mengukuhkan dan melancarkan penyusunan strategi serta penambahbaikan berterusan pembangunan dan perkembangan akademik di USIM, Pusat Tanggungjawab (PTj) baharu iaitu Pusat Jaminan Kualiti, Dasar dan Kecemerlangan Akademik (QAPEX) ditubuhkan berkuat kuasa 16 April 2018. Objektif penubuhan QAPEX adalah untuk:

1. Membudayakan kualiti secara menyeluruh dalam ekosistem universiti
2. Memperkasakan agenda Integrasi INAQ untuk kesejahteraan insan
3. Membangunkan kelompok bakat ahli akademik secara konsisten
4. Membangun dan melaksanakan dasar bagi mencapai kecemerlangan akademik
5. Memastikan jaminan kualiti akademik dan akreditasi memenuhi piawaian semasa

# PEMBANGUNAN DAN PERKEMBANGAN PROGRAM AKADEMIK

## Penawaran Program Baharu

Sebanyak enam program prasiswazah dan lapan program pascasiswazah mendapat kelulusan Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) pada 2018.

### Prasiswazah

- Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian
- Sarjana Muda Syariah (Industri Halal) dengan Kepujian
- Sarjana Muda Pengajian Qiraat dengan Kepujian
- Sarjana Muda Pengurusan Islam (Pelancongan dan Hospitaliti) dengan Kepujian
- Sarjana Muda Bahasa Inggeris dengan Perdagangan dengan Kepujian
- Sarjana Muda Bahasa Arab dan Kesusasteraan Islam dengan Kepujian

### Pascasiswazah

- Sarjana Undang-Undang (Undang-Undang Antarabangsa) – Mod Kerja Kursus
- Doktor Falsafah Undang-Undang
- Sarjana Sains Kejuruteraan – Mod Penyelidikan
- Doktor Falsafah Sains Kejuruteraan – Mod Penyelidikan
- Sarjana Bahasa Arab (Kesusasteraan Islam) – Mod Campuran
- Sarjana Bahasa Arab (Terjemahan) – Mod Campuran
- Sarjana Sains Sosial dan Kemanusiaan
- Doktor Falsafah Sains Sosial dan Kemanusiaan

## Program 2u2i

Program 2u2i adalah inisiatif di bawah Lonjakan 1 (Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang) dan Lonjakan 7 (Ekosistem Inovasi) dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Ia bertujuan memupuk semangat keusahawanan melalui kerjasama akademik dan industri. Program 2u2i yang dimaksudkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) merujuk kepada pembelajaran yang berlaku di dalam dan di luar kampus dalam kombinasi yang pelbagai sama ada pembelajaran tiga tahun di kampus dan satu tahun di industri atau dua tahun di kampus dan dua tahun di industri atau dua tahun di universiti dan satu tahun di industri.

Dalam menyahut hasrat JPT untuk mewujudkan program berteraskan pembelajaran secara *Work-Based Learning* yang menggabungkan pengajian di universiti dan pengalaman bekerja di industri (2u2i), USIM telah mendapat kelulusan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada 28 Februari 2018 dan JKPT pada Disember 2018 untuk menawarkan Program Sarjana Muda (Industri Halal) dengan Kepujian. Program ini adalah program 2u2i pertama di USIM yang bakal ditawarkan pada Sesi Akademik 2019/2020 dan bertujuan memenuhi keperluan tenaga kerja profesional dan berkemahiran dalam bidang industri halal.



## Program Transformasi Pendidikan Islam

Sebagai sebuah universiti yang mempelopori paduan INAQ, USIM bakal menawarkan Sarjana Muda Pengajian Qiraat dengan Kepujian yang mendapat kelulusan MQA dan JKPT. Ia dilihat amat diperlukan bagi mewujudkan peluang dan ruang kepada pelajar di bawah Kurikulum Dini dan Kurikulum Tahfiz yang digubal melalui Program Transformasi Pendidikan Islam. Ia selari dengan hasrat kerajaan untuk meluaskan model Pendidikan Tahfiz Ulul Albab (TMUA) ke peringkat Universiti Awam (UA) supaya kesinambungan generasi Ulul Albab tidak berakhir di sekolah menengah sahaja. Di samping pelajar Kolej PERMATA Insan, enrolmen pelajar-pelajar lepasan TMUA di bawah KPM sebagai mahasiswa USIM dijangka dapat menjadi pemangkin kepada hasrat universiti dalam melahirkan profesional yang hafiz al-Quran.

**Hasrat PPPM 2013-2025**

KPM komited untuk menyediakan pendidikan agama berkualiti tinggi bagi melengkapkan murid dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang relevan untuk berjaya dalam pasaran kerja berasaskan nilai Islam yang kukuh.

## Memperkasa INAQ dengan Kepemimpinan Berpandukan Qalbu

Dalam mengukuhkan integrasi INAQ dalam kalangan staf USIM, kepentingan Qalbu Salim (hati yang murni) sangat dititikberatkan. QAPEX dengan kerjasama Bahagian Sumber Manusia (BSM), Jabatan Pendaftar (JP) diberi kepercayaan untuk menganjurkan Kursus Kepemimpinan Berpandukan Qalbu (iQalb) Tahap 1 dan 2. Modul kursus ini dibangunkan oleh gabungan kumpulan pakar daripada staf akademik dan pentadbiran USIM melalui penyelidikan yang komprehensif. Modulnya meliputi aspek kesarjanaan, kepemimpinan akademik, profesionalisma, libat sama dengan masyarakat dan lain-lain lagi. Ia bertujuan memastikan seluruh staf, pensyarah dan mahasiswa memahami dengan jelas visi dan misi USIM agar tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dapat dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan penuh berintegriti. Sehubungan itu, pihak Pengurusan Universiti menetapkan kehadiran penuh ke kursus i-Qalb sebagai salah satu kriteria yang diambil kira untuk tujuan kenaikan pangkat bagi staf akademik yang dilantik mulai tahun 2015 dan staf pentadbiran mulai tahun 2018.

## Pengiktirafan Kurikulum Naqli dan Aqli

Model pendidikan USIM yang mendukung penerapan budaya INAQ bagi melahirkan graduan seimbang semakin mendapat perhatian masyarakat di Malaysia khasnya. Ia diakui oleh Panel Penasihat Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Y.A Datuk Dr. Haji Hamid Sultan bin Abu Backer, Hakim Mahkamah Rayuan Malaysia, yang membuat komentar rasmi bertarikh 12 Februari 2018 selepas menyemak program Sarjana Muda Undang-Undang dan Syariah (SMUS) yang ditawarkan di USIM. Beliau dilantik menjadi panel penasihat bagi FSU pada tahun 2018. Selain menjadi hakim beliau juga aktif menulis dan menerbitkan buku dalam beberapa siri *Janab's Key* yang menjadi rujukan penting pelajar undang-undang dan pengamal undang-undang di Malaysia. Beliau juga perintis kepada idea *University Arbitration* yang masih dalam peringkat penyelidikan. Beliau percaya bahawa satu hari nanti graduan USIM akan menjadi graduan yang dicari dalam industri kerana mempunyai kelebihan dalam kedua-dua bidang iaitu Sivil dan Syariah.

## Pencapaian Akademik Kolej PERMATA Insan



Program PERMATA Insan telah memasuki tahun keempat pelaksanaannya dalam menyediakan Program Pendidikan Menengah bagi pelajar berumur 12 hingga 17 tahun di samping Program Perkhemahan Cuti Sekolah yang menerapkan modul-modul pengayaan bagi pelajar berumur 8 hingga 15 tahun. Program ini bertujuan melahirkan ilmuwan, teknokrat, pemimpin, pembibit reka (innovator) serta pemikir Islam masa depan, mampu menghubung kait Islam dengan sains, teknologi, keimanan, seni dan matematik (STREAM) serta membangun tradisi keilmuan Islam melalui kesepaduan INAQ. Seramai 47 orang pelajar ambilan pertama pada tahun 2015 telah menduduki *Insan Junior School Certificate* (IJSC) pada tahun 2017 yang menggantikan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3). Daripada jumlah tersebut, seramai 37 orang pelajar (78.73%) berjaya mencapai Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) melebihi 3.0. Bagi pencapaian hafazan pula, seramai 24 orang pelajar Tahap 1 daripada 35 orang telah melebihi 15 juzuk dan selebihnya telah berada di juzuk 13–14.

# Seminar dan Syarahan Perdana



## Seminar Warisan Nabawi 2018

Usaha untuk mempromosi kepakaran dan keternampakan (*visibility*) staf akademik turut menjadi agenda USIM. Penganjuran program-program dengan masyarakat serantau dan antarabangsa diadakan sepanjang 2018. Program Seminar Warisan Nabawi (SWAN) 2018 yang bertemakan 'Keamanan dan Keharmonian Sejagat Menurut Perspektif Sunnah' diadakan pada 2 dan 3 Oktober 2018 dengan kerjasama *International University for Renewal (IUR)* di Esenyurt Turki. Seminar ini mendapat penyertaan dari pelbagai negara seperti Turki, Indonesia, Nigeria, Qatar, Pakistan dan juga Malaysia dengan sebanyak 72 kertas kerja berjaya dibentangkan.

## *International Seminar on Syariah and Law 2018*




*International Seminar on Syariah and Law 2018* (INSLA 2018) pada mulanya dirancang untuk diadakan di Lombok, Indonesia dengan kerjasama Universiti Muhammadiyah Mataram, Lombok. Namun begitu atas sebab gempa bumi yang melanda Lombok, seminar ini ditunda ke tarikh baharu dan diadakan di Malaysia. Dalam menzahirkan keprihatinan, USIM menghantar beberapa sukarelawan yang terdiri daripada jawatankuasa dan peserta INSLA 2018 untuk menyantuni masyarakat Lombok bagi program misi kemanusiaan, Malaysia Peduli Lombok 2018 yang dianjurkan oleh Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) dengan kerjasama Aman Palestin dan Universitas Muhammadiyah Mataram pada 4-6 November 2018. Dalam masa yang sama, satu diskusi tentang *Syariah and Law in Time of Disaster* diadakan di Universitas Muhammadiyah Mataram bagi melihat isu-isu bencana alam dalam konteks Syariah dan juga undang-undang. INSLA 2018 kemudiannya diadakan di Hotel Movenpick, KLIA Malaysia pada 10 November 2018 yang dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof. Dr. Abdul Rahim Abdul Rahman. Seminar ini dilihat sebagai satu medium menerapkan konsep INAQ dan memberi pencerahan untuk pengharmonian isu-isu berkaitan dua sistem perundangan di Malaysia iaitu Undang-Undang Syariah dan Undang-Undang Sivil.



## Seminar Serantau Pendidikan Tinggi Islam 2018

Seminar Serantau Pendidikan Tinggi Islam 2018 (SeIPTI 2018) menyaksikan satu penggembelengan usaha antara negara ahli SeIPTI iaitu Malaysia, Indonesia, Brunei dan Thailand, bersama-sama dalam satu seminar yang sangat bermakna khusus untuk Institusi Pengajian Tinggi Islam serantau. Universiti yang terlibat dalam penganjuran ini ialah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Darussalam (UNIDA) Gontor Indonesia, Universiti Islam Sultan Syarif (UNISSA), Brunei Darussalam dan Universiti Fatoni (FTU), Thailand. Lebih 100 kertas kerja dibentangkan dalam seminar ini. Sebagai tuan rumah, USIM telah mengangkat tema 'Merintis Kampus Barakah: Menuju ke Arah Kecemerlangan Global Institusi Pendidikan Tinggi Islam Serantau.' Perbincangan utama adalah berpaksikan kepada konsep 'Barakah', iaitu membawa maksud kebaikan, keselamatan, serta kesejahteraan. Program ini diadakan di Dewan Senat Bangunan Canselori USIM pada 25 dan 26 November 2018. Resolusi SeIPTI 2018 diharapkan menjadi satu seminar yang sentiasa dinamik untuk membawa isu pendidikan tinggi Islam serantau dan menjadi satu medan diskusi akademia yang efektif bagi menyalur dan berkongsi maklumat.

## *Islamic Education, Foresight and 4th Industrial Revolution 2018*



Persidangan *Islamic Education, Foresight and 4th Industrial Revolution* (IFIRST 2018) adalah program kolaborasi antara USIM dengan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Ikram Musleh dan Kedutaan Amerika Syarikat Kuala Lumpur. Bertemakan *Towards Holistic Islamic Education in Facing the Future* persidangan ini menunjukkan kesamaan tujuan (*common direction*) ke arah pemerkasaan generasi dan Pendidikan Islam dalam mendepani masa hadapan terutamanya pada era revolusi industri 4.0. Persidangan ini telah mendapat pembiayaan sepenuhnya dari Kedutaan Amerika Syarikat Kuala Lumpur yang mendokong kelestarian pendidikan selari dengan *Sustainable Development Goals (SDGs)* oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN). Turut menjayakan persidangan ini adalah Dr. Zainab Alwani, Pengarah Pengajian Islam, Howard University, Amerika Syarikat yang juga Lembaga Pengarah Institut Karamah. Beliau menyampaikan ceramah bertajuk *Reviving the Role of Islamic Educators as Murabbi, Muaddib, Muallim: The Quranic Approach*. Selain itu, Afeefa Syeed, pengasas kepada Akademi Al Fatih, Amerika Syarikat turut berkongsi pandangan beliau mengenai *Islamic Education and Culture Context*. IFIRST2018 dirasmikan oleh Menteri Pendidikan Malaysia, YB. Dr. Maszlee Malik. Beliau menyampaikan ucap utama bertajuk *Islamic Education and the 4$^{th}$ Industrial Revolution*. Persidangan ini diakhiri dengan perkongsian daripada Profesor Dato' Dr. Siddiq Fadzil, Pengerusi Lembaga Pengarah USIM (LPU) dengan syarahan bertajuk 'Memaknai Pendidikan Hikmah dalam Era Industri 4.0'. Sumbangan USIM dalam menerajui penganjuran program ini memberi impak yang besar kepada masyarakat terutamanya dalam bidang Pendidikan Islam dan pengintegrasian ilmu.

## Syarahan Perdana



Syarahan Perdana Undang-Undang dan Syariah oleh Prof. Dr. Hj. Abdul Samat Musa yang bertajuk *Islam, State and the Constitution in Malaysia and Islamic Constitutional Theory: Their Relationship and Challenges* diadakan pada 27 April 2018. Sebagai seorang profesor yang juga mantan Dekan di FSU, penulisan yang dihasilkan dalam siri syarahan perdana ini menepati integrasi INAQ dalam bidang perundangan yang boleh memberi impak yang besar kepada masyarakat. Banyak intipati menarik dalam syarahan beliau mengenai teori perlembagaan Islam yang sangat meraikan kehidupan harmoni pelbagai kaum dan agama, penglibatan rakyat dalam sistem demokrasi dan syura, serta prinsip-prinsip asas keadilan, kesaksamaan dan amanah dalam kenegaraan.

## Sijil Pembimbing Ibadat Haji 2018



Program Sijil Pembimbing Ibadat Haji 2018 (SPIH 2018) dianjurkan dengan kerjasama Lembaga Tabung Haji dan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) pada 18 hingga 23 Mac 2018 di USIM. Ia bertujuan memastikan Pengkursus Ibadat Haji Tanah Air (PEKTA) dapat melalui satu proses pembelajaran berbentuk akademik secara sistematik dan berkesan untuk membimbing bakal jemaah haji. Jumlah penyertaan pada 2018 adalah seramai 128 orang dan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 60% berbanding tahun sebelumnya. Sebanyak 14 modul pengkuliahan disediakan sepanjang enam hari berkursus yang meliputi beberapa topik seperti Permasalahan Kontemporari Ibadah Haji dan Umrah, Isu Hukum Hakam dan Pelaksanaan Dam dan lain-lain.

## *Malaysia- Japan Discourse Project 2018*




*The Malaysia-Japan (MAJA) Discourse Project 2018* adalah satu projek yang dibiayai kerajaan Jepun untuk memberi kefahaman mendalam tentang sejarah hubungan di antara kedua-dua kerajaan Malaysia dan Jepun. Dalam usaha untuk memantapkan penguasaan pelbagai bahasa oleh staf dan mahasiswa USIM, program ini adalah satu kejayaan bagi Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU). Di samping membina jalinan hubungan baik Malaysia-Jepun, program MAJA ini dapat memperkenalkan USIM kepada masyarakat dan memberi pendedahan kepada staf dan pelajar untuk mempelajari sesuatu budaya dan tamadun yang berbeza dengan budaya tempatan.

# KEMASUKAN PELAJAR

## Pelajar Tamhidi



Pengambilan pelajar Tamhidi bagi Sesi Akademik 2018/2019 yang diadakan pada 27 Jun 2018 merekodkan seramai 946 pelajar mendaftar dari 1368 tempat yang ditawarkan. Ia merekodkan unjuran seramai 1250 pelajar di mana sejumlah 870 orang daripada aliran sains dan 380 orang daripada aliran sastera. Pelajar-pelajar dipilih melalui Mesyuarat Pemilihan Bersama Lepasan SPM/setaraf pada 14 hingga 17 Mei 2018 dan Mesyuarat Pemilihan Bersama Rayuan Lepasan SPM/setaraf pada 1 hingga 4 Jun 2018. Selain itu, terdapat juga pelajar yang ditawarkan di luar sistem iaitu kemasukan khas dengan kelulusan Senat Universiti bagi pelajar-pelajar yang menggunakan kelayakan A-Level, kelayakan luar negara, tawaran melalui *Young Talent Development Programme* dan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Seiring dengan hasrat kerajaan membantu golongan berpendapatan rendah yang dikategorikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sebagai golongan *socially disabled*, USIM membuat tawaran melebihi unjuran asal kepada pelajar yang memenuhi syarat kelayakan minimum ke program Tamhidi. Bagi Program Persediaan Pelajar Antarabangsa, dari tiga tawaran yang dikeluarkan, seorang pelajar dari Australia mendaftar di bawah program ini. Ini merupakan perkembangan yang baik untuk penawaran melibatkan pelajar luar negara.

| Program Pengajian | Tawaran | Mendaftar | % Pendaftaran |
|---|---|---|---|
| Tamhidi Pergigian (Q0070) | 86 | 70 | 81.4% |
| Tamhidi Perubatan (Q0080) | 158 | 130 | 82.3% |
| Tamhidi Perakaunan & Muamalat (Q0210) | 341 | 235 | 69.0% |
| Tamhidi Syariah & Undang-Undang (Q0601) | 308 | 205 | 66.6% |
| Tamhidi Sains & Teknologi (Q0800) | 475 | 306 | 64.4 |
| **Jumlah** | **1368** | **946** | **69.2%** |

Jadual 2.1 Jumlah Pelajar Tamhidi Mendaftar bagi Sesi Akademik 2018/2019



## Pelajar Sarjana Muda

Laporan pengambilan pelajar baharu Program Sarjana Muda bagi Sesi Akademik 2018/2019 menunjukkan sebanyak 2773 unjuran pelajar dibuat dengan penawaran sebanyak 2814 dan merekodkan seramai 2451 pelajar yang mendaftar.

## Pelajar Pascasiswazah

Pada 2018 pelajar mendaftar adalah seramai 507 orang dengan pecahan seramai 336 orang pelajar tempatan dan 171 orang pelajar antarabangsa.




Rajah 2.1 Peratus jenis kenegaraan pelajar pascasiswazah yang mendaftar




Rajah 2.2 Pecahan enrolmen pelajar pascasiswazah yang mendaftar mengikut mod pengajian




Rajah 2.3 Pecahan pelajar Sarjana Muda mendaftar mengikut fakulti

# PENGANUGERAHAN DAN PENGIJAZAHAN




Majlis Konvokesyen USIM ke-16 yang diadakan pada 27 hingga 29 November 2018 memilih tema 'Pembangunan Lestari' selari dengan hasrat USIM untuk merealisasikan Kampus Barakah. Seramai 2379 graduan Sarjana Muda dan 333 graduan siswazah layak diijazahkan dan diraikan sempena Majlis Konvokesyen USIM ke-16.

**2379**
**Graduan Sarjana Muda**

| Kelas Pengijazahan | | | | Tanpa Kelas | |
|---|---|---|---|---|---|
| Kelas Pertama | Kelas Kedua Atas | Kelas Kedua Bawah | Kelas Ketiga | Graduan Perubatan | Graduan Pergigian |
| 93 | 1720 | 441 | 22 | 73 | 30 |

Jadual 2.2 Jumlah Graduan mengikut Kelas Pengijazahan

| Negara | Bilangan |
|---|---|
| Malaysia | 2376 |
| Jordan | 2 |
| Afghanistan | 4 |
| Brunei | 1 |
| Libya | 1 |
| Nigeria | 1 |
| Singapura | 1 |
| Thailand | 1 |
| China | 1 |

Rajah 2.4 Pecahan Graduan mengikut negara



Tun Dato' Seri Zaki Tun Azmi,
Pro-Canselor USIM




Dr. Ahmad Kamil Jamilin,
Penerima Anugerah Canselor
(Siswazah)

Majlis konvokesyen kali ini dimulakan dengan pemasyhuran Tun Dato' Seri Zaki Tun Azmi sebagai Pro-Canselor USIM yang pertama. Tun Zaki adalah mantan Ketua Hakim Negara dan juga penerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Syariah dan Kehakiman pada Majlis Konvokesyen ke-13 USIM pada tahun 2015.

Pada majlis kali ini, USIM menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat kepada Tan Sri Abdul Wahid Omar, mantan pengerusi Permodalan Nasional Berhad dan mantan Naib Canselor USIM iaitu Prof. Dato' Dr. Muhammad Muda. Selain itu, turut dianugerahkan ijazah kehormat Sarjana Pengajian Quran dan Sunnah kepada Tuan Haji Mohd Alwi Yusoff yang pernah menyumbang jasa di Fakulti Pengajian Quran Sunnah (FPQS).

Pensyarah FPQS Dr Ahmad Kamil bin Jamilin telah memperoleh Anugerah Canselor (Siswazah) dan Anugerah Fakulti Kategori Doktor Falsafah (Penyelidikan) kerana berjaya menyelesaikan pengajian peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) dalam tempoh pengajian yang ditetapkan. Ucapan beliau sebagai wakil graduan dalam majlis konvokesyen menjadi tular dan memberi motivasi kepada masyarakat untuk mencontohi beliau. Seramai 15 graduan pascasiswazah dan 36 orang graduan siswazah menggondol anugerah-anugerah khas dalam majlis konvokesyen ini. Tahun ini USIM menganugerahkan ijazah secara anumerta kepada dua orang bekas pelajarnya. Mereka ialah Allahyarhamah Noor Sahadah Ajik, pelajar Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa dengan Kepujian (FSU) yang menghembuskan nafas terakhir pada 10 Februari 2018 akibat penyakit buah pinggang dan Allahyarhamah Nurnadiana binti Ramlee, pelajar Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko) Fakulti Sains dan Teknologi (FST) yang meninggal dunia pada 9 April 2018 kerana menghidap jangkitan virus kronik pada kulit dan organ dalam. Penganugerahan ijazah secara Anumerta ini disempurnakan Pro-Canselor USIM, Tun Zaki Tun Azmi kepada kedua ibu bapa pelajar berkenaan.



Tan Sri Abdul Wahid Omar,
Penerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat



Dato' Dr Muhammad Muda,
Penerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat



Tuan Haji Mohd Alwi Yusoff,
Penerima Ijazah Kehormat Sarjana Pengajian Quran dan Sunnah

# PENGIKTIRAFAN DAN PENCAPAIAN AKADEMIK

## Penerima Anugerah Best Professor in Medicine and Health Sciences



Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Prof Dr Muhammad Shamsir Mohd Aris, menerima pengiktirafan sebagai *Best Professor in Medicine and Health Sciences* sempena The Golden Globe Tigers 2018 dalam satu majlis anugerah bertempat di Hotel Pullman Kuala Lumpur pada 23 April 2018. Majlis yang dianjurkan bersempena Malaysia Best Employer Brand Award 2018 oleh Malaysia Institute of Human Resource Management (MIHRM) memberi pengiktirafan kepada individu dan syarikat yang berjaya dalam bidang masing-masing. Ianya merupakan anugerah yang menghargai kontribusi profesional didalam bidang "education leaderships". Penilaian dibuat melalui pencalonan dan saringan untuk melihat kepada sumbangan invidividu tersebut dibidang yang dianugerahkan.

Pengiktirafan kepada beliau mengambil kira sumbangan dalam meningkatkan bilangan inovasi, penerbitan dan kajian di FPSK sepanjang beliau menjadi Dekan.

## Program *CEO@Faculty*



Dr. Mohd Fadzli Mohd Fuzi merupakan pensyarah Program Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko di FST. Beliau terpilih sebagai felo *CEO@Faculty Program 2.0* (CFP 2.0) pengambilan yang pertama dan memulakan program sangkutan di Jabatan Transformasi Operasi, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bermula dari 5 September 2017 sehingga 28 Februari 2018.

Semasa di KWSP, beliau terlibat dengan dua projek data analitik dan menjadi ahli jawatankuasa projek rangka kerja data analitik bagi keseluruhan KWSP. Selain itu, beliau juga berpeluang untuk mendapat bimbingan secara terus daripada mantan Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Datuk Shahril Ridza Ridzuan.



Dr. Muhammad Nizam Awang adalah Pensyarah Kanan di FSU dan juga mantan Timbalan Pengarah *Institute of Halal Research and Management* (IHRAM). Beliau terpilih untuk mengikuti CFP 2.0 bermula dari 3 September 2018 sehingga 28 Februari 2019 di Permodalan Nasional Berhad (PNB). Program ini adalah satu inisiatif oleh bahagian hubungan Industri JKPT yang menyediakan platform untuk para akademik muda mempelajari kemahiran kepemimpinan, komunikasi berkesan dan juga kemahiran perundingan. Beliau ditempatkan di bahagian Pelaburan Strategik, PNB. Di sini beliau mendapat peluang mempelajari dan menyertai pelbagai projek berkaitan perancangan korporat dan strategi, ekuiti awam dan pelaburan peribadi. Selain itu, sebagai felo CFP 2.0 beliau juga menyertai dan memberi sumbangan dalam *Integrated Corporate Responsibility Project*, menyiapkan kajian kes di industri dan melaksanakan inisiatif program kolaborasi industri-akademia.

## Fellowship Program

### SC-OCIS Visiting Fellowship University of Oxford



Dr. Raihanah Hamzah, pensyarah FST mengikuti program *Sc-OCIS Visiting Fellowship* tajaan *Securities Commission of Malaysia (SC)* dan Oxford Centre for Islamic Studies di OCIS, University of Oxford pada Oktober 2017 hingga Jun 2018. Beliau terpilih dalam saringan yang ketat untuk menempatkan diri sebagai *SC-OCIS Visiting Fellow in Islamic Finance* iaitu hanya seorang sahaja yang terpilih dari seluruh Malaysia. Sepanjang program, selain perlu terlibat aktif menjalankan penyelidikan, beliau juga terlibat dalam pembentangan dan penilaian di *Annual SC-OCIS Roundtable Discussion*, memberi dan menganjurkan taklimat, seminar serta perbincangan mengenai isu semasa berkaitan Kewangan Islam.

### Scholarship of the US Embassy Kuala Lumpur for Law, Leadership and Conflict Resolution Program



Dr. Norfadhilah Mohamad Ali adalah pensyarah di FSU, USIM. Beliau terpilih sebagai wakil Malaysia di bawah biasiswa Kedutaan Amerika Syarikat Kuala Lumpur untuk menyertai Program di Institute on Law, Leadership and Conflict Resolution di Manila, Filipina pada 5 Mac hingga 16 Mac 2018. Program ini anjuran bersama *Karamah Muslim Lawyers for Human Rights*, Washington DC dan *Women and Gender Rights*, Miriam College, Manila, Filipina. Program ini mengenengahkan pelbagai diskusi intelektual berkenaan keamanan, kaedah penyelesaian konflik dan kepemimpinan wanita terutama dalam menghadapi krisis. Program ini melibatkan para profesor, ahli akademik, peguam dan pemimpin komuniti untuk melahirkan tokoh wanita Muslim dalam masyarakat yang mampu membuat perubahan dinamik dan merubah masyarakat ke arah yang lebih positif.

### Steinberg Postdoctoral Fellowship Centre for Human Rights and Legal Pluralism, McGill Law School, McGill University Canada



Dr. Rodziana Mohamed Razali, pensyarah di FSU sedang mengikuti program *Arnold & Blema Steinberg Post-Doctoral Fellowship in International Migration Law & Policy di Centre for Human Rights and Legal Pluralism*, University of McGill. Beliau melalui saringan temu duga dalam kalangan calon-calon yang disenarai pendek dari pelbagai negara. Seorang lagi calon ialah dari Georgetown University Law Centre, USA terpilih bagi mengikuti program ini selama setahun. Selain menjalankan kajian dalam bidang kepakaran beliau, beliau aktif melibatkan diri dalam seminar dan dialog yang dianjurkan melibatkan ahli akademik, pelajar, badan Kerajaan, NGO dan pengamal undang-undang di Canada. Beliau juga turut terpilih untuk membentangkan kertas kerja berkaitan hasil kajian beliau di *World Conference on Statelessness and Inclusion* di The Hague, the Netherlands pada Jun 2019.

# PROGRAM PENGANTARABANGSAAN

Pelbagai program dijalankan oleh USIM di peringkat tempatan dan antarabangsa. Jalinan kerjasama strategik ini menunjukkan kesungguhan USIM dalam memastikan objektifnya menjadi pusat rujukan di arena serantau dan antarabangsa dapat dicapai.




Pada 2018, USIM di bawah kelolaan USIM ‘Alamiyyah dengan kerjasama fakulti telah berjaya menganjurkan beberapa program mobiliti yang memberi peluang kepada staf dan mahasiswa untuk membuka minda dan pandangan terhadap suasana kehidupan masyarakat tempatan dan antarabangsa. Selain itu, ia memberi ruang kepada masyarakat antarabangsa memahami budaya masyarakat tempatan. Antara program yang berjaya diadakan adalah Program Pemindahan Kredit dengan beberapa universiti di Indonesia dan Brunei, Program *Summer Camp* bersama pelajar dari negara Thailand yang berlangsung selama dua minggu disertai seramai 20 orang pelajar, Program Lawatan Akademik, Program Latihan Industri, *Mevlana Exchange Program*, *Asian Youth Forum (AYF21)*, *Japan-East Asia Network of Exchange for Students and Youths (JENESYS)* dan *University Mobility in Asia and the Pacific (UMAP).*

## *Japan-East Asia Network of Exchange for Students and Youths*

*Japan-East Asia Network of Exchange for Students and Youths* (JENESYS) ialah program yang diilhamkan oleh kerajaan Jepun untuk pertukaran pelajar atau belia dalam skala yang besar. Ia bertujuan menyediakan asas yang kukuh untuk solidariti dan kesatuan negara-negara Asia. Pada 2018, Khairunnisa Kharidzan, mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi FPBU terpilih untuk mengikuti program JENESYS di negara Jepun. Program ini memberi peluang kepada peserta mempelajari Bahasa Jepun dan sejarah negaranya. Selain itu, peserta juga dapat memahami budaya Jepun dan bekongsi pengalaman mereka melalui media sosial. Pengalaman ini dapat membantu mahasiswa untuk meningkat kemahiran insaniah yang diperlukan dalam menyokong matlamat KPM melahirkan mahasiswa yang holistik dan berdaya saing.

## Program *Mevlana Exchange*

*Mevlana Exchange Programme* ialah satu program pertukaran atau mobiliti pelajar dan staf akademik di antara IPT di Turki dengan IPT di negara-negara di dunia. Melalui program ini mahasiswa USIM berpeluang belajar di Turki untuk tempoh antara satu minggu hingga tiga bulan. Pada 2018, pelajar FST, Muhammad Syukri bin Mohamad



Muhammad Syukri bin Mohamad Misenan



Muhammad Mujahid bin Yusuf

Misenan berpeluang menyertai program ini di Sakarya University Turki dan mahasiswa FPQS, Muhammad Mujahid bin Yusuf di Universiti Gaziantep Turki. Melalui program ini, mahasiswa dapat menguasai asas Bahasa Turki yang dipelajari di Yunus Emree Institute di Jalan Sultan Ismail Kuala Lumpur secara percuma.

Selain sibuk melengkapkan jam kredit dan penulisan tesis, mereka berkesempatan untuk melawat bandar-bandar utama di Turki seperti Istanbul, Cappadocia, Konya, Antalya, Izmir, Pamukkalae, Isparta, Fethiye dan menghadiri satu persidangan antarabangsa di Ankara, juga berkenalan dengan rakan-rakan baharu dari serata dunia dan memahami budaya negara mereka. Pengalaman ini sangat bernilai dalam kehidupan sebagai seorang mahasiswa dan dapat dimanfaatkan selepas bergraduat dalam mendepani realiti sebenar kehidupan.

## Program Pemindahan Kredit



Program akademik yang mantap dan diiktiraf membuatkan USIM menjadi pilihan universiti di beberapa negara. Kali ini, tiga buah fakulti iaitu FSU, FPQS dan Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) menerima seramai keseluruhan 20 orang pelajar dari beberapa buah universiti di Brunei dan Indonesia untuk program pemindahan kredit.

"Peluang menyertai program pemindahan kredit di USIM adalah satu pengalaman yang sangat berharga dan dapat memberi manfaat dalam kehidupan saya. USIM telah mengajar saya satu perspektif baru dalam bidang undang-undang terutamanya tentang perbezaan sistem perundangan di Malaysia. Kaedah pengajaran yang kreatif termasuk diskusi dalam tutorial, semakan kes, dan lain-lain lagi sangat mengujakan."

Litha Nabilla Mallolongan,
Faculty of Law,
Universitas Mihammadiyah Yogjakarta

# Muhammad Syafiq

## Tekad Beri yang Terbaik Semasa Pengajian



Muhammad Syafiq, putera kepada pasangan Suhaimi bin Shuhud dan Sarina binti Mainir merupakan anak kedua dari tiga adik-beradik. Beliau dilahirkan di teratak nendanya di Kampung Felda Ayer Hitam, Kluang, Johor pada tanggal 14 Julai 1994. Sejak kecil, beliau telah menetap bersama keluarganya di Rawang, Selangor. Muhammad Syafiq mendapat pendidikan rendah di Sekolah Kebangsaan Rawang dan Sekolah Rendah Agama Ibnu Khaldun, Rawang dan menyambung persekolahan peringkat menengah di Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya, Selangor.

Setelah tamat pendidikan menengah, Muhammad Syafiq meneruskan pengajian di Tamhidi Syariah dan Undang-Undang USIM dan seterusnya Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dan Syariah di Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU).

Ketika mengikuti pengajian ijazah sarjana muda, beliau juga mengambil peluang untuk mendapatkan Diploma Amalan Kehakiman dan Guaman Syarie secara separuh masa di USIM untuk melayakkan beliau memohon pentauliahan peguam syarie.

Kepetahan berkata-kata yang dikurniakan Tuhan telah menjadikan beliau berani untuk mencuba mewakili FSU dalam pertandingan Debat Piala Naib Canselor dalam bahasa Arab seawal pengajiannya ketika Tahun 1 pada 2014 dan berjaya menggondol Naib Johan dalam pertandingan tersebut.

Muhammad Syafiq langsung tidak menyangka bahawa pertandingan tersebut merupakan titik tolak kepada beliau untuk bergiat aktif dalam arena Debat Bahasa Arab. Antara pencapaian beliau yang paling cemerlang dalam pentas Debat Bahasa Arab ini ialah apabila beliau bersama pasukannya telah membanggakan Malaysia dengan meraih Naib Johan dalam *International Universities Arabic Debate Championship* di Doha, Qatar pada 2017. Beliau juga telah berjaya menjuarai *ASEAN Arabic Debate Championship* pada 2016 dengan menewaskan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan mempertahankan gelaran juara tersebut pada 2017 dengan menundukkan pasukan lawan dari Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Indonesia.

Muhammad Syafiq merupakan seorang pelajar yang suka mencabar diri dan mengambil peluang. Sekali lagi pada 2017, beliau memberanikan diri untuk mewakili fakulti dalam pertandingan Debat Naib Canselor tetapi kali ini dalam bahasa Inggeris. Percubaan beliau membuahkan hasil apabila meraih sebagai Naib Juara dalam pertandingan tersebut dan lebih manis lagi apabila diumumkan sebagai Pendebat Terbaik bagi pusingan akhir.

Johan dalam Pertandingan Pidato Dwibahasa (bahasa Inggeris dan bahasa Arab) Ihtifal ASEAN pada tahun 2018 membuktikan beliau seorang pendebat dan pemidato yang baik. Segala kejayaan yang dicipta menyaksikan Muhammad Syafiq merupakan seorang pendebat yang luar biasa kerana beliau mampu untuk berdebat dan pidato dengan baik dalam tiga bahasa iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Arab.



Beliau juga menitik beratkan bidang undang-undang yang dipelajari. Beliau pernah mendapat Johan dan Anugerah *Best Advisor* dalam pertandingan yang memerlukan beliau memberikan nasihat perundangan kepada pelanggan sekaligus melayakkan beliau mewakili fakulti dan universiti untuk pertandingan *Harun M. Hashim National Client Consultation Competition* peringkat kebangsaan pada 2016 di Universiti Utara Malaysia (UUM).

Atas pencapaiannya, beliau menerima beberapa anugerah tertinggi di Universiti bermula tahun 2015 hingga tahun 2017 pada Anugerah Kecemerlangan Siswa USIM (AKSIS) iaitu Anugerah Cemerlang Pencapaian Awam, Anugerah Tokoh Keseluruhan Kategori Pencapaian dan Anugerah Khas Pencapaian. Di peringkat kebangsaan beliau menerima Anugerah Khas Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi sempena Majlis Tokoh Siswa Kebangsaan pada tahun 2016 dan tahun 2017.

Muhammad Syafiq juga bergiat aktif dalam kepimpinan persatuan dan kelab sepanjang pengajian di USIM. Beliau merupakan Presiden Kelab Debat USIM untuk sesi 2015/2016, Exco Kelab Debat sesi 2014/2015, Exco Akademik dan Pembangunan Bahasa, Persatuan Mahasiswa Fakulti Syariah dan Undang-Undang 2016/2017.

Beliau turut aktif dalam kesukarelawanan dengan terlibat dalam Global Islamic Students Outreach (GISO) pada 2015, 2016, 2017 dan 2018. Beliau juga terpilih mewakili USIM ke program kesukarelawanan ke Laos sempena *Laos-Malaysia Youth Exchange Programme* 2016.

Berbekalkan semangat dan azam untuk menjadi mahasiswa yang serba boleh, Muhammad Syafiq tidak pernah meminggirkan pelajaran walaupun beliau seorang yang aktif dalam bidang kokurikulum dan persatuan. Beliau menerima Anugerah Dekan hampir setiap semester yang membolehkan beliau bergraduasi dengan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dan Syariah dengan kepujian Kelas Pertama.

Sila imbas kod untuk menonton video atau layari:

http://bit.ly/LT18video2

*****

Sebagai sebuah Universiti Awam yang mempelopori sains Islam, USIM bertekad cemerlang dan bersedia memastikan kelestarian pendidikan dan kualiti akademik selari dengan nilai-nilai INAQ. Ini merupakan usaha murni bagi mengembalikan kegemilangan nilai-nilai ilmu saintifik, teknologi, sains kemanusiaan dan tamadun Islam oleh cendekiawan Muslim terdahulu seperti Al-Khawarizmi, Al Battani, Al Sufi, Ibn Zuhr, Ibn Haitham, Ibn Sina, Al Farabi dan ramai lagi. Ilmu berteraskan ketauhidan, hukum dan akhlak yang dibawa baginda Nabi Muhammad SAW boleh terus dipacu kehadapan dan diterapkan kepada mahasiswa USIM dengan melihat dan mengaplikasikan konteks ilmu tersebut dengan cabaran dan isu kontemporari dan budaya setempat. Walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran, USIM percaya bahawa dengan pengurusan dan pentadbiran universiti yang patuh syariah dan staf akademik yang berciri Murabbi akan dapat melahirkan graduan USIM yang profesional, holistik dan seimbang. Graduan ini yang diharapkan dapat kembali menyumbang kepada masyarakat sejagat.




PARAMEDIC
USIM
FAIQ
DYNAPHAN SYRUP
PASSED
DYNAPHARM (M) SDN. BHD.
100 BTLS X 100 ML



# MEMPERKUKUH NILAI MAHASISWA DAN GRADUAN **BERCIRIKAN GIINA**

---

“Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah)”.

(At-Taubah 9:122)

# PENDAHULUAN

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), Pendidikan Tinggi 2015-2025 meletakkan graduan holistik, seimbang dan berciri keusahawanan sebagai lonjakan pertama yang perlu dicapai oleh graduan Universiti Awam. Dalam usaha membentuk mahasiswa yang seimbang, universiti harus kreatif untuk memastikan penerapan pengetahuan, kemahiran dan dapat diteruskan secara konsisten dan bersepadu.



Pembentukan mahasiswa di universiti berlaku di dalam dan luar bilik kuliah di mana bilik kuliah memfokuskan kepada akademik, manakala aktiviti di luar bilik kuliah pula bertujuan membentuk jati diri dan kemahiran insani.

Melihat kepada keperluan tersebut, BHEP USIM pada 2015 telah membangunkan sebuah model bagi melahirkan graduan yang holistik, seimbang dan berkeusahawanan iaitu Model Graduan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (GIINA).

# SISWA BERNADIKAN GIINA

Model GIINA mempunyai 21 elemen yang ingin diterapkan kepada seseorang mahasiswa sebelum bergelar graduan. Pada 2016, Skor GIINA mencatatkan 58.7% graduan USIM pada tahun berkenaan mencapai markah 50% dan ke atas. Pada 2017 ia meningkat kepada 66.44% dan pola peningkatan ini terus berlaku pada 2018 iaitu sebanyak 72.7% daripada 2361 graduan. Graduan Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Mohd Aqil Irwan telah memperoleh Skor GIINA tertinggi keseluruhan iaitu 88%.

USIM menetapkan sasaran jangka masa panjang untuk melihat 100% graduannya akan mencapai Skor GIINA, sekurang-kurangnya 50%. Apabila ia berjaya dicapai, universiti dan masyarakat akan mendapat manfaat yang paling besar. Masyarakat amat menghargai dan meraikan keberadaan graduan USIM dalam komuniti mereka sekaligus memberi pengiktirafan kepada aspirasi USIM untuk menjadi peneraju dan rujukan INAQ di dunia menjelang tahun 2025.




Rajah 3.1 Graf Skor GIINA Keseluruhan 2018




Rajah 3.2 Graduan USIM yang mencapai markah 50% dan ke atas

"Graduan seimbang mempunyai skil yang pelbagai seperti kemahiran berkomunikasi, berfikir secara kreatif dan kritis, sihat akal dan jasmani dan kemahiran bersosial, yang mana menjadi faktor penarik untuk diterima bekerja oleh majikan"



Muhammad Syafiq Suhaimi
Penerima Anugerah Pelajaran Diraja-Pingat Jaya Cemerlang
dalam Konvokesyen USIM kali ke-16 Tahun 2018
*Kini menjawat jawatan sebagai Eksekutif Undang-Undang di Malaysia International Shipping Corporation (MISC)*

# KEMBARA GISO MERENTAS BENUA

Mahasiswa perlu diberi pendedahan mengenai realiti kehidupan masyarakat di luar negara dan ia dapat dirasai apabila mereka bersama dengan masyarakat di sana. *Global Islamic Student Outreach* (GISO) merupakan program pengembaraan yang menjadi *signature* kepada mahasiswa USIM yang memfokuskan kepada aspek kesukarelawanan serta pemindahan ilmu dan manfaat di antara pelajar dan komuniti setempat yang diziarahi mereka. Melaksanakan program pengembaraan ke luar negara untuk melakukan aktiviti kesukarelawanan dan menyantuni komuniti di negara yang dilawati akan memberi pendedahan baru kepada mahasiswa yang menyertainya.

Pengembaraan GISO berupaya mewujudkan kuasa lunak dalam kalangan komuniti yang diziarahi agar USIM khususnya dan Malaysia amnya senantiasa dihargai dan dirujuk terutamanya dalam inisiatif dakwah ke rantau jauh melalui aktiviti libat sama masyarakat dan kesukarelawanan di negara minoriti umat Islam.




**Rumusan GISO 2011-2018**

**25** **Negara**

Brunei, Filipina, Kemboja, Vietnam, Laos, Thailand, Indonesia, Timor Leste, Singapura, China, Jepun, Korea Selatan, Taiwan, Australia, New Zealand, Sri Lanka, India, Mauritius, Maldives, Emiriah Arab Bersatu, Lubnan, Maghribi, Jordan, Turki dan Poland

| | | | |
|---|---|---|---|
| **7021** | **Pelajar** | **6316** | **Jam kesukarelawanan** |
| **319** | **Pengembaraan** | **2111** | **Aktiviti** |

**Kos dibiayai universiti (RM)**
**1,546,003.00 (11%)**

**Kos usaha pelajar (RM)**
**11,981,679.21 (89%)**

**Kos keseluruhan (RM)**
**13,527,682.21**




GISO
Global Islamic Students Outreach
PENGEMBARAAN USIM

Pada 2018 sejumlah 72 pengembaraan GISO ke 13 buah negara yang melibatkan 1996 pelajar telah dilaksanakan.



## Berkolaborasi dengan NGO Islam Sri Lanka

GISO tidak hanya mendedahkan mengenai elemen kesukarelawanan, tetapi turut memberi pengalaman kepada mahasiswa dalam membina jalinan strategik dengan pihak luar seperti organisasi kebajikan dan badan bukan kerajaan di negara yang dikunjungi. Seramai 15 orang mahasiswa dari Kelab Debat USIM telah bekerjasama dengan *Muslim Foundation for Culture and Development* (MFCD) yang merupakan sebuah NGO Islam terbesar di Sri Lanka apabila melaksanakan GISO.

Sri Lanka mempunyai penduduk seramai 21.2 juta orang, majoriti penduduknya menganut agama Buddha iaitu kira-kira 70.19%, diikuti Hindu (12.6%), Islam (9.7%) dan selebihnya adalah Kristian. Semasa di sana, mereka mendapat kerjasama dari pihak *Kal Eliya Muslim Ladies Arabic College, Aysha Siddeqa Arabic College,* Persatuan Mahasiswa Islam *Peradeniya University* untuk melaksanakan aktiviti pemindahan ilmu dan program motivasi bersama anak-anak kecil *Madrasah Hira Pre School*.

Kumpulan mahasiswa ini turut menziarahi komuniti minoriti Islam di beberapa daerah di Sri Lanka iaitu di Pasyala, Mawanella, Nuwara Eliya, Pinnawala dan Kandy. Di Kandy misalnya mereka menyerahkan bantuan keperluan harian seperti gula, susu dan tepung kepada 15 keluarga masyarakat Islam yang miskin dan sumbangan sejadah tajaan Jakel untuk Masjid Jumaat Pussellawa.

> “GISO merupakan aktiviti pengantarabangsaan yang sangat bagus untuk diteruskan oleh warga USIM. Pelajar bukan sahaja berpeluang untuk melihat negara luar, tapi pelajar dapat belajar banyak perkara tentang pengurusan program. Tidak ramai pelajar yang libatkan diri dalam kelab atau persatuan, tetapi dengan adanya GISO, secara tidak langsung mereka belajar menguruskan program untuk menjayakan GISO tersebut”



Lina Khalidah Khalid
Pelajar Tahun Tiga FST



## Ibadah Korban di Empat Buah Negara

Ketika rakan sekuliah menyambut Hari Raya Aidiladha bersama keluarga, sekumpulan mahasiswa memanfaatkan platform GISO untuk melaksanakan ibadah korban jauh daripada keluarga masing-masing. Kumpulan mahasiswa yang menjayakan ibadah korban di empat buah negara ini terdiri daripada Kor Sukarelawan Siswa-siswi Pertahanan Awam (Kor SISPA) USIM seramai 20 orang, mahasiswa di Kampung Anoi Itam, Pulau Weh Sabang, Acheh Indonesia dan Sekretariat Pelajar FST (SekreFAST) seramai 23 orang di perkampungan Tay Ninh, Vietnam.

Selain itu, sekumpulan mahasiswa terdiri daripada 52 orang di bawah kelab dan persatuan di BHEP USIM pula melaksanakan ibadah korban bersama penduduk Muslim di Krabi, Thailand manakala 16 orang mahasiswa Sekretariat Kesukarelawanan Mahasiswa (SKM) USIM berkampung di Kampung Chhnang, Kemboja.

Sumbangan untuk ibadah korban ini adalah hasil sumbangan yang diterima daripada pelbagai pihak di Malaysia dan mahasiswa USIM turut membantu melakukan sembelihan korban. Selain program korban, kumpulan GISO USIM turut menyumbangkan keperluan harian seperti makanan dan pakaian kepada keluarga miskin di negara berkenaan.

## Silaturrahim Global Melalui i-GSN



USIM ‘Alamiyyah menganjurkan *Islamic Global School Network* (i-GSN) sebagai pendekatan *direct engagement* dengan pelajar sekolah di luar negara dan bertujuan menjadikan USIM sebagai sebuah universiti yang dikenali kepada para pelajar antarabangsa khususnya mereka yang berpotensi menjadi mahasiswa USIM. Program *inbound* berimpak tinggi ini berjaya mengumpul para pemimpin muda Islam masa hadapan yang berada di sekolah tinggi di seluruh dunia untuk berkongsi, berinteraksi dan berkomunikasi antara satu sama lain, menerusi beberapa siri aktiviti.

i-GSN 2018 berjaya menarik penyertaan seramai 208 orang pelajar dan 17 orang pengiring dari pelbagai sekolah Indonesia dan Singapura. Sekolah dari Indonesia ialah Madrasah Tsanawiyah Negeri 3 Jombang, Pondok Pesantren Karangasem, Pesantren Putri Al-Mawaddah, SMAIT Al-Izzah Sorong Papua, Pondok Pesantren Darunnajah, Pondok Pesantren Assalam dan Madrasah Aliyah Negeri 2 Kota Malang. Manakala sekolah tunggal dari Singapura yang menyertai ialah Madrasah Al-Sagoff.

Sesuai dengan kematangan progam ini, i-GSN 2018 menyaksikan penganjur berkolaborasi dengan Kolej PERMATA Insan dan Persatuan Pelajar Antarabangsa USIM bagi memantapkan lagi pengisiannya. Penglibatan mahasiswa USIM sebagai rakan pendamping (buddies) membuka peluang interaksi silang budaya dan mempromosikan USIM sebagai universiti pilihan melanjutkan pengajian.

“Memori dan pengalaman mengikuti program ini akan menarik minat para peserta untuk belajar di USIM dan seterusnya menjadikan kampus ini sebagai rumah kedua dan destinasi utama melanjutkan pengajian oleh pelajar Muslim antarabangsa”



Bablu Kumar Dhar
Presiden *International Students Association* USIM

# JELAJAH SUKARELAWAN USIM DEKATI MASYARAKAT

Bagi mendekati dan merapatkan lagi hubungan USIM bersama masyarakat, BHEP USIM mengambil inisiatif melaksanakan program bersiri Jelajah Sukarelawan USIM (JSU). JSU merupakan program yang diadakan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara komuniti setempat dan warga USIM melalui pengisian-pengisian bersandarkan kepada sanggar (tujahan) yang ditetapkan. BHEP selaku peneraju utama menggabungkan pelbagai jabatan lain seperti fakulti dan kolej kediaman untuk menjayakan JSU.

Pada 2018, sebanyak 36 siri JSU berjaya dianjurkan yang meliputi Jelajah Daerah Negeri Sembilan, Jelajah Kejiranan dan Jelajah Negeri. Ia melibatkan penyertaan seramai 1015 orang pelajar melaksanakan 102 pengisian program sanggar iaitu Sanggar Sukan, Sanggar Ilmu, Sanggar Sihat, Sanggar Seni, Sanggar Terapi, Sanggar Inovasi dan Sanggar Bakti. Bagi menjayakan siri JSU ini, sejumlah RM277,119.00 kos kewangan telah diperuntukkan oleh universiti.

## Sentuhan Jaksa di Simpang Gelami



Menggunakan platform JSU, 16 mahasiswa Jawatankuasa Kebajikan Siswa/I (JAKSA) Kolej Kediaman Nilam Court USIM berkampung di Kampung Simpang Gelami selama dua hari satu malam. Mendapat kerjasama daripada Jawatankuasa Kariah Masjid Sungai Relai, Kampung Simpang Gelami, aktiviti yang dilaksanakan berteraskan kepada empat sanggar iaitu Sanggar Sihat, Sanggar Sukan, Sanggar Ilmu dan Sanggar Bakti.

Antara pengisian bersama penduduk kampung ialah ceramah agama, senaman cergas, sukaneka dan mewarna bagi kanak-kanak, kelas bimbingan bacaan al-Fatihah dan tajwid dan gotong-royong membersihkan persekitaran masjid. Penduduk kampung turut mendapat rawatan Islam yang dikendalikan oleh Darus Syifaa', dan demonstrasi masakan.

Peluang mahasiswa untuk menyantuni masyarakat secara langsung seperti ini merupakan satu pendedahan yang baik buat mereka dalam membina kematangan diri, pemikiran dan pergaulan.

> "Platform untuk terlibat dalam program sukarelawan seperti ini seharusnya diambil peluang kerana manfaat yang diterima begitu banyak sekali. Kesukarelawanan mampu membentuk jati diri yang unggul, mendidik kita untuk sentiasa bersyukur, ringan tulang serta menjiwai kehidupan bermasyarakat"
>
> Mohd Zulkarnain Mohammad
> Pengarah JSU Kampung Simpang Gelami

## Menyantuni Penduduk Serting Ulu



Kampung Serting Ulu, Jempol menjadi destinasi pertama JSU 2018 dan lebih manis ia turut disertai oleh YAM Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhauddin Ibni Tuanku Muhriz selaku Pro-Canselor USIM.

Antara aktiviti utama siswa USIM bersama 200 orang penduduk setempat dan pelajar sekolah di sekitar Serting Ulu ialah mendaki Bukit Beruang. Mereka turut bergotong-royong untuk menceriakan Masjid Kariah Serting Ulu dan menyampaikan sumbangan dari USIM berbentuk barangan dapur kepada para asnaf di kampung ini.

Aktiviti lain yang turut melibatkan secara langsung penduduk kampung adalah pemeriksaan kesihatan oleh urus setia Perubatan Perlindungan Pelajar, Pusat Kesihatan USIM; Kem Tahsin Solat bersama Sekretariat Pusat Islam USIM; dan kem motivasi serta sukaneka anjuran Pusat Sukan USIM. Turut membantu menjayakan program sulung di kampung ini adalah Pejabat Daerah Jempol dan Jawatankuasa Kerja Kampung Serting Ulu.

# MEMPERSIAPKAN KEBOLEHPASARAN MAHASISWA

## Siswa Duta Jauhar Beri Impak Komuniti




Salah satu faktor yang menyumbang kepada jumlah pengangguran adalah disebabkan kurangnya kemahiran industri dalam kalangan graduan dan tiada asas dalam bidang keusahawanan. Beberapa jabatan antaranya Pusat Keusahawanan Universiti (PKUU) dan Pusat Alumni dan Kerjaya menerajui usaha bagi mempersiapkan mahasiswa dengan pengalaman industri dan keusahawanan sepanjang pengajian mereka di universiti.

Contoh program yang memberi pendedahan kepada elemen keusahawanan kepada mahasiswa ialah kursus *Hands-On Programme of Entrepreneurship* (HOPE) dengan Syarikat Perfect Triangle, Duta Jauhar dan Konvensyen Keusahawanan Islam anjuran Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM).

USIM sekali lagi telah dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Komitmen Universiti Terbaik selama tiga tahun berturut–turut dalam Majlis Anugerah Kongres Duta Jauhar 4.0 Peringkat Kebangsaan di Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang. Dua kumpulan yang bertanding iaitu Kumpulan Orla Farm telah memenangi Anugerah Emas Harapan (Emas Terbaik) membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM2 ribu dan Kumpulan *Well Disposer* pula memenangi Anugerah Emas dengan membawa pulang wang tunai sebanyak RM1 ribu.

Kedua-dua kumpulan telah menggunakan pendekatan *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) dalam usaha mengurangkan pencemaran di bumi dengan menggunakan sisa minyak masak terpakai untuk dijadikan lilin wangi (J-Candle) dan juga mengurangkan sisa makanan untuk dijadikan baja kompos (Orla Farm Organic Fertilizer).

Melalui pendekatan NBOS dalam mengurangkan pencemaran alam sekitar ini, projek Orla Farm turut dinobatkan sebagai Anugerah Projek Alam Sekitar Harapan dan membawa pulang wang tunai RM500.00. Turut mendapat pengiktirafan dalam majlis ini ialah pensyarah FPBU, Prof. Madya Dr. Mohammad Najib Jaffar selaku penasihat Duta Jauhar USIM menerima Anugerah Penyelia Harapan. Manakala Nur Azizah Md. Basri yang merupakan pengurus projek Orla Farm telah tercalon sebagai Finalis bagi Kategori Ikon Duta Jauhar (Siswi).



## ICEPS14 Kesatuan Dalam Kepelbagaian

Fakulti juga turut mengambil peranan mempersiapkan mahasiswa dengan ilmu keusahawanan dan amalinya di lapangan. FEM sinonim dengan penganjuran Konvensyen Keusahawanan Islam (iCEPS) yang memasuki tahun ke-14 penganjurannya pada tahun 2018. Program ini dianjurkan pada 26 hingga 28 Oktober 2018, di perkarangan Dewan Tuanku Canselor USIM.

Penganjuran pada kali ini tampil dengan tema *Unity in Diversity* atau Kesatuan dalam Kepelbagaian dengan menggabungkan kepakaran dan kemahiran 355 orang pelajar FEM bagi menjayakan dan merealisasikan iCEPS14 kali ini.

ICEPS merupakan cetusan idea daripada Dekan Pertama FEM iaitu Prof. Dato' Dr. Muhammad Muda sebagai satu platform melatih pelajar dalam memainkan peranan sebagai pengurus majlis. Ia dilaksanakan saban tahun bertujuan meningkatkan kemahiran insaniah dalam kalangan para pelajar tahun akhir merangkumi aspek pengurusan organisasi, kemahiran berfikir serta membina keyakinan diri menerusi pelbagai aktiviti, sebelum menempuh alam pekerjaan sebenar.

Program-program yang dilaksanakan seperti Konsert Amal *Rhythm of Soul*, *Zombie Attack Run*, *Mesa Ride, Celcom Siswaprenuer*, Bicara Wanita, *Masterchef Nilai*, *Barber Battle, Entrepenuer Race, Paintball Challenge,* Bicara Keluarga dan *Muamalat Interactive Game.* Majlis perasmian iCEPS14 telah disempurnakan Tan Sri Abdul Wahid Omar yang merupakan Ikon Usahawan Negara.











## Program TDC Belajar Sambil Bekerja

Pusat Alumni dan Kerjaya USIM bekerjasama dengan sebuah syarikat milik alumni USIM, Tunas Duta Cemerlang (TDC) melalui Program Kebolehpasaran Mahasiswa. Di bawah program ini 30 orang pelajar USIM dari pelbagai fakulti dilantik sebagai Duta TDC yang menyediakan peluang bekerja sambil belajar.

Program ini memberi pendedahan dan persediaan kepada bakal graduan untuk menghadapi dunia perniagaan dan alam pekerjaan yang sebenar. Melalui program ini, peserta berpeluang mengikuti beberapa siri seminar dan bengkel serta aktiviti mentor mentee yang holistik sebagai bimbingan kepada bakal graduan yang berminat dalam bidang keusahawanan. Melaluinya mahasiswa dapat membuat persediaan awal merancang kerjaya serta mempersiapkan diri, mental dan fizikal selain mendapatkan maklumat kerjaya dalam bidang keusahawanan atau mana-mana sektor pekerjaan nanti. Ia selaras dengan aspirasi USIM sebagai Kampus Barakah untuk memastikan agenda keusahawanan terus diperkasakan dalam kalangan pelajar.

" Duta TDC bukan sahaja membuka peluang pekerjaan namun turut memberi banyak ilmu yang boleh digunakan untuk menghadapi cabaran dunia pekerjaan. Peluang yang ada ini akan saya gunakan sebaiknya lebih-lebih lagi pada zaman genting sebegini yang sukar untuk mendapat pekerjaan malah perlu bersaing dengan bakal graduan lain untuk mendapatkan kerja"

Nur Atifah Husna Mohd Zailan
Pelajar Tahun Akhir FKP

## Bakti besar di Tanah Suci

Bergraduasi dari USIM pada 2016 dalam bidang perubatan dan surgeri, Nurul Hassanah Muslim merupakan antara contoh alumni USIM yang kembali berbakti kepada masyarakat dengan kepakaran dan ilmu perubatan yang dipelajari. Pada 2018 beliau adalah antara petugas perubatan yang diberi kepercayaan untuk membantu jemaah haji Malaysia apabila diberi tanggungjawab sebagai pegawai perubatan di Pusat Rawatan Syisah, Mekah dan Pusat Rawatan Madinah. Selama dua bulan berada di Mekah dan Madinah sebagai barisan hadapan dalam memastikan aspek kesihatan jemaah sentiasa baik, pengalaman menguruskan pelbagai kes kecemasan dan merawat jemaah yang sakit dan uzur memberi keinsafan mendalam kepada dirinya. Peluang yang diberikan Allah SWT untuk menjejakkan kaki ke Tanah Suci ini turut datang bersama hikmah yang besar.

Beliau kini bertugas di Klinik Kesihatan Kuching, Sarawak turut memiliki bakat dalam taranum al-Quran apabilah telah dinobatkan sebagai johan Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Kementerian Kesihatan Malaysia pada 2017.



# BADAN BERUNIFORM BENTUK DISIPLIN

Penyertaan dalam pasukan uniform telah berjaya membentuk disiplin diri dan nilai kepemimpinan, tanggungjawab dan kerja berpasukan yang tinggi dalam kalangan mahasiswa. Melaluinya, mahasiswa dilihat mampu membentuk kualiti yang diperlukan bagi melahirkan generasi muda yang sempurna.

## Kadet Sulung Bomba USIM

Pada 2018, kumpulan pertama Kor Siswa Bomba USIM seramai 35 pelajar terdiri daripada 9 lelaki dan 26 perempuan berjaya ditauliahkan dalam Majlis Pentauliahan Kor Siswa Bomba USIM. Kumpulan pelatih ini berjaya menamatkan 100 jam kredit latihan kebombaan yang disediakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) untuk memperkenalkan fungsi dan tugas-tugas Jabatan secara lebih menyeluruh yang mana melalui kursus ini para pelatih yang ditauliahkan akan berkhidmat sebagai Pegawai Bomba Bantuan.

Penubuhan Kor Siswa Bomba ini merupakan usaha antara JBPM dengan Universiti Awam bagi melahirkan mahasiswa yang mempunyai sahsiah diri yang berdisiplin, jati diri yang tinggi dan berpengetahuan dalam bidang kebombaan dan keselamatan kebakaran. Secara tidak langsung ia akan dapat membentuk pasukan yang berupaya mengendalikan tindakan awal apabila berlakunya sebarang kecemasan di persekitaran kampus dan seterusnya melahirkan komuniti yang mengutamakan budaya keselamatan dalam kehidupan seharian.

Bersempena Majlis Pentauliahan Kor Siswa Bomba USIM ini, turut diadakan ialah Majlis Pemakaian Tanda Pangkat Kehormat kepada Pengurusan dan Pegawai USIM yang dilantik sebagai Pegawai Kehormat Kor Siswa Bomba dan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman di antara USIM dan JBPM.

## Kejayaan Berganda Kor Suksis

Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (Suksis) USIM menerima Anugerah Khas Ketua Polis Negara kategori Kor Suksis Universiti Awam Terbaik 2018 sekaligus mempertahankan anugerah sama yang diterima pada tahun 2017. Anugerah ini disampaikan sempena Majlis Perbarisan Tamat Latihan dan Penyampaian Sijil Pelantikan Pegawai Kor Suksis Universiti Awam kali ke-14 bertempat di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Muhammad Fuzi Harun.

Pada majlis ini, seramai 1285 pelatih Kor Suksis dari 19 buah Universiti Awam telah ditauliahkan dan menerima sijil masing-masing sebagai Inspektor Sukarelawan Polis termasuk 68 orang daripadanya adalah siswa USIM. Tiga orang pelatih Kor Suksis USIM turut menerima anugerah atas kecemerlangan masing-masing iaitu Muhammad Hakimi Ghazali, pelajar Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa dipilih Pelatih Terbaik Keseluruhan dan Muhammad Syafiq Abdullah, pelajar Sarjana Muda Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko menerima anugerah Pelatih Terbaik Latihan Luar. Anugerah Pelatih Terbaik Latihan Akademik diterima oleh Muhamad Nur Fitri Mat Rani yang mengambil jurusan Perbankan dan Kewangan Islam.

Pentauliahan kumpulan (kohot) kesepuluh Kor Suksis USIM pada tahun ini menjadikan seramai 574 Inspektor Sukarelawan Polis telah dilahirkan oleh USIM sejak pengambilan kumpulan sulung pada 2006. Kejayaan ini adalah hasil kerjasama erat antara pengurusan, kakitangan dan para pelatih Kor Suksis USIM.

# SENI BERBUDAYA MENCORAK SISWA

## Berkarya dengan Produk Seni Berbudaya




Pusat Kebudayaan sangat komited untuk memperkasakan INAQ melalui platform seni dan budaya yang dijenamakan sebagai Seni Berbudaya. Penerapan kemahiran insaniah melalui aktiviti Seni Berbudaya turut diberi penekanan dalam konteks mendidik dan membentuk pelajar menjadi generasi pemimpin masa hadapan yang berilmu dan berpengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan memberi kesejahteraan kepada universiti, masyarakat dan negara Malaysia.

Pusat Kebudayaan USIM sentiasa proaktif untuk terus memperkasakan keusahawanan pelajar dan staf melalui penghasilan produk dan inovasi seni berbudaya. Pada tahun 2018, sebanyak empat produk seni berbudaya dilancarkan iaitu penerbitan buku Rumah Fikir: 51 Kata-Kata Rangsangfikir yang Menginspirasikan Insan; Jendela Bijaksana: Di mana Tradisi Melayu dan Islam Bertemu; *Window Into Wisdom: Where the Malay and Islamic Traditions Meet*, dan Album 7 Taranum.

Beberapa karyawan seni tanah air dalam bidang-bidang tertentu turut menyumbang kepakaran dan dilantik sebagai Karyawan Seni USIM iaitu Dato' Nash (Karyawan Persembahan Seni); Syed Indera Syed Omar (Siso) sebagai karyawan Penulisan Kreatif; Fauzi Marzuki (Karyawan Penciptaan Kreatif); Razin Mestica (Karyawan Inovasi Produk); Ahmad Fedtri Yahya (Karyawan Pengacaraan dan Penyiaran); dan Sharifah Khasif Fadzilah Syed Mohd Badiuzzaman (Karyawan Seni Taranum) serta Dr. Irwan Mohd Subri (USIM) sebagai Penasihat Produk Seni yang bertujuan memastikan kesemua produk yang diterbitkan memenuhi kehendak Syariah.

Seramai 17 orang alumni USIM yang aktif bersama kesenian dan kebudayaan USIM semasa pengajian dahulu dan kini terus menyumbang kepada industri dan masyarakat turut dilantik sebagai Ikon Seni Pelajar. Individu yang dilantik sebagai Penasihat Produk Seni, Karyawan Seni dan Ikon Seni Pelajar diharapkan dapat mengimarahkan seni berbudaya atau *good cultural art* bagi membina ketamadunan masyarakat melalui sesi perkongsian ilmu, syarahan dan wacana ilmu seni budaya yang berupaya mendidik warga USIM.




## USIM *Street* Dakwah ke Utara

Pendekatan kreatif melalui dakwah jalanan yang dicetuskan oleh Pusat Kebudayaan iaitu USIM *Street* Dakwah (USD) semenjak tahun 2015 terus mendapat perhatian masyarakat. USD bukan sahaja menjadi platform kepada mahasiswa untuk menonjolkan bakat muzik dan persembahan seni secara terbuka tetapi berbakti kepada mereka yang memerlukan.

Dalam usaha merapatkan hubungan antara mahasiswa dan masyarakat yang terdiri daripada penduduk bandar, luar bandar dan sekolah, Pusat Kebudayaan telah melebarkan sayap USD dengan penganjuran USD@Kedah selama enam hari lima malam di dua lokasi serentak iaitu Dewan Undangan Negeri (DUN) Kubang Rotan dan DUN Jitra. Penganjuran ini melibatkan penyertaan 68 mahasiswa USIM yang melaksanakan lebih 40 pengisian kesenian bercorak santai bersama penduduk kampung dan pihak sekolah.

Program ini sejajar dengan matlamat universiti untuk menyantuni masyarakat melalui pendekatan libatsama komuniti, pemindahan ilmu dan perkongsian kesedaran.

USD@Kedah mendapat sokongan penuh Kerajaan Negeri Kedah dan Pejabat DUN Kubang Rotan dan DUN Jitra. Selain melibatkan beberapa buah sekolah di sana, beberapa buah keluarga angkat turut dilibatkan bertujuan mendekatkan pelajar USIM dengan masyarakat kampung untuk membuka peluang kepada mereka merasai suasana kehidupan di desa dan mempelajari budaya serta aktiviti harian penduduk. Pelbagai aktiviti diatur bersama penduduk kampung antaranya sukaneka, senam seni, festival seni, masakan tradisional, sukan rakyat dan kenduri sekampung.



# *Muhammad Hadi*

## Tidak Anggap Kekurangan Diri Penghalang untuk Cekal Kejar Ilmu



Pemilik nama Muhammad Hadi merupakan anak kepada pasangan Darus Dariman dan Halimah Che Pa. Dilahirkan di Hospital Gua Musang, Kelantan pada 22 Julai 1996 merupakan antara pelajar cemerlang dalam akademik yang wajar dijadikan contoh dan aspirasi buat rakan seangkatannya. Anak kedua daripada lima adik-beradik yang kini menetap di Pendang, Kedah daripada jurusan Sarjana Muda Undang-Undang dan Syariah.

Sejak memasuki tadika pada usia lima tahun, beliau sentiasa memotivasikan diri bahawa diri ini sama seperti orang lain. “Apa orang lain boleh buat, saya juga boleh buat”. Sejak kecil beliau hidup dalam zon selesa bersama keluarga dan memohon untuk menyertai program perkhemahan semata-mata untuk mengetahui sama ada boleh hidup sendirian tanpa bantuan keluarga.

Ketika perkhemahan tersebut, segala-galanya dilakukannya sendiri dengan bantuan kawan dan akhirnya berjaya melalui perkhemahan itu dengan baik. Keadaan itu menguatkan keyakinan diri beliau bahawa sudah sampai masa untuknya hidup berdikari. Selepas mendapat 9A dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) beliau tinggal di asrama.

Walaupun pada mulanya sukar, akhirnya beliau mampu menyesuaikan diri di asrama dan sekolah, sehingga berjaya mendapat keputusan 11A dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan kemudian memasuki program Tamhidi di USIM.

Pengalamannya sewaktu di USIM, beliau merasakan nasib insan sepertinya tidak dipandang ringan. Pihak universiti mengubah suai sebuah unit rumah di Kolej Kediaman Nilam Court, demi keselesaan mahasiswa Orang Kelainan Upaya (OKU). Antara pengubahsuaian yang dilakukan adalah merendahkan suis elektrik supaya tidak berhadapan masalah untuk menyalakan lampu atau menggunakan peralatan seperti komputer bimbit. Selain itu, paip air di tandas direndahkan, manakala permukaan lantai di laluan utama separas untuk memudahkan pengguna kerusi roda.

Walaupun kolej yang didiaminya agak jauh dari kampus USIM, iaitu kira-kira 8.5 kilometer, beliau tidak menghadapi masalah kerana USIM menugaskan seorang kakitangan untuk membantu mengambilnya dengan kereta setiap pagi dan menghantar pulang setiap hari.




Beliau yang bercita-cita ingin menjadi pensyarah Syariah dan undang-undang memegang prinsip bahawa kejayaan seseorang itu tidak diukur dengan berapa jumlah kekayaan dimiliki tetapi berapa ramai orang yang telah dibantu. Baginya, semua orang mengimpikan kejayaan tetapi begitu sedikit individu yang berusaha ke arah itu. Justeru, beliau sentiasa perkemaskan tekad dalam setiap pekerjaan yang dilakukan dan terus melangkah ke hadapan. Walaupun perjalanannya di USIM masih panjang, beliau kekal bersemangat hendak membuktikan kejayaannya demi membanggakan kedua ibu bapanya.

Sila imbas kod untuk menonton video atau layari:

http://bit.ly/LT18video3

*****

Antara cabaran bagi golongan belia negara ini adalah untuk memastikan mereka mampu menghadapi masa hadapan yang tidak menentu, melengkapkan mereka dengan kemahiran dan asas etika yang mantap, serta memperkasa daya tahan dan meningkatkan ciri keusahawanan bagi meneroka peluang-peluang baharu. Sebagai bakal graduan USIM, pelajar perlu memiliki keseimbangan dalam dua dimensi utama, iaitu memelihara hubungan dengan Allah SWT dan mampu memenuhi hak manusia dan alam sekitar yang berada di sekeliling pelajar dalam proses pendidikan yang dilalui di USIM.

USIM menawarkan pengalaman unik untuk setiap pelajar dari dalam dan luar negara dalam proses pembelajaran mereka melalui kurikulum berteraskan INAQ. Peluang diberikan kepada penuntut USIM untuk menguasai pelbagai bidang termasuk keusahawanan, inovasi, kebudayaan, kepemimpinan, sukan dan pengurusan bagi membentuk siswazah yang sejahtera selaras Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pada tahun 2018 pelajar USIM terus mencatat pencapaian cemerlang dalam pelbagai pertandingan antarabangsa dan kebangsaan, sekaligus melonjakkan prestasi USIM dalam kalangan institusi pendidikan tinggi tempatan.







MEMACU

# PENYELIDIKAN TERUNGGUL

"Ia juga menumbuhkan bagi kamu dengan sebab hujan itu tanaman-tanaman dan pokok-pokok zaitun dan tamar (kurma) serta anggur; dan juga dari segala jenis buah-buahan. Sesungguhnya yang demikian mengandungi satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi kaum yang mahu berfikir".

(Al-Nahl 16:11)

# PENDAHULUAN

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) adalah salah satu daripada tiga universiti Islam awam beraspirasi untuk membudayakan penyelidikan dan inovasi yang berimpak besar kepada ummah.



Justeru, penyelidikan dan inovasi yang berpaksikan lima tonggak Maqasid Syariah (memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta) melalui INAQ mampu untuk menghasilkan aktiviti penyelidikan yang bertaraf global melalui kerjasama para mahasiswa dan penyelidik di USIM bersama pemegang taruh untuk kebaikan dan kelestarian ummah. Melalui kerjasama Institut Sains Islam (ISI); Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal *(*IHRAM); Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD); Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) dan Penerbit USIM, pelbagai kecemerlangan USIM dalam penyelidikan, inovasi dan penerbitan berjaya direkodkan.

# PERKEMBANGAN PENYELIDIKAN



Pada 2018, enam kumpulan penyelidikan yang terdiri daripada satu pusat iaitu *Green Science Technology* (GST), satu kluster iaitu *Islam and Emerging Technology* (ImET) dan empat unit iaitu *Asian Centre for Research on Drug Abuse* (ACREDA); Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI); *Cybersecurity and System Research Unit* (CSS) dan *Ibnu Haitham Centre of Islamic Technology;* bergerak selari dengan aspirasi penyelidikan dan inovasi USIM bagi memantapkan lagi aktiviti-aktiviti yang mampu menyumbang kepada negara, ummah dan manusia sejagat.

USIM | ISLAMIC SCIENCE INSTITUTE ISI

## USIM RESEARCH GROUP



# PENCAPAIAN PENYELIDIKAN

Sejumlah RM4,506,551.26 berjaya dianugerahkan pada tahun 2018 yang menjadikan jumlah keseluruhan geran yang diperoleh meningkat sebanyak 10.58% berbanding tahun 2017 (RM4,029,546.23). Sebanyak RM2,474,247.00 dana daripada pembiaya geran kerajaan, RM1,608,636.00 pembiaya geran dalaman, RM214 ribu pembiaya geran swasta, RM193,020.00 pembiaya geran kerjasama dan RM16,648.26 pembiaya geran antarabangsa yang mewakili keseluruhan 160 projek penyelidikan berjaya diperoleh.

Geran universiti
**RM1,608,636.00**

Geran swasta
**RM214,000.00**

Geran kerajaan
**RM2,474,247.00**

Geran antarabangsa
**RM16,648.26**

Geran kerjasama - Antarabangsa/ Industri/ Komuniti
**RM193,020.00**

Dana penyelidikan
**RM4,506,551.26**



Rajah 4.1 Pencapaian Keseluruhan Penyelidikan USIM

Kewujudan geran kerjasama pada tahun ini juga menunjukkan komitmen USIM terhadap aktiviti penyelidikan; geran kerjasama USIM-antarabangsa sebanyak RM109,260.00, geran kerjasama USIM-industri bernilai RM20 ribu dan juga geran kerjasama USIM-komuniti berjumlah RM41,810.00 diperoleh. Di samping itu, komitmen berterusan yang diberikan Kementerian Pengajian Malaysia (KPM) dalam memajukan industri halal di Malaysia membolehkan IHRAM memperoleh geran yang diberi nama geran Konsortium Institut Halal Malaysia (KIHIM) berjumlah RM300 ribu. Selain itu, bagi menyemarakkan lagi penyelidikan berteraskan INAQ, INFAD juga berjaya memperoleh geran berjumlah RM60,250.00 bagi kajian berkaitan ilmu Fiqh.

Pada 2018, sejumlah 56% daripada keseluruhan kakitangan akademik aktif USIM adalah berstatus Penyelidik Utama (PI), menurun sebanyak 2% berbanding tahun 2017 dan 8% berbanding tahun 2016.



Rajah 4.2 Peratus Penyelidik Utama 2014-2018

Justeru, bagi memantapkan kemahiran para penyelidik USIM, pihak pengurusan memperkenalkan beberapa modul *Enhancing Research Talent* (ERT) untuk memberi pengetahuan asas berkaitan komponen penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan. Pihak ISI dan fakulti-fakulti juga memainkan peranan melalui siri bimbingan penyediaan *proposal* geran, bengkel pengurusan geran, bengkel dan taklimat audit penilaian kumpulan penyelidikan serta mewujudkan pangkalan data bagi kumpulan akademik yang masih belum mempunyai geran dan memerlukan pembiayaan universiti.

# PENYELIDIKAN BERIMPAK

## Projek 1: *Establishing New Acoustic Cryptanalyses of AES-Based Block Cipher using Low-Bandwidth Acoustic Emanations and Quranic Maqamat*

Projek ini memberi sumbangan kepada masyarakat Islam melalui penghasilan teknologi baharu berkaitan integrasi INAQ iaitu pemeliharaan aplikasi-aplikasi al-Quran di internet terhadap gangguan-gangguan siber dapat dilakukan. Empat artikel berjaya diterbitkan melalui persidangan antarabangsa yang dihadiri seperti Jadual 4.1.

| Tajuk artikel yang diterbitkan | Persidangan antarabangsa |
|---|---|
| *A Preliminary Review on Cryptanalysis of Acoustic Signals Leakage* | *7th International Conference on Postgraduate Education* |
| *Data Exfiltration of Ultrasonic Noise Signal in Computer Security System: A Review* | *The International Conference on Electrical, Electronic, Communication and Control Engineering* |
| *Profiling Quranic Maqamat Using An Enhanced Cepstral Analysis Technique* | *25th International Congress on Sound and Vibration (7 – 12 July 2018, Hiroshima)* |
| *Linear Hybrid Cellular Automata Based Substitution Box* | *International Journal of Engineering and Technology (UAE)* |

Jadual 4.1 Penerbitan Artikel yang dibentangkan di Persidangan Antarabangsa

## Projek 2: Penyelidikan ACREDA Berkaitan Isu Dadah

### Kajian Penglibatan Remaja Terhadap Dadah Jenis Inhalan

Kajian ini menyumbang informasi kepada pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) berkenaan isu bahan inhalan (*inhalant)* di samping mendedahkan data-data yang dikumpul kepada para guru dan pihak sekolah. Dengan itu langkah-langkah pencegahan dapat diambil kerana sebelum ini isu tersebut dianggap tidak serius kerana ia jarang berlaku.




### Kajian Model Eksperimen Model Terapi Kerjaya AADK dalam kalangan Pelatih AADK

Kajian ini memfokuskan kepada pembangunan kerjaya, konsep kendiri dan *coping strategies* dalam kalangan pelatih agar perancangan kerjaya mereka lebih realistik dan efisien apabila mereka keluar dari pusat pemulihan. Sebuah buku "Model Terapi Kerjaya" AADK-ACREDA diterbitkan sebagai panduan kepada pegawai AADK, kaunselor dan kakitangan di pusat-pusat pemulihan untuk mengimplementasikan model ini kepada para pelatih. Kesinambungan daripada itu, satu kursus *Training of Trainers* (TOT) Modul Kaunseling Kerjaya AADK diadakan sebagai platform pemindahan ilmu kerjaya yang melibatkan seramai 55 pegawai pemulihan dan kaunselor AADK pada 19 dan 20 September 2018 bertempat di Canselori USIM. "Model Terapi Kerjaya" memenangi Pingat Perak ketika dipertandingkan di *8th Exposition on Islamic Innovation* (i-Inova) di USIM pada 10 dan 11 Mac 2018.

## PENCAPAIAN MYRA dan MYMOHES

Jadual 4.2 Pencapaian MYRA 2014 - 2018

| Tahun | Pencapaian | Bintang |
|---|---|---|
| 2018 | 61.95% | ★★★★ |
| 2017 | 62.71% | ★★★★ |
| 2016 | 59.62% | ★★★ |
| 2015 | 50.29% | ★★★ |
| 2014 | 40.07% | ★★ |

Pencapaian serta kekuatan penyelidikan dan inovasi di IPT Malaysia diukur melalui beberapa instrumen seperti *Malaysian Research Assessment* (MyRA) dan MyMoheS. Untuk penilaian MyRA, bermula dengan hanya memperoleh MyRA 2 bintang pada 2014 dengan peratusan 40.07%, ia meningkat kepada 61.95% pada 2018 bersamaan dengan 4 bintang.

Untuk penilaian MyMoheS pula, pada tahun 2018 USIM mendapat penarafan 5 bintang dengan peratusan 95.94%. Pada 2018, sejumlah 56% daripada keseluruhan kakitangan akademik aktif USIM adalah berstatus Penyelidik Utama (PI), menurun sebanyak 2% berbanding tahun 2017 dan 8% berbanding tahun 2016.

| Tahun | Markah | Penarafan Bintang |
|---|---|---|
| 2018 | 95.94 | ★★★★★ |
| 2017 | 96.58 | ★★★★½ |
| 2016 | 95.33 | ★★★★★ |
| 2015 | 96.84 | ★★★★★ |

Jadual 4.3 Pencapaian dan Penarafan MyMoheS bagi USIM (2015 - 2018)

# KEUNGGULAN INOVASI (PERTANDINGAN INOVASI DAN PENYELIDIKAN)

## 29th International Invention, Innovation and Technology Exhibition

| Nama Produk | Nama Penyelidik |
|---|---|
| *Triple Eye Lid* (Emas) | Ar. Fadli Bin Arabi<br>Ar. Dr. Elina Mohd Husini<br>Ar. Wan Norisma Wan Ismail<br>Ar. Hj. Abu Bakar Ali<br>Nurul Nadiah Razali |
| *Global Faraid Game* (Emas) | Prof. Madya Dr. Azman Ab Rahman<br>Zahari Mahad Musa<br>Dr. Mushaddad Hasbullah<br>Mohamad Zulhilmi Mohd Nazar<br>Mursyid Junaidi Mohd Faisal Yap<br>Ahmad Anis Muhd Fauzi<br>Muhammad Najib Abd Wakil |
| Pembangunan Istilah Bahasa Isyarat Islam Untuk Keperluan Ibadah Bagi OKU Pekak Muslim (Perak) | Dr. Nurul Asiah Fasehah Bt Muhamad<br>Prof. Madya Dr. Adnan Mohamed Yusoff<br>Dr. Noornajihan Ja'far<br>Dr. Mahyuddin Hashim<br>Norakyairee Mohd Raus<br>Mohd Adzam Rasdi<br>Siti Ramna Binti Khamaruddin<br>Nurutthoilah Mohd Nabil<br>Siti Rahmah Binti Ahmad Razuan<br>Nur Amalina Binti Azhar |
| *Global Arabic Game* (Perak) | Dr. Nurkhamimi Bin Zainuddin<br>Prof. Madya Dr. Azman Ab Rahman<br>Prof. Madya Dr. Muhammad Sabri Sahrir<br>Dr. Abdul Razif Zaini<br>Ahmad Anis Muhd Fauzi<br>Muhammad Najib Abd Wakil |

Jadual 4.4 Pencapaian Produk USIM dalam ITEX 2018




**Malaysia Technology Expo 2018**

| Nama Produk |
|---|
| *Global Faraid Game (GFG) V1.0* |
| **Nama Penyelidik** |
| Prof. Madya Dr. Azman Ab. Rahman<br>Zahari Bin Mahad Musa<br>Dr. Mushaddad Hasbullah |
| **Anugerah** |
| Gangsa dan setara |

Jadual 4.5 Pencapaian Produk USIM dalam MTE 2018

Penyertaan USIM dalam *29th International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX 18)* di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 10 hingga 12 Mei 2018 berjaya membawa pulang 2 emas dan 2 perak.

USIM memperoleh dua pingat emas iaitu produk *Triple Eye Lid: Edible Garden Passive Cooling and Air Filteration System in Suris'* dan *Global Faraid Game (GFG). Triple Eye Lid* merupakan sebuah inovasi bagi yang melibatkan tanaman tumbuhan hijau melalui sensor cahaya solar untuk mengurangkan suhu persekitaran serta mengawal pencemaran udara. Tumbuhan ditanam secara menegak di dalam pot yang direka bentuk secara menegak dan tumbuhan tersebut bertindak sebagai sistem kawalan pencemaran udara pasif dengan konsep tirai penapisan udara.

GFG pula dicipta bagi membantu dan memudahkan masyarakat mempelajari ilmu faraid dengan konsep gamifikasi dan didik hibur yang lebih interaktif lagi mudah difahami oleh masyarakat.

## Inovasi FaST LaB Menyumbang kepada Komuniti

*Faculty of Science & Technology Lab in a Box* (FaST LaB) merupakan inisiatif daripada dekan FST, Prof. Madya Dr. Azwani Sofea Mohd Khiar dan pensyarah-pensyarah muda FST untuk menarik minat pelajar sekolah terhadap subjek Sains dan Matematik melalui cara pembelajaran yang menyeronokkan.



Hasilnya, sekumpulan pensyarah muda FST yang diketuai Dr. Muhammad Zamir Othman menghasilkan inovasi makmal yang dinamakan *Lab In A Box*. *Lab In A Box* melalui modul *Slime Making Kit* dan *DIY Perfume* memberi peluang kepada murid dan pelajar melakukan eksperimen dan eksplorasi sains menggunakan bahan kimia dan alatan yang selamat untuk digunakan. Modul-modul yang dicipta ini turut terdapat dalam silibus pembelajaran di sekolah iaitu *Slime Making Kit* dikaitkan dengan tindak balas kimia yang dipelajari dalam topik Polimer Sintetik di peringkat menengah rendah, manakala *DIY Perfume* pula proses terakhir untuk membuat wangian.

> "Melalui proses dan hasil akhir eksperimen sains menggunakan kit ini, ia merangsang sekurang-kurangnya tiga pancaindera murid iaitu penglihatan, bau dan rasa menerusi sentuhan."
>
> Dr. Muhammad Zamir Othman



## *Islamic Global Innovation Festival and Talent 2018*

*Islamic Global Innovation Festival and Talent* (i-GIFT) 2018 yang diadakan buat julung kalinya pada 10 dan 11 Mac 2018 berjaya menerima tajaan berjumlah RM30 ribu daripada QSR Brands (M) Holdings Bhd; enam program berkaitan inovasi Islam dijalankan serentak. 120 peserta menyertai Ekspo Inovasi Islam (i-INOVA) yang memasuki edisi ke-8 sebagai program utama selain beberapa program lain seperti seminar Halal Istihlak (*Consumerism*) Seminar, Exhibition and Competition-HISEC, bengkel pengkomersialan produk Bengkel *360º Perspectives on R&D Commersialisation*, pameran STREAM@N9 yang mengetengahkan pameran berkaitan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik, pertandingan Tunas Cipta yang menampilkan reka cipta dan idea kreatif dalam kalangan pelajar sekolah serta pameran produk inovasi bagi golongan orang kelainan upaya (OKU).





ARSOM:*Arabic Sign Languange Learning Android Apps Using Augmented Reality*

USIM yang diwakili oleh Mohd Aqil Irwan Abdul Mutalib memperoleh anugerah utama (Anugerah Inovasi Islam) dalam i-INOVA bagi produk ciptaan dinamakan ARSOM:*Arabic Sign Languange Learning Android Apps Using Augmented Reality*. ARSOM merupakan aplikasi Android yang direka untuk orang-orang pekak dan bisu belajar mengenal Huruf Hijaiyah dalam bahasa isyarat (bahasa isyarat Arab). ARSOM diambil dari perkataan أصم (pekak) dan singkatan *Augmented Reality* (AR) itu sendiri digabungkan dengannya. ARSOM berfungsi untuk memaparkan bahasa isyarat pergerakan tangan berbentuk model 3D melalui kad abjad Huruf Hijaiyah. Ia agak menarik kerana huruf tersebut seakan-akan hidup dan membolehkan pengguna meniru pergerakan tangan yang terhasil secara tidak langsung memudahkan pemahaman pembelajaran mengenal Huruf Hijaiyah.

## Penganjuran Seminar dan Persidangan

### *Halal Istihlak (Consumerism) Seminar, Exhibition and Competition*

Program Halal Istihlak (Consumerism) Seminar, *Exhibition and Competition* (HISEC) anjuran IHRAM ini diadakan pada 10 dan 11 Mac 2018 bersekali dengan penganjuran i-GIFT 2018 di Dewan Tuanku Canselor. Para peserta yang hadir adalah daripada kalangan orang awam, pekerja industri dan mahasiswa. Peserta-peserta mengikuti taklimat, forum dan juga beberapa slot *pocket talk* berkenaan halal dalam bidang kepenggunaan.

### *Malaysia-Japan Discourse Project 2018*

Satu persidangan akademik *Malaysia-Japan Discourse Project 2018* dianjurkan USIM pada 4 Disember 2018 bertempat di *Le Meridien Putrajaya*. Persidangan ini merupakan pengenalan terhadap dimensi baharu dalam Dasar Pandang ke Timur yang diperkenalkan Tun Mahathir sejak 1980-an. Program yang dirasmikan oleh Naib Canselor USIM ini mendapat sentuhan Profesor Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak sebagai pengucap tama.

## Persidangan-Persidangan Lain

Terdapat beberapa persidangan lain yang dianjurkan USIM pada tahun 2018 seperti dalam jadual di bawah:

| Nama Persidangan | Tarikh | Penglibatan |
|---|---|---|
| Seminar Antarabangsa Pendita Za'ba Sang Geligawan Zaman "Pendidikan Integratif (Sepadu) Dalam Seabad Pemikiran Pendita Za'ba | 27 dan 28 Januari | Sekolah Pembangunan Belia dan Komuniti, Penganjur Bersama FPQS dan PIINA, USIM |
| Seminar Pengendalian Kadaver bagi Tujuan Pengajaran dan Pembelajaran Menurut Perspektif Islam | 6 Februari | FPSK |
| i-INOVA Kali Ke-8 | 10 dan 11 Mac | USIM dengan kerjasama ISESCO, WORAL dan KUIS |
| *Sustainable Education for Indigenous People Seminar (SEIPS)* | 20 April | Pusat Penyelidikan Mizan, FKP |
| *Seminar on Revitalizing the Heritage of Kampong Bharu for the Future of Kuala Lumpur* | 15 Ogos | Pusat Penyelidikan Mizan, FKP |
| Karnival Fatwa dan Inovasi Islam (KAFI) | 28 Ogos | INFAD |
| *International Conference on Religious Studies, Social Sciences and Technology (INSIGHT)* | 23 dan 24 September | FPQS, USIM dan SIG Kluster dan Teknologi FPQS dan AlBalqa' Applied University Jordan |
| *International Conference on Natural Sciences and Heritage From Islamic Perspective (INSPIRE)* | 29 dan 30 September | Kompleks Islam Tuanku Muhriz dan Bangunan Pusat Pengajian Teras |
| *Prophetic Science International Conference (ALFURSAN)* | 29 dan 30 September | ISI, USIM dan JAKIM |
| Persidangan Antarabangsa Tamadun, Etnik dan Turath Islami | 29 dan 30 September | Pusat Pengajian Teras, USIM dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang berkaitan |
| Seminar Warisan Nabawi Peringkat Antarabangsa (SWAN) | 2 dan 3 Oktober | FPQS, USIM dan International University of Renewal (IUR), Turkey |
| *3rd USIM International Health Conference 2018 (IHeC)* | 20 dan 21 Oktober | FPSK |
| Simposium Kepimpinan Masyarakat Inklusif (SKMI) | 25 Oktober | Pusat Penyelidikan Mizan, FKP |
| *30th Regional Conference on Solid State Science and Technology (RCSSST)* | 7 - 9 November | Persatuan Sains dan Teknologi Keadaan Pepejal Malaysia MASS Malaysia dengan kerjasama Program Fizik Gunaan dan Teknologi Kimia Industri, FST |
| i-INOVA Kali Ke-8 | 10 dan 11 Mac | USIM dengan kerjasama ISESCO, WORAL dan KUIS |
| *Sustainable Education for Indigenous People Seminar (SEIPS)* | 20 April | Pusat Penyelidikan Mizan, FKP |

Jadual 4.6 Lain-lain Persidangan

## Jaringan kerjasama (MOA/MOU)

Jaringan kerjasama strategik bersama pemegang taruh dari dalam dan luar negara diperkukuhkan lagi pada tahun 2018 melalui *Memorandum of Understanding* (MoU), *Memorandum of Agreement* (MoA) dan *Letter of Collaboration* (LoC). 10 MoU ditandatangani ISI, dua MoA dan satu LoC ditandatangani oleh IHRAM seperti Jadual 4.7.

Melalui MoU dan LoC yang ditandatangani, pelbagai aktiviti penyelidikan dan kerjasama dicapai seperti penganjuran i-GIFT 2018 yang memberi impak besar kepada masyarakat Islam melalui penglibatan QSR Brands (M) Holdings Bhd dan Mamee-Double Decker (M) Sdn. Bhd.

| Agensi/Organisasi | Peneraju | Jenis |
|---|---|---|
| Q STEM A Ventures | ISI | MoU |
| Sekolah Tinggi Agama Islam (STAI) Al-Muhajirin Purwakarta, Jawa Barat | ISI | MoU |
| Mayaterokah IT Solutions Pulau Pinang | ISI | MoU |
| Hayrat Foundation Turki | UMMI/ISI | MoU |
| Rumah Ngaji | UMMI/ISI | MoU |
| Aq Wise Sdn Bhd (AQWISE) | UMMI/ISI | MoU |
| Maahad Tahfiz Al-Quran Lil Muttaqin (INSTAQLIM) | GST/ISI | MoU |
| Universitas Negeri Padang (UNP) Sumatera Barat | ACREDA/ISI | MoU |
| Universitas Widayatama Bandung | CSS/ISI | MoU |
| Ninja Academy | ISI | MoU |
| QSR Brands Malaysia Holdings Bhd. | IHRAM | LoC |
| Mamee-Double Decker (M) Sdn. Bhd. | IHRAM | MoU |
| Gerbang Alaf Restaurant Sdn. Bhd. (GARSB) | IHRAM | MoU |

Jadual 4.7 Senarai Jaringan Kerjasama

## Laporan Harta Intelek

Sejumlah 36 jenis harta intelek didaftarkan pada tahun 2018 oleh pihak Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri (PLiMJI). Melalui pendaftaran dua *Trademark* dan 34 *Copyright – Voluntary Notification*, penciptaan produk-produk yang dihasilkan penyelidik-penyelidik USIM dapat dipelihara. Peningkatan sebanyak 60% berbanding tahun 2017 ini menampakkan keberkesanan kursus ERT melalui *Leadership Module in Commercialisation* yang dianjurkan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI), bagi membantu dan merancakkan lagi pengkomersialan produk-produk inovasi di USIM.

| Nama Pencipta | Nama Produk | Harta Intelek |
|---|---|---|
| Ar. Dr. Elina Mohd Husini | Logo *Mizan Home* | *Trademark* |
| Prof Madya. Dr. Mahazan bin Abdul Mutalib @ Taib | Logo *Mizan Home* | *Trademark* |
| Dr. Abdel Rahman Ibrahim Suleiman Islieh | *Engaging Secondary School Students Using Flipped Classroom Through Creative Mooc Design* | *Copyright - Voluntary Notification* |
| Hisham bin Sabri | Wakaf- T | *Copyright - Voluntary Notification* |
| Prof. Dr. Norita binti Md Norwawi | Naisse | *Copyright - Voluntary Notification* |
| Dr. Suraini binti Mohd Ali | *Problem – Based Learning (Pbl) Language Case-Crafting Model (Pbl-Lccraft)* | *Copyright - Voluntary Notification* |
| Prof. Madya Dr. Alina binti Abdul Rahim | Kiub Bunga Kantan | *Copyright - Voluntary Notification* |
| Dr. Haliza binti Harun | *Glow@ Cbl (Grammar Learning Online With* Concept *Instruction)* | *Copyright - Voluntary Notification* |
| Dr. Amin Al Haadi bin Shafie | Model Terapi Kerjaya AADK Dalam Kalangan Pelatih Aadk | *Copyright - Voluntary Notification* |
| Ar. Fadli bin Arabi | *Triple Eyelid: Edible Garden Passive Cooling and Air Filteration System In Suris* | *Copyright - Voluntary Notification* |
| Dr. Nurul Asiah Fasehah bt Muhamad | Pembangunan Istilah Bahasa Isyarat Islam Untuk Keperluan Ibadah Bagi Oku Pekak Muslim | *Copyright - Voluntary Notification* |
| Dr. Nurkhamimi bin Zainuddin | *Learning Buffet Approach For Open and Flexible Learning* | *Copyright - Voluntary Notification* |
| Prof. Dr. Norita Md Norwawi | *Arsom: Immersive Learning Using Arabic Sign Language With Augmented Reality* | *Copyright - Voluntary Notification* |
| Dr. Roslee bin Ahmad | Inventori Pencegahan Perlakuan Seks Songsang Gay Dan Lesbian | *Copyright - Voluntary Notification* |
| Dr. Izlawanie binti Muhammad | *Theoretical Framework Of Malaysian Tax Auditors Dispute Resolution Behaviour In Audit Settlement* | *Copyright - Voluntary Notification* |

Jadual 4.8 Senarai Harta Intelek

| Nama Pencipta | Nama Produk | Harta Intelek |
|---|---|---|
| Prof. Madya Dr. Nurul Azmawati binti Mohamed@ Abd Aziz | *Knowledge, Attitude and Practices Of Hand Hygiene Questionnaire* | *Copyright - Voluntary Notification* |
| Prof. Madya Dr. Nurul Azmawati binti Mohamed @ Abd Aziz | Lirik Lagu *" Healthy Hands "* | *Copyright - Voluntary Notification* |
| Dr. Farhana binti Sabri | *E-Cis: Counseling Supervision* | *Copyright - Voluntary Notification* |
| Ar. Dr. Elina binti Mohd Husini | *I-Sold: A Prototype of Solar Cooling Integrated Façade for Balancing the Human Comfort, and Sustainability in Working* | *Copyright - Voluntary Notification* |
| Dr. Mohd Azmani bin Sahar | *Fat4cp (First Aid Training For Care Providers) Module* | *Copyright - Voluntary Notification* |
| Dr. Mohd Azmani bin Sahar | *Auni Board Image Transfer System (Auni Bits) Mobile Application* | *Copyright - Voluntary Notification* |
| Dr. Mohd Azmani bin Sahar | *Auni Board Image Transfer System (Auni Bits)* | *Copyright - Voluntary Notification* |
| Prof. Madya Dr. Irwan Mohd Subri | Fiba Garis Panduan Fiqh Banjir | *Copyright - Voluntary Notification* |
| Dr. Sakinah binti Ali Pitchay | *Jawi Captcha (Jacapt) Based Security System for Login Authentication* | *Copyright - Voluntary Notification* |
| Dr. Siti Suriani Othman | *Developing Multi-Tasking And Ethical Future Journalists: A Teaching And Learning Response for The Fourth Industrial Revolution* | *Copyright - Voluntary Notification* |
| Dr. Muhammad Zamir bin Othman | *Lab In A Box: Slime Kit* | *Copyright - Voluntary Notification* |
| Prof. Madya Dr. Muhammad Ridhwan bin Ab. Aziz | Model Wakaf Kepakaran Profesional | *Copyright - Voluntary Notification* |
| Prof. Madya Dr. Muhammad Ridhwan bin Ab. Aziz | Model Deposit Tunai Dan Pembiayaan Bagi Bank Wakaf | *Copyright - Voluntary Notification* |
| Dr. Fauziah binti Hassan | Representasi Nilai Islam dalam Filem Bisik Pada Langit | *Copyright - Voluntary Notification* |
| Prof. Madya Dr. Waidah binti Ismail | *Data Analysis in Determining the Level of Games and Total Score Formula* | *Copyright - Voluntary Notification* |
| Ismail bin Ahmed | Berikan Sakti | *Copyright - Voluntary Notification* |
| Ismail bin Ahmed | Wakon | *Copyright - Voluntary Notification* |
| Suria Hani binti A. Rahman | Kampong Bharu Citra Sebuah Mizan | *Copyright - Voluntary Notification* |
| Prof. Madya Dr. Mohd Rushdan bin Mohd Jailani | *Development of Integrated Psychospiritual Treatment Model from the Inmates in Drug Rehabiliton Institution* | *Copyright - Voluntary Notification* |
| Dr. Nurzi Juana binti Mohd Zaizi | *Android Mobile Malware Classification for Call Logs Exploitation Based on System Call and Permissions Using Tokenization* | *Copyright - Voluntary Notification* |
| Dr. Ramiaida binti Darmi | *Interactive Cognitive Exploration@Tbl (Ice@Tbl)* | *Copyright - Voluntary Notification* |



# BAHAGIAN PENERBITAN

## Penerbitan Keseluruhan




Rajah 4.3 Jumlah Keseluruhan Penerbitan Tahun 2018

Jenis-jenis penerbitan yang dilakukan penyelidik USIM terdiri daripada penerbitan dalam Jurnal Scopus/WOS/ERA (berindek), penerbitan dalam jurnal tidak berindek, buku penyelidikan, bab dalam buku penyelidikan dan penerbitan lain-lain seperti kajian kes, laporan teknikal, artikel dalam majalah dan surat khabar.

## Penerbitan Buku

Tahun 2018 merupakan tahun yang cemerlang bagi Penerbit USIM dalam memastikan kelestarian penerbitan terus ditingkatkan di mana 93 judul buku diterbitkan, 50.8% melebihi sasaran awal iaitu 59 judul. Jumlah penerbitan pada tahun ini juga merupakan yang tertinggi dalam sejarah penerbitan di USIM dan mewakili 12.8% daripada keseluruhan 693 judul penerbitan yang diterbitkan oleh Penerbit USIM dari tahun 2002 hingga 2018. 93 judul yang diterbitkan pada tahun ini merangkumi pelbagai genre iaitu sebanyak 45 judul buku ilmiah, 27 buku teks dan modul, 7 buku umum dan 14 prosiding. Penerbit USIM mengulang cetak sebanyak 21 judul kerana mendapat permintaan pasaran yang baik.




Rajah 4.4 Jumlah Penerbitan Buku Tahun 2002-2018



## Pengiktirafan

Pada 2018 juga, Penerbit USIM berjaya memenangi Anugerah Buku Negara (ABN) bagi Buku Umum Terbaik (Kategori Pengajian Islam) menerusi buku berjudul “Pentafsiran Asnaf Zakat di Malaysia Mengikut Masa dan Tempat” karangan Hasanah Abd. Khafidz. Di samping itu terdapat empat buah buku Penerbit USIM terpilih sebagai *50 Best Malaysian Titles yang* diumumkan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) untuk kategori *International Rights*.




Buku-buku yang dimaksudkan ialah *Nurturing a Balanced Person: The Leadership Challenge* karangan Profesor Tan Sri Dato’ Dzulkifli Abdul Razak, *The Fundamental of Islamic Financial Institutions and Markets* karangan Profesor Madya Dr. Ridhwan Ab. Aziz, Industri Halal Perkembangan dan Cabaran di Malaysia karangan Dr. Nurul Aini Muhamed et al. dan *Essential Foudations of Islamic Money and Capital Market* karangan Profesor Tan Sri Dato’ Dzulkifli Abdul Razak.

## Statistik Royalti 2011-2018




Seterusnya tahun 2018 juga mencatatkan hasil janaan tertinggi Penerbit USIM iaitu sebanyak RM568,179.11 yang mewakili 17.7% dari jumlah keseluruhan royalti dari 2011 hingga 2018 iaitu RM3,203,455.15. Jumlah royalti tahun ini meningkat sebanyak 3.5% dari royalti tahun 2017 (RM 455,679.85) dan melebihi sebanyak 13.6% dari jumlah sasaran yang ditetapkan untuk tahun 2018 iaitu RM500 ribu. Janaan yang tertinggi pada tahun 2018 diperoleh melalui hasil jualan buku (RM527,020.11) yang mewakili 92.8% dari jumlah keseluruhan royati tahun 2018, diikuti perkhidmatan (RM32,075.00; 5.6%), tajaan penerbitan (RM5,000.00; 0.9%), e-buku (RM2,883.90; 0.5%) dan geran penerbitan (RM1,200.00; 0.2%). Tiga penjualan tertinggi untuk buku ilmiah adalah melalui buku berjudul Panduan Poket Penjagaan Kesihatan Ibu & Anak di Klinik Kesihatan iaitu sebanyak 1,234 naskhah, diikuti Faraid Pembahagian Pusaka Dalam Islam (975 naskah) dan Kamus Mini Zakat (363 naskah). Manakala, tiga penjualan tertinggi untuk buku teks dan modul adalah melalui buku berjudul Set Modul Liqa' 1-6 iaitu sebanyak 2,603 naskah, diikuti *Chemistry 1 for Tamhidi* (1049 naskah) dan *Laboratory Manual Chemistry 1* (1018 naskah).




Rajah 4.5 Statistik Royalti Penerbitan 2011-2018

## Majlis Penghargaan USIM *Top 100 Researchers* (2013-2017)



Majlis yang dianjurkan oleh PPPI ini bertujuan meraikan peranan dan pencapaian cemerlang yang dipamerkan oleh para penyelidik USIM dalam bidang penyelidikan dan inovasi.

Majlis penghargaan yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kolej Permata Insan pada 14 Mei 2018 ini merupakan pemangkin kepada para penyelidik USIM untuk terus mencapai kecemerlangan pada masa akan datang bagi memperkasakan pembudayaan penyelidikan dan inovasi di USIM. Pihak PPPI telah menyenaraikan *USIM Top 100 Researchers* melalui kriteria pemilihan berdasarkan kepada pencapaian lima tahun penyelidikan dari tahun 2013 sehingga tahun 2017. Ia mengambil kira maklumat daripada penyelidik utama aktif, penerbitan buku, jurnal dan inovasi. Lanjutan dari itu, kesemua penerima anugerah *USIM Top 100 Researchers* (2013-2017) menghadiri *Research Leadership Laboratory* pada 9-11 Ogos 2018 di Hotel Tenera, Bangi untuk berkongsi pengalaman dengan kumpulan sasaran tentang kepimpinan dalam penyelidikan bagi memperkasakan pembudayaan penyelidikan dan inovasi di USIM.

# MizanHome
## HARUMKAN NAMA MALAYSIA DI DUBAI




Kejayaan USIM di peringkat antarabangsa diteruskan lagi pada November tahun ini melalui pasukan Rumah Solar Mizan (MizanHome) yang diterajui 35 pelajar Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB), USIM dengan kerjasama 20 pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada pertandingan *Solar Decathlon Middle East* (SDME) 2018. Komitmen dan pengorbanan pasukan ini selama dua tahun telah membuahkan hasil apabila mereka dipilih menerima *People's Choice Award* melalui undian tertinggi iaitu sebanyak 29.1% daripada 32,436 jumlah undian, menewaskan 14 rumah solar lain antaranya dari UAE, Australia, Taiwan, Pakistan, Itali dan Amerika Syarikat. Model rumah pintar yang menepati konsep *clean energy* ini beroperasi sepenuhnya menggunakan tenaga solar dan juga sesuai untuk kegunaan musim panas, berhabuk dan kelembapan yang tinggi seperti di Dubai.

MizanHome telah mengenengahkan tujuh inovasi menggunakan teknologi terkini iaitu Rekaan Rumah Tiga Lapisan, *Teknologi Grey Water System*, Pendebat Dinding Organik, *Chill Water Storage System*, Sistem Tenaga Hibrid, Aplikasi *Smart Home* dan Inovasi Pembinaan *Modular Cage*.

Selain anugerah tersebut, MizanHome turut menerima wang tunai AED400,000 daripada penganjur, *Dubai Electricity and Water Authority* (DEWA) sebagai hadiah insentif kerana berjaya menyiapkan rumah solar dalam tempoh 14 hari yang ditetapkan.



Kejayaan yang dicapai ini adalah hasil sokongan kuat yang diterima dari Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM), agensi kerajaan dan lebih 13 rakan industri yang menghulurkan bantuan untuk merealisasikan projek ini. Antara syarikat yang terlibat adalah seperti Syarikat Nautical Sanitaryware Sdn. Bhd., Kelab Pembangunan Profesionalisme Arkitek Kuala Lumpur & Selangor (Be:Ar), Rockwool Malaysia Sdn. Bhd., Bidai Solutions Sdn. Bhd., Kumpulan Johawaki Sdn. Bhd., Teknikal Zog Engineering Sdn. Bhd. dan satu-satunya syarikat dari Thailand iaitu Beger Paint Co., Ltd.

Sila imbas kod untuk menonton video atau layari:

http://bit.ly/LT18video4

*****

Kecemerlangan penyelidikan dan inovasi pada tahun 2018 adalah hasil kerjasama yang diberikan semua warga USIM terutamanya komitmen daripada pihak pengurusan di dalam memastikan lima tonggak Maqasid Syariah sentiasa menjadi pegangan para penyelidik di USIM. Aspirasi penyelidikan USIM untuk memelihara agama, nyawa, akal, harta dan keturunan tidak lain adalah untuk memastikan kelestarian penyelidikan yang mampu memberi sumbangan kepada masyarakat secara umumnya dan umat Islam secara khususnya. Melalui strategi yang dirangka Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, YBhg. Prof. Dato' Dr. Roshada Hashim, pelbagai kecemerlangan penyelidikan diharapkan akan terus dicapai pada tahun-tahun mendatang agar USIM menjadi rujukan dunia dalam penyelidikan berteraskan INAQ.








# MELAHIRKAN **BAKAT DAN IKON USIM**

> “Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan”.
>
> (Al-Israa’ 17:70)

# PENDAHULUAN

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terus komited dalam usaha melahirkan cendekiawan Islam profesional yang bukan sahaja mampu menggunakan dan menguasai teknologi masa kini dan pada masa hadapan, tetapi juga berupaya mencipta teknologi berteraskan sains Islam yang bakal digunakan sepenuhnya oleh warga dunia.

Bagi mencapai tujuan ini, USIM beriltizam dengan memberi sokongan, latihan dan pelbagai kemudahan untuk menggilap bakat sedia ada untuk terus bersinar di persada dunia. 2018 menyaksikan nama USIM terus terpahat melalui pelbagai kejayaan dalam bidang akademik, penyelidikan serta sumbangan kemasyarakatan melibatkan staf akademik dan pentadbiran. Pelajar USIM terus bersinar dan terserlah dengan kehebatan beberapa ikon dalam kalangan mahasiswa serta graduan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Turut membanggakan juga apabila terdapat PTj secara kolektif dapat meningkatkan imej USIM melalui pelbagai program dan aktiviti berimpak tinggi yang memberi manfaat kepada masyarakat.



# SAINTIS MUDA ISLAM

Kolej PERMATA Insan (KPI) ditubuhkan bertujuan melahirkan cendekiawan muda Islam berteraskan al-Quran dan al-Sunnah. USIM begitu komited mencungkil bakat muda dalam kalangan pelajar pintar seawal usia 13 hingga 17 tahun seperti pepatah Melayu yang menyebut melentur buluh, biar dari rebungnya.




Pelajar KPI Tingkatan 4, Ammar Ahmadi menyertai pertandingan antarabangsa yang melibatkan 43 buah negara. Malaysia diwakili oleh 3 pelajar dan 2 mentor, Ammar Ahmadi merupakan satu-satunya pelajar Melayu Muslim dan peserta termuda. Beliau memenangi pingat gangsa (kategori individu) dan tempat kedua *Earth System Project* (ESP) - kategori kumpulan) dalam pertandingan *The International Earth Science Olympiad* (IESO) 2018 di Thailand.

IESO bertujuan memberi pendedahan berkaitan bidang *Geoscience* dan mencungkil bakat muda (*talented young learners*) dalam bidang *Earth Science*. Berkat usaha yang gigih dan minat yang mendalam terhadap sains bumi sejak kecil lagi mendorong pelajar pintar ini meraih kejayaan dalam pertandingan IESO di peringkat antarabangsa. Kejayaan ini membuktikan USIM sebagai sebuah pusat pengajian sains dan teknologi Islam yang cemerlang. Misi dan visi KPI melahirkan cendekiawan muda Islam berteraskan al-Quran dan as-Sunnah dapat direalisasikan.



“Ammar Ahmadi merupakan pelajar cemerlang akademik, kokurikulum dan aktif dalam aktiviti seperti pertandingan inovasi, olimpiad dan sebagainya. Beliau berfikir secara kritis dan inovatif, serta menjadi rujukan rakan sebaya. Berpersonaliti tenang, mesra dan senang didekati membuatkan pelajar-pelajar KPI sebulat suara memilih Ammar sebagai *Student of the Year* bersempena *Abqari Annual Dinner 2018*. Ammar juga memiliki adab dan sahsiah diri yang baik. Kecemerlangan Ammar dalam bidang akademik terbukti melalui pencapaian Pelajar Mahasiswa Cemerlang Mata Pelajaran bagi lima mata pelajaran teras iaitu Bahasa Melayu, Matematik, Matematik Tambahan, Kimia dan Biologi. Ammar amat membanggakan warga KPI apabila mewakili pasukan Malaysia bagi *The International Earth Science Olympiad (IESO) 2018*. Ammar juga merupakan peserta bagi pertandingan seperti Olimpiad Matematik, Olimpiad Fizik, Olimpiad Kimia dan Olimpiad Neurosains.”

Dr. Rosita Zainal,
Penyelaras Hal Ehwal Mahasiswa Kolej PERMATA Insan

# JAGUH DEBAT



Kemenangan dalam kejohanan debat merupakan pencapaian USIM yang konsisten sejak beberapa tahun lepas. Antara kejayaan yang diraih ialah memenangi Naib Johan dalam pertandingan *UNISI Arabic Debating Championship* (UADC) yang berlangsung di Universitas Islam Indonesia (UII), Yogyakarta Indonesia pada Mac 2018. Pada November 2018, mahasiswa USIM berjaya merangkul johan dalam Festival Jazirah Arab UIN Malang 2018 yang terbesar di Indonesia meskipun baru pertama kali menyertainya.

Festival ini merangkumi 10 acara berbeza seperti penulisan karangan bahasa Arab, nyanyian bahasa Arab, puisi bahasa Arab dan bedah buku bahasa Arab yang mana setiap daripada acara yang dipertandingkan mempunyai kaitan dengan Bahasa Arab, sesuai dengan nama festival ini sendiri. Bertitik tolak dari pencapaian USIM yang membanggakan di Indonesia, USIM sekali lagi mendapat jemputan khas dari pihak festival ini untuk menyertai pertandingan Debat Bahasa Arab dan USIM merupakan satu-satunya universiti dari Malaysia yang menyertai festival bahasa Arab terbesar Indonesia ini. Sebanyak 16 buah pasukan debat bahasa Arab turut berentap bersama-sama pasukan debat USIM dalam pertandingan tersebut.

Pasukan USIM mengalahkan 16 buah pasukan debat dari universiti lain. Para pendebat USIM yang dibarisi oleh Muhammad Syamim Md. Morshid, 20, Nur Ain Hannani Hamid, 21, Sharifah Thahirah Syed Mustafa 22, dan Adam Fikry Bakru Rozi, 23, menewaskan mahasiswa dari Universitas Islam Negeri (UIN) selaku pembangkang.

# QARI DAN HUFFAZ PROFESIONAL

USIM sebagai Kampus Barakah sentiasa disemarakkan dengan budaya membaca al-Quran menerusi kaedah bacaan yang terbaik seperti bertaranum. Budaya menghafaz al-Quran semakin berkembang, mengukuhkan kedudukan USIM sebagai pusat pengajian Quran yang cemerlang. USIM amat berbangga kerana memiliki tokoh-tokoh yang profesional dalam bidang taranum al-Quran dan hafazan. Mereka ini turut memenangi beberapa siri pertandingan tilawah al-Quran (bacaan bertaranum) dan hafazan di peringkat nasional. Tiga peserta daripada Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) merangkul kejayaan dalam Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Quran Peringkat Kebangsaan 2018. Bagi pertandingan hafazan, saudara Muhammad Amir Ikmal Khairul Anuar memenangi johan dan saudara Ahmad Rayyan Sheikhudin di tempat kedua dalam kategori hafazan 1-30 juzuk.



Manakala, pensyarah FPQS iaitu Dr. Anuar Hasin memenangi tempat ketiga bagi kategori Tilawah al-Quran. Beliau yang mewakili Malaysia telah mendapat tempat keempat dalam *35$^{th}$ International Quran Competition* di Tehran, Iran pada 19 hingga 26 April 2018. Penglibatan beliau dalam mengharumkan nama Malaysia mampu menjadi contoh tauladan dalam memartabatkan al-Quran dalam kehidupan. Mendampingi al-Quran setiap waktu dan membuat latihan yang berterusan dengan matlamat mencintai dan mengabdikan diri pada kalam suci Allah ini adalah kunci kejayaan mereka. Kesungguhan mereka mendalami al-Quran menerusi ilmu taranum dan hafazan menjadi qudwah hasanah kepada masyarakat.

# KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF

Inovasi dan kreativiti dalam perkhidmatan merupakan pemangkin budaya kerja cemerlang di USIM. Warga USIM sentiasa diberi peluang untuk membudayakan inovasi dan kreativiti dalam kerja seharian. Projek KOHA-ILS oleh pasukan Perpustakaan USIM mendapat pingat perak bersempena EUREKA *Innovation Exhibition International Level 2018*. Menggelarkan nama kumpulan sebagai *Vitalize* mereka memasuki kategori *Chapter D* di bawah bidang *Social Science* dan mendapat tempat ke-18 daripada keseluruhan penyertaan sebanyak 56 kumpulan dan kedudukan 8/22 bagi SILVER Award Chapter D. Mereka dianggotai oleh lapan orang staf Jabatan Perpustakaan iaitu En. Mohd Helmi Mansor, En. Muhammad Hafizi Ahmad, Pn. Rozana Kamdani, En. Mohd Jamil Ahmad Mokhtor, Pn. Suzyla Abdul Aziz, Pn. Puvaneswary a/p Tanggayah, Cik Nurmaisari Che Anuar dan En. Ashmawi Azmi.



## Objektif




Mengurangkan kos langganan dan penyelenggaraan Sistem Integrasi Perpustakaan



Mengurangkan kebergantungan kepada sokongan vendor dalam menyelenggara sistem perpustakaan



Membangunkan kepakaran dalam kalangan pustakawan, terutama dalam membangun dan menyelenggara sistem perpustakaan

Projek inovasi yang diketengahkan bertajuk *Koha – ILS: A Solution On Cost Effective*. Kumpulan ini meraih pingat emas dalam pertandingan *Expo on University Research Invention, Creation and Innovation 2018* peringkat Universiti Awam dan pingat perak dalam pertandingan *International Eureka Innovation Exhibition 2018 – Innovation Towards Industry 4.0* peringkat kebangsaan.

Projek inovasi ini berjaya mencapai objektif yang ditetapkan oleh pihak pengurusan USIM apabila tiada lagi kos langganan dan penyelenggaraan sistem perpustakaan pada tahun 2017 dan 2018 kerana projek ini mengamalkan konsep sistem terbuka. Sumbangan Kumpulan *Vitalize* tidak terhenti begitu sahaja apabila terus menjadi rujukan daripada agensi awam mahupun swasta menerusi sesi konsultasi dan lawatan penanda aras.

# AKTIVIS HAK ASASI MANUSIA

USIM tekad memperjuangkan hak asasi manusia menerusi platform yang diiktiraf di peringkat nasional dan antarabangsa. Misalnya, kerjasama baik antara USIM dan SUHAKAM Malaysia menjadi satu inisiatif berimpak besar dalam menggiatkan aktiviti-aktiviti yang berkait rapat dengan hak asasi manusia.



Prof. Madya Dr. Nik Salida Suhaila, Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) dilantik sebagai Pesuruhjaya SUHAKAM sejak tahun 2016 sehingga kini. Lantikan ini berdasarkan kepakaran dan kredibiliti beliau dalam bidang hak asasi manusia, khususnya hak wanita dan permasalahan masyarakat. Komitmen beliau dalam bidang ini banyak dirakamkan menerusi aktiviti penyelidikan, penerbitan, forum, perbincangan dan sebagainya. Seterusnya, kepakaran beliau terus diiktiraf apabila mewakili Malaysia sebagai pembentang laporan dalam *The 69$^{th}$ CEDAW Session and Constructive Dialogue* di PBB, Geneva, Switzerland. Terbukti, sumbangan besar beliau dalam memperjuangkan hak asasi manusia menarik perhatian para juri untuk memilih beliau sebagai wakil tunggal negara-negara Komanwel bagi menyertai *Special Visit Programme* di Australia. Antara tugasan beliau semasa menyertai tujuh hari lawatan tersebut ialah pembentangan kertas kerja, diskusi, mesyuarat dan aktiviti-aktiviti sosial. Sumbangan kepakaran staf USIM dalam program-program bertaraf antarabangsa merupakan antara kecemerlangan USIM sebagai pusat rujukan bertaraf dunia.

# IKON AUTISME




USIM amat menyantuni kehadiran warga istimewa dalam memacu kecemerlangan institusi di persada pendidikan negara mahupun dunia. USIM kini memiliki 20 mahasiswa istimewa yang cemerlang daripada pelbagai kategori kelainan upaya. Nama Ahmad Zahiruddin sudah tidak asing lagi dalam kalangan warga USIM kerana mempunyai kelebihan menghafaz al-Quran. Beliau dinobatkan sebagai Ikon Autisme semasa majlis Anugerah Dari Hati Ke Hati anjuran Bank Rakyat. Anugerah prestij ini diperkenalkan sempena Bulan Kesedaran Autisme Sedunia untuk menghargai individu, media, organisasi dan persatuan autisme yang sentiasa menyokong golongan autisme. Ahmad Zahiruddin suka membaca dan mengamalkan bacaan al-Quran serta membuat ulangan bacaan secara konsisten sama ada ketika berjalan, waktu senggang atau menaiki kenderaan. Beliau merupakan mahasiswa pintar dengan pencapaian akademik yang cemerlang sejak di bangku sekolah lagi. Kejayaan beliau menghafaz al-Quran 30 juzuk membuka mata masyarakat terhadap potensi golongan istimewa ini dalam apa jua bidang, sama ada pengajian Quran, akademik dan sebagainya. Ternyata, amalan mendampingi al-Quran secara istiqamah menjadi tunjang kepada pembentukan peribadi yang mulia dan cemerlang. Kecekalan Ahmad Zahiruddin menghafaz Quran wajar dicontohi generasi muda lain.

> “Saya gemar membaca al-Quran, apabila kita ada al-Quran dalam diri, ia akan membentuk kita menjadi seorang yang sabar dan lebih baik.”

Ahmad Zahiruddin Zailani,
Ikon Autisme Anugerah Dari Hati Ke Hati anjuran Bank Rakyat

# PENDAKWAH MILENIA

Pendekatan dakwah secara berhikmah mampu menarik mereka yang berminat ke arah Islam.




USIM meletakkan dakwah sebagai satu program pengajian sarjana muda yang dikenali sebagai Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam dengan Kepujian. Mahasiswa USIM sangat aktif menjalankan aktiviti dakwah kepada komuniti setempat hingga ke luar negara. Pendekatan dakwah mereka sangat berkesan dan seiring dengan perkembangan teknologi masa kini seperti berdakwah menerusi saluran televisyen, *Facebook, twitter* dan sebagainya. Kumpulan Media Prima Berhad menerusi saluran TV3 menampilkan program realiti keagamaan, "Dai' Pendakwah Nusantara" yang memartabatkan status pendakwah generasi muda. Kelebihan mahasiswa USIM yang sentiasa disemarakkan dengan amalan dakwah menjadi pendorong kepada mereka untuk menyertai program realiti ini.

Berkat usaha dan keyakinan yang tinggi membawa kejayaan kepada peserta USIM dengan meraih kemenangan yang penuh bermakna kepada warga USIM. Mereka meraih tempat sebagai juara dan naib juara Dai' Pendakwah Nusantara musim ke-3 iaitu Hamidah Ab. Razak dan Ahmad Fuad Mohamad Mokhtar serta naib juara Dai' Pendakwah Nusantara bagi musim ke-5, Nur Afiqah Mahmud. Mereka bertiga merupakan antara 246 graduan yang menerima ijazah sarjana muda dalam Majlis Konvokesyen USIM Kali Ke-16 Tahun 2018.

Program ini melahirkan ramai pendakwah generasi muda yang berkaliber dan memberi pendedahan kepada masyarakat tentang realiti sebenar kehidupan seorang pendakwah pada zaman yang penuh cabaran ini.

# PENULIS MEDIA PROLIFIK

USIM menggunakan sepenuhnya saluran media sebagai wadah menyebar luas ilmu dan maklumat kepada umum. Pelbagai bidang kepakaran USIM diketengahkan menerusi penulisan dalam ruangan media elektronik dan bercetak. Hampir saban hari penulisan dalam kalangan staf USIM disiarkan dalam media dengan jumlah *hits* penulisan mencapai 433 yang menyentuh pelbagai topik rentas bidang. Beberapa staf USIM dikenalpasti sangat aktif dan berbakat dalam bidang penulisan popular. Sumbangan penulisan mereka dalam ruangan media disiarkan secara konsisten dengan catatan rekod sekurang-kurangnya tiga artikel seminggu. Inisiatif staf USIM mengupas isu dan permasalahan masyarakat menerusi penulisan di media sangat memberi manfaat kepada para pembaca daripada pelbagai lapisan masyarakat. Penulisan mereka dapat memberi panduan, kesedaran dan motivasi kepada masyarakat dalam mendepani pelbagai cabaran kehidupan masa kini. Kesediaan pihak media menerima bahan penulisan warga USIM patut dipuji kerana memberi peluang memperkasa bakat menulis dan juga mencungkil bakat-bakat baharu dalam penulisan media.

| | Bilangan artikel |
|---|---|
| Dr. Muzaffar Syah Mallow | 98 |
| Encik Mohd Zaini Othman | 57 |
| Dr. Khairunneezam Mohd Noor | 44 |

Jadual 5.1 Hits penulisan paling tinggi dalam media oleh staf USIM



# ATLET CEMERLANG




Nama USIM tidak asing lagi dalam arena sukan Universiti Awam. Kemenangan demi kemenangan diraih oleh warga USIM dalam beberapa siri kejohanan sukan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Bagi kategori staf, penyertaan dalam Kejohanan Sukan Staf IPT (SUKIPT) 2018 amat membanggakan USIM dengan meraih empat pingat emas bagi acara pasukan bola tampar lelaki yang diketuai oleh Encik Mohd. Jamil dan memanah *senior* individu lelaki yang diwakili oleh Encik Mohd Adil Mufti. Dua pingat lagi disumbangkan sendiri oleh Dr. Faezah Rokhani menerusi acara larian 1500m wanita veteran dan larian 3000m wanita veteran. Bagi kategori mahasiswa, USIM mengungguli beberapa acara sukan dengan meraih pingat emas dalam kejohanan yang diadakan seperti Jadual 5.2. Kecemerlangan para atlet USIM membuktikan kebolehan dan kemampuan mereka mengatasi kehebatan pihak lawan.

| | Atlet | Peringkat | Pencapaian |
|---|---|---|---|
| Boling Padang | Abdul Muiz Jaafar | SUKIPT | Pingat Emas |
| *Lawn Bowls* | Abdul Muiz, Mohammad Saipuddin Zulkefli dan Norul Alyani Jamil | Bangkok Open Triples International 2018 | Pingat Emas |
| Taekwando | Mohammad Ammar Abdul Halim | SUKUM 2018 | Pingat Emas |
| Memanah Lelaki | Adib Hakimi Ahmad | IHTIFAL Institusi Pengajian Tinggi ASEAN 2018 | Johan |
| Memanah Perempuan | Nasuha Mohd Zailan | IHTIFAL Institusi Pengajian Tinggi ASEAN 2018 | Johan |
| Berpasukan Memanah Kompaun | Adib Faridi Samsudin | 2nd Bogor Archery Championship 2018 | Johan |

Jadual 5.2 Pencapaian Sukan Pelajar USIM di pelbagai peringkat

# SUKARELAWAN TERBILANG



Kegiatan kokurikulum dipergiatkan bagi memperkasa jati diri mahasiswa USIM. Pelbagai aktiviti disediakan di USIM menerusi lapan teras kokurikulum dan yang paling popular ialah teras kesukarelawanan seperti kursus PALAPES, KOR SUKSIS, KOR SISPA dan sebagainya. Pencapaian mahasiswa USIM dalam kegiatan kokurikulum diiktiraf oleh pihak luar, misalnya, pasukan KOR SUKSIS USIM dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Khas Ketua Polis Negara kategori Skuad Terbaik KOR SUKSIS Universiti Awam 2018.

Memiliki keterampilan yang positif dan disiplin yang tinggi, mereka berjaya mempertahankan kecemerlangan dengan meraih anugerah tersebut untuk kali kedua. Selain itu, tiga orang pelatih KOR SUKSIS USIM turut dipilih menerima anugerah Pelatih Terbaik atas kecemerlangan mereka iaitu Muhammad Hakimi Ghazali, Muhammad Syafiq Abdullah dan Muhamad Nur Fitri Mat Rani.

> “Saya yakin dan percaya ahli KOR SUKSIS UA akan menjadi pemangkin ke arah mewujudkan Malaysia sebagai sebuah negara yang aman dan selamat serta membantu PDRM”

Tan Sri Mohamad Fuzi Harun,
Ketua Polis Negara

# Pusat Kebudayaan USIM
## MENERAJU SENI BERBUDAYA



USIM merangkul hadiah utama iaitu Anugerah Gong Kencana dalam Malam Anugerah Seni 2017 anjuran Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM) yang berlangsung pada Januari 2018. Majlis anugerah gilang gemilang ini diadakan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak.

Anugerah Gong Kencana yang menjadi idaman semua Universiti Awam ini diberikan kepada universiti yang cemerlang dan terbaik dalam penganjuran aktiviti kebudayaan berasaskan kecemerlangan pencapaian dan program seni budaya. Anugerah ini telah diterima oleh Pengarah Pusat Kebudayaan USIM, Encik Ismail Ahmed.

“Pusat Kebudayaan dan USIM amat berbangga dan gembira dengan kejayaan menerima anugerah utama ini. Kita secara kreatif dan inovatif telah menampilkan program yang berimpak tinggi seperti USIM *Street* Dakwah, Konsert Munajat Untuk Rohingya, Teater Perang Uhud dan beberapa lagi program yang mempunyai nilai kesedaran dan menyumbang kepada komuniti masyarakat”.

“Pusat Kebudayaan menerapkan Seni Berbudaya dalam setiap penganjuran program dan pelajar adalah penggerak kepada elemen-elemen yang kita ingin bangunkan. Malahan kita dari semasa ke semasa membina jaringan dengan rakan-rakan strategik khususnya dengan penggiat seni tanah air supaya pengisian kebudayaan yang kita bawa berjalan selari dengan kehendak pasaran dan keperluan USIM,” ujar Encik Ismail Ahmed.

Naib Canselor USIM, Prof. Dato’ Dr. Musa Ahmad dalam reaksinya mengucapkan tahniah kepada Pusat Kebudayaan untuk pencapaian ini.

“Syukur Alhamdulillah, walaupun kita belum menawarkan program akademik dalam bidang seni dan kebudayaan, namun USIM mendominasi universiti tersohor tempatan dalam Anugerah Seni MAKUM dengan memenangi anugerah utamanya. Ia malahan satu pengiktirafan kepada usaha USIM yang menjadi peneraju dalam ‘Seni Berbudaya’ dan mempunyai panel penasihat tersendiri untuk memastikan persembahan kebudayaan yang dibawa oleh kita adalah patuh syariah”.




Pada majlis tersebut juga, USIM turut cemerlang apabila logo rasmi MAKUM hasil ciptaan siswanya, Muhammad Alif Omar Jalil dipilih sebagai Johan Cipta Logo MAKUM dan menerima hadiah wang tunai RM1 ribu dan trofi. Selain itu, dua siswa USIM iaitu Nurul Syifa Mohamad Rizal dan Ab. Rahimi Ab. Rezaf turut dipilih menerima Anugerah Bonang Emas bagi menghargai penglibatan mereka dalam program seni budaya. Kelab Urus Setia Kesenian Pelajar USIM juga menerima Anugerah Gambang Mustika yang diberikan kepada kelab dan persatuan seni budaya terbaik.

Penyampaian anugerah pada malam berkenaan disampaikan oleh Pengerusi Sekretariat MAKUM, Profesor Madya Dr. Md Amin Md. Taff merangkap Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPSI. Antara tetamu kehormat yang turut hadir menyaksikan Anugerah Seni MAKUM 2017 ialah Datuk Nik Ali Mat Yunus, Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan KPT; Tan Sri Norliza Rofli, Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara; dan Puan Fauziah Md. Din, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Mahasiswa Kementerian Pendidikan Tinggi.

Sila imbas kod untuk menonton video atau layari:

http://bit.ly/LT18video5

*****

Ekosistem USIM sebagai Kampus Barakah mengutamakan kecemerlangan dalam pengurusan bakat bagi melahirkan lebih ramai lagi warga USIM yang memiliki keistimewaan dan kelebihan serta berkualiti yang bertaraf dunia seterusnya menyumbang bakti kepada masyarakat. Ternyata, kecemerlangan USIM terserlah menerusi bakat dalam kalangan staf dan mahasiswa yang merentasi pelbagai bidang. Keistimewaan dan keunikan bakat mereka sangat dikagumi dan memberi manfaat besar kepada semua lapisan masyarakat malah turut diiktiraf sehingga ke peringkat dunia.







# MEMBERDAYA **KELESTARIAN KEWANGAN**

> "Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu".
>
> (Al-Furqaan 25:67)

# PENDAHULUAN

Strategi kelestarian kewangan di USIM memberi perhatian khusus bagi memastikan kemapanan kewangan USIM dengan mengurangkan kebergantungan kepada sumber kerajaan serta menggalakkan lebih ramai pihak menyumbang kepada kelestarian kewangan USIM. Ia dimanifestasikan secara jelas melalui Tujuan Strategik 5 di dalam Pelan Strategik USIM 2016-2025 bagi memperkasa penjanaan pendapatan dan kelestarian kewangan USIM. Antara strategi yang direncana bagi memperkasakan kelestarian kewangan melalui wakaf dan aktiviti penjanaan pendapatan termasuklah:

## Tujuan Strategik 5 Pelan Strategik USIM 2016-2025





# PENCAPAIAN KELESTARIAN KEWANGAN

Penjanaan pendapatan merupakan salah satu daripada tanggungjawab universiti dalam memastikan kelestarian kewangan. Sebagai Universiti Awam ke-12, USIM menerima sejumlah dana untuk menguruskan operasi, namun begitu bagi memastikan kecemerlangan institusi, USIM perlu kreatif menggunakan sepenuhnya sumber sedia ada dan berusaha untuk mencari sumber yang boleh dioptimumkan daripada luar.

Antara strategi yang direncana bagi memperkasakan kelestarian kewangan melalui wakaf dan aktiviti penjanaan pendapatan termasuklah:

| Strategi | Pencapaian (RM) |
|---|---|
| Memperkasakan endowmen, wakaf, zakat, geran dan sumbangan. | 17,533,048.08 |
| Mempertingkatkan kecekapan kutipan yuran pengajian program-program utama akademik. | 33,572,275.33 |
| Membangunkan dan mempelbagaikan aktiviti pengkomersialan melalui pendidikan dan latihan, pengkomersialan idea, perkhidmatan khidmat nasihat dan perundingan melalui anak syarikat dan pengewangan aset. | 19,345,741.03 |
| Melaksanakan usaha penjimatan yang berterusan. | -79,055.49 |
| Jumlah | 70,372,008.95 |

Jadual 6.1 Pencapaian Aktiviti Penjanaan Universiti

# STRATEGI KELESTARIAN KEWANGAN USIM

## Memperkasakan Endowmen, Wakaf, Zakat, Geran dan Sumbangan

Pada 2018, USIM telah menyasarkan penerimaan wakaf, endowmen, zakat, geran dan sumbangan sebanyak RM 14 juta. Jumlah yang diterima pada tahun 2018 adalah sebanyak RM17,533,048.08.




Rajah 6.1 Jumlah yang diterima universiti pada tahun 2018

## Mempertingkatkan Kecekapan Kutipan Yuran Pengajian Program-program Utama Akademik

USIM melaksanakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan kecekapan kutipan yuran pengajian mahasiswa. Antaranya adalah melantik ejen kutipan hutang, memastikan pelajar membayar yuran sebelum semester bermula, mempertingkatkan pengambilan pelajar antarabangsa serta membuat semakan semula ke atas yuran pengajian bagi pelajar antarabangsa. Pada 2018, kutipan yuran pengajian adalah sebanyak RM33,572,275.33. Jumlah ini meningkat berbanding tahun 2017 iaitu RM345,612.26.




Rajah 6.2 Jumlah Kutipan Yuran Pengajian

## Membangunkan dan Mempelbagaikan Aktiviti Pengkomersialan Melalui Pendidikan dan Latihan, Pengkomersialan Idea, Perkhidmatan Khidmat Nasihat dan Perundingan Melalui Anak Syarikat dan Pengewangan Aset

Jumlah keseluruhan sebanyak RM19,345,741.03 direkodkan pada tahun 2018 untuk penjanaan kewangan oleh PTj di USIM. Antara aktiviti penjanaan kewangan yang dilaksanakan termasuklah penganjuran seminar, persidangan, penyewaan fasiliti dan sebagainya. Pada 2018, USIM menubuhkan *Business Development Unit* (BDU) dalam usaha membangun dan mempelbagaikan aktiviti penjanaan kewangan di universiti. Penjanaan kewangan oleh PTj disalurkan ke akaun amanah dan akaun khas sebanyak RM14,611,275.00 daripada jumlah keseluruhan penjanaan kewangan yang diperoleh pada tahun 2018. Hasil sewaan pula berjumlah RM310,958.00 manakala hasil hibah pada 2018 adalah RM4,423,508.00.

**RM19,345,741.03**
Jumlah penjanaan kewangan

| RM14,611,275.00 | RM310,958.00 | RM4,423,508.00 |
|---|---|---|
| Hasil penjanaan yang disalurkan ke akaun amanah dan akaun khas | Hasil sewaan | Hasil hibah |

Jadual 6.2 Pecahan Jumlah Penjanaan Universiti

## Melaksanakan Usaha Penjimatan yang Berterusan

Pada tahun 2018 universiti mengenal pasti punca kadar terjadinya kos perbelanjaan tinggi iaitu sebanyak RM-79,055.49 pada perbelanjaan bil-bil. Justeru sebagai langkah penjimatan pada masa akan datang, universiti mengadakan kempen penjimatan bagi meningkatkan kesedaran warga USIM. Kempen 'Tutup Suis, Cabut Plag, Jimat Elektrik' menyarankan staf menyokong kempen menutup suis komputer, suis lampu, pendingin hawa apabila tidak digunakan atau keluar dari pejabat untuk jangka masa yang panjang. Manakala bagi mengelakkan *vampire energy*, staf disaran mencabut plag dari kabel penyambung serta mengambil tindakan segera dengan membuat aduan kebocoran air kepada JPPF di talian *hotline*. Melalui cara ini secara tidak langsung menyediakan cara paling mudah menjimatkan penggunaan tenaga elektrik dan membantu aliran tunai ke arah lebih baik.



Poster kempen yang dilaksanakan di peringkat universiti

# PUSAT SUKAN USIM MEMPERKUKUH KEWANGAN KAMPUS




Pusat Sukan dilengkapi kemudahan gelanggang, padang dan fasiliti sukan kepada warga USIM untuk menjalankan aktiviti sukan dan kecergasan. Kemudahan ini turut diluaskan penggunaannya kepada pihak luar terutama kelab sukan atau agensi yang ingin menggunakan kemudahan di Kompleks Sukan Tunku Najihah (KSTN).

Pada 2018, Pusat Sukan berjaya mencapai penjanaan kewangan sebanyak RM138,275.00 menerusi penyewaan padang bola sepak kepada pasukan bola sepak dari dalam dan luar negara. Antara pasukan bola sepak yang kerap menjalani latihan di kompleks ini adalah *Malaysian Indian Football Association* (MIFA) yang menyewa bagi tempoh jangka panjang.

Selain itu, pasukan bola sepak tempatan yang turut menjalankan latihan di KSTN adalah Persatuan Bola Sepak Negeri Sembilan, Felda United dan PJ City FC.

KSTN juga mendapat sijil pengiktirafan dari Persekutuan Persatuan-Persatuan Olahraga Antarabangsa (IAAF) selaku badan yang menyelia sukan olahraga termasuk kualiti gelanggang di seluruh dunia. Selain itu, spesifikasi padang dan kemudahan latihan untuk bola sepak USIM turut diiktiraf oleh badan-badan induk bola sepak iaitu *Federation of International Football Association* (FIFA), *Asean Football Confederation* (AFC) dan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM). Pengiktirafan ini membolehkan padang bola sepak di USIM digunakan untuk perlawanan peringkat dalam dan luar negara.

Peningkatan penjanaan Pusat Sukan menerusi aktiviti promosi mengenai KSTN melalui dua kaedah utama




Rajah 6.3 Penjanaan Kewangan Pusat Sukan


K2

RENCANA UTAMA

# Venue latihan bertaraf antarabangsa

Mendapat pengiktirafan Persekutuan Olahraga Antarabangsa (IAAF), Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) dan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), Kompleks Sukan Tunku Najihah, USIM menjadi lokasi ideal untuk pasukan bola sepak dari dalam dan luar negara menjalani latihan.

KSTN mendapat liputan di akhbar Kosmo

iaitu platform media sosial dan dari mulut ke mulut (*words of mouth*). Selain itu, lokasi USIM yang strategik menyebabkan KSTN menjadi tumpuan terutama kepada pasukan luar negara yang bertanding di sekitar Kuala Lumpur. KSTN juga turut terkenal di peringkat global dengan penglibatan pasukan bola sepak dari Arab Saudi, Vietnam, Australia, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Indonesia, Oman dan India yang menjalani latihan bola sepak di KSTN. Di samping itu, pasukan bola sepak negara Harimau Malaya turut menjalani latihan di sini sebagai persediaan untuk Piala Suzuki *Asean Football Federation* (AFF) 2018 di mana pasukan tersebut muncul sebagai naib juara.

Sila imbas kod untuk menonton video atau layari:

http://bit.ly/LT18video6

*****

Berdasarkan kepada empat strategi kelestarian kewangan yang dibincangkan di atas, USIM perlu lebih proaktif untuk menarik lebih ramai pihak luar menyewa kemudahan di USIM. Di samping itu, setiap PTj juga perlu lebih kreatif untuk menyokong dasar penjimatan di USIM dalam usaha untuk merealisasikan sasaran dalam Pelan Strategik USIM (2016-2025) bagi menyumbang kepada kelestarian kewangan.



# PETUNJUK
# **PRESTASI**

# PETUNJUK PRESTASI KECEKAPAN DAN PENCAPAIAN USIM BAGI TAHUN 2018

| Bil. | Petunjuk Prestasi Utama (KPI) | Sasaran | Pencapaian |
|---|---|---|---|
| 1 | Peratus graduan yang mendapat pekerjaan, menjadi usahawan, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran atau menunggu penempatan pada tahun konvokesyen. | 75% | 72.10% |
| 2 | Jumlah penerbitan dalam jurnal bagi setiap staf akademik di universiti | 1 | 0.43 |
| | Jumlah prosiding berindeks bagi setiap staf akademik di universiti. | 0.5 | 0.31 |
| 3 | Jumlah sitasi kumulatif bagi setiap staf akademik di universiti. | 3.00 | 3.00 |
| 4 | Bilangan bidang di universiti yang berada pada kedudukan 50 teratas berdasarkan *QS World University Rankings by Subject.* | Nil | Nil |
| 5 | Bilangan bidang di universiti yang berada pada kedudukan 51 – 200 teratas berdasarkan *QS World University Rankings by Subject.* | Nil | Nil |
| 6 | Jumlah penjanaan pendapatan sendiri berbanding jumlah perbelanjaan mengurus yang telah ditetapkan. | 15% | 17.98% |
| 7 | Peratus keciciran pelajar berdasarkan peringkat pengajian di universiti: | | |
| | (i) Sarjana Muda | ≤6.6% | 6.69% |
| | (ii) Sarjana | ≤17% | 2.87% |
| | (iii) PhD | ≤19% | 1.55% |
| 8 | Peratus pelajar yang berjaya menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan (GoT) di universiti: | | |
| | (i) Sarjana Muda | 95% | 93.04% |
| | (ii) Sarjana | 50% | 62.65% |
| | (iii) PhD | 30% | 21.24% |
| 9 | EPP 12: Menjuarai sebagai jenama pendidikan Malaysia di peringkat antarabangsa: | | |
| | (i) bilangan pelajar antarabangsa; dan<br>(ii) bilangan pelajar antarabangsa pascasiswazah | 800 | 64<br>589 |

# Petunjuk Prestasi Kecekapan Dan Pencapaian USIM Bagi Tahun 2018

Sasaran / Pencapaian

| No. | Petunjuk | Sasaran | Pencapaian |
|---|---|---|---|
| 1 | Peratus graduan yang mendapat pekerjaan, menjadi usahawan, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran atau menunggu penempatan pada tahun konvokesyen. | 75% | 72.10% |
| 2 | Jumlah penerbitan dalam jurnal bagi setiap staf akademik di universiti | 1 | 0.43 |
| | Jumlah prosiding berindeks bagi setiap staf akademik di universiti. | 0.5 | 0.31 |
| 3 | Jumlah sitasi kumulatif bagi setiap staf akademik di universiti. | 3.00 | 3.00 |
| 4 | Bilangan bidang di universiti yang berada pada kedudukan 50 teratas berdasarkan QS World University Rankings by Subject. | Nil | Nil |
| 5 | Bilangan bidang di universiti yang berada pada kedudukan 51 – 200 teratas berdasarkan QS World University Rankings by Subject. | Nil | Nil |
| 6 | Jumlah penjanaan pendapatan sendiri berbanding jumlah perbelanjaan mengurus yang telah ditetapkan. | 15% | 17.98% |
| 7 | Peratus keciciran pelajar berdasarkan peringkat pengajian di universiti: | | |
| | (i) Sarjana Muda | ≤6.6% | 6.69% |
| | (ii) Sarjana | ≤17% | 2.87% |
| | (iii) PhD | ≤19% | 1.55% |
| 8 | Peratus keciciran pelajar berdasarkan peringkat pengajian di universiti: | | |
| | (i) Sarjana Muda | 95% | 93.04% |
| | (ii) Sarjana | 50% | 62.65% |
| | (iii) PhD | 30% | 21.24% |
| 9 | EPP 12: Menjuarai sebagai jenama pendidikan Malaysia di peringkat antarabangsa: | | |
| | (i) Bilangan pelajar antarabangsa | 800 | 64 |
| | (ii) Bilangan pelajar antarabangsa pascasiswazah | 800 | 589 |

PRESTASI

# KEWANGAN 2018

# KUMPULAN

| | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 |
|---|---|---|---|---|---|
| | RM (Juta) | RM (Juta) | RM (Juta) | RM (Juta) | RM (Juta) |
| Geran Kerajaan | 173.75 | 169.45 | 158.70 | 164.68 | 165.93 |
| Yuran | 28.06 | 38.36 | 42.44 | 32.28 | 34.96 |
| Pendapatan Lain | 47.06 | 54.37 | 81.24 | 68.94 | 66.29 |
| Jumlah | **248.87** | **262.18** | **282.38** | **265.90** | **267.18** |

Jadual 1 : Perbandingan Komponen Pendapatan 2014-2018

Pendapatan Kumpulan pada tahun 2018 berjumlah RM267.18 juta berbanding RM265.90 juta pada tahun 2017, peningkatan sebanyak RM1.28 juta (0.48%). Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM165.93 (62.10%) merupakan Geran Kerajaan, RM34.96 juta (13.08%) Yuran dan RM66.29 juta (24.82%) Pendapatan Lain.




Rajah 1: Perbandingan Komponen Pendapatan 2014-2018

| | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 |
|---|---|---|---|---|---|
| | RM (Juta) | RM (Juta) | RM (Juta) | RM (Juta) | RM (Juta) |
| Emolumen | 87.24 | 120.80 | 109.16 | 118.76 | 126.84 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 92.39 | 88.12 | 118.39 | 104.93 | 113.42 |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 11.14 | 12.29 | 16.48 | 17.10 | 12.12 |
| Lain-Lain Perbelanjaan | 40.16 | 27.17 | 24.52 | 23.51 | 33.73 |
| Jumlah | **230.93** | **248.38** | **268.55** | **264.30** | **286.11** |

Jadual 2 : Perbandingan Komponen Perbelanjaan 2014-2018

Perbelanjaan Kumpulan pada tahun 2018 adalah sebanyak RM286.11 juta berbanding RM264.30 juta tahun 2017, peningkatan sebanyak RM21.81 juta (8.25%). Perbelanjaan Emolumen meningkat kepada RM126.84 juta (44.33%) dan diikuti dengan peningkatan perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan berjumlah RM113.42 juta (39.64%). Perbelanjaan Pemberian Dan Kenaan pula menurun kepada RM12.12 juta (4.24%). Jumlah keseluruhan perbelanjaan USIM ini termasuk perbelanjaan Susutnilai Dan Lain-Lain Perbelanjaan sebanyak RM33.73 juta (11.79%) termasuk kurangan penilaian semula hartanah berjumlah RM5.48 juta. Namun begitu, jumlah ini tidak termasuk perbelanjaan bagi Pembelian Aset Tetap dan Pembinaan Dalam Kemajuan.




Rajah 2 : Perbandingan Komponen Perbelanjaan 2014-2018

# ASET DAN LIABILITI

| | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 |
|---|---|---|---|---|---|
| | RM (Juta) | RM (Juta) | RM (Juta) | RM (Juta) | RM (Juta) |
| Jumlah Aset Tetap | 490.71x | 469.06 | 452.05 | 164.485.73 | 735.55 |
| Jumlah Aset Semasa | 167.72 | 186.23 | 178.74 | 159.86 | 132.96 |

Jadual 3 : Perbandingan Aset Tetap Dan Aset Semasa 2014-2018

Jumlah Aset Tetap Kumpulan pada tahun 2018 adalah sebanyak RM735.55 juta berbanding dengan RM485.73 juta pada tahun 2017, peningkatan sebanyak RM247.82 juta (51.02%). Ini disebabkan oleh penilaian semula hartanah yang dilakukan pada tahun 2018. Jumlah Aset Semasa pada tahun 2018 pula adalah sebanyak RM132.96 juta berbanding dengan RM159.86 juta pada tahun 2017. Ini merupakan penurunan sebanyak RM26.9 juta (16.83%).




Rajah 3 : Perbandingan Aset Tetap Dan Aset Semasa 2014-2018

| | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 |
|---|---|---|---|---|---|
| | RM (Juta) | RM (Juta) | RM (Juta) | RM (Juta) | RM (Juta) |
| Liabiliti Bukan Semasa | 0.00 | 606.82 | 592.14 | 586.12 | 551.64 |
| Liabiliti Semasa | 19.63 | 19.67 | 17.84 | 17.49 | 15.97 |

Jadual 4 : Perbandingan Liabiliti Bukan Semasa Dan Liabiliti Semasa 2013-2017

Liabiliti Bukan Semasa Kumpulan pada tahun 2018 adalah sebanyak RM551.64 juta berbanding dengan RM586.12 juta pada tahun 2017, penurunan sebanyak RM34.48 juta (5.88%). Liabiliti Semasa pada tahun 2018 adalah sebanyak RM15.97 juta berbanding dengan RM17.49 juta pada tahun 2017 iaitu penurunan sebanyak RM1.52 juta (8.69%).




Rajah 4 : Perbandingan Liabiliti Semasa 2014-2018

# KUMPULAN WANG MENGURUS

| | 2017 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM (Juta) | RM (Juta) |
| Geran Kerajaan | 164.68 | 165.93 |
| Yuran | 24.11 | 27.24 |
| Pendapatan Lain | 17.66 | 11.20 |
| Jumlah | **206.44** | 204.37 |

Jadual 5 : Perbandingan Komponen Pendapatan Mengurus 2017-2018

Pendapatan Mengurus tahun 2018 berjumlah RM204.37 juta berbanding RM206.44 juta dalam tahun 2017, penurunan sebanyak RM2.07 juta (1.00%). Geran Mengurus tahun 2018 yang diterima berjumlah RM165.93 juta, merupakan peningkatan sebanyak RM1.25 (0.76%) berbanding RM164.68 juta dalam tahun 2017. Yuran Pengajian menyumbang sebanyak RM27.24 juta daripada pendapatan USIM berbanding RM24.11 juta dalam tahun 2017 di mana ia merupakan peningkatan sebanyak RM3.13 juta (12.99%). Lain-Lain Pendapatan mencatat RM11.20 juta berbanding RM17.66 juta dalam tahun 2017, penurunan sebanyak RM6.46 juta (36.58%).




Rajah 5 : Perbandingan Komponen Pendapatan Mengurus 2017-2018

# ASET DAN LIABILITI

| | 2017 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM (Juta) | RM (Juta) |
| Emolumen | 114.08 | 123.62 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 74.61 | 82.01 |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 9.15 | 7.68 |
| Lain-Lain Perbelanjaan | 5.87 | 6.96 |
| Jumlah | **203.71** | 220.27 |

Jadual 6 : Perbandingan Komponen Perbelanjaan Mengurus 2017-2018

Perbelanjaan Mengurus USIM 2018 berjumlah RM220.27 juta berbanding RM203.71 juta dalam tahun 2017, peningkatan sebanyak RM16.56 juta (8.13%). Emolumen tahun 2018 berjumlah RM123.62 juta berbanding RM114.08 juta dalam tahun 2017, peningkatan sebanyak RM9.54 juta (8.36%). Perbelanjaan Perkhidmatan Dan Bekalan tahun 2018 berjumlah RM82.01 juta berbanding RM74.61 juta dalam tahun 2017, peningkatan sebanyak RM7.40 juta (9.92%). Perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Tetap tahun 2018 berjumlah RM7.68 juta berbanding RM9.15 juta dalam tahun 2017, penurunan sebanyak RM1.47 juta (16.07%). Lain – lain Perbelanjaan USIM termasuk perbelanjaan Susut nilai dan Lain-Lain Perbelanjaan berjumlah RM6.96 juta berbanding RM5.87 juta dalam tahun 2017, peningkatan sebanyak RM1.09 juta (18.57%). Namun begitu, jumlah ini tidak termasuk perbelanjaan bagi Pembelian Aset Tetap dan Pembinaan Dalam Kemajuan.




Rajah 6 : Perbandingan Komponen Perbelanjaan Mengurus 2017-2018

# LAPORAN RINGKASAN KEDUDUKAN KEWANGAN DAN PRESTASI 2018

| | 2014 (RM) | 2015 (RM) | 2016 (RM) | 2017 (RM) | 2018 (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| **Penyata Pendapatan dan Pendapatan Komprehensif Lain** | | | | | |
| Jumlah Pendapatan | 249,285,349 | 262,180,699 | 282,385,881 | 265,894,663 | 267,183,352 |
| Jumlah Perbelanjaan | 230,926,887 | 248,381,480 | 268,545,675 | 264,298,172 | 286,108,785 |
| Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Sebelum Cukai | 18,358,462 | 13,799,269 | 13,840,206 | 1,596,491 | (18,928,694) |

| | 2014 (RM) | 2015 (RM) | 2016 (RM) | 2017 (RM) | 2018 (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| **Penyata Kedudukan Kewangan** | | | | | |
| Aset Bukan Semasa | 504,071,795 | 479,585,705 | 480,315,380 | 485,734,450 | 735,545,948 |
| Aset Semasa | 167,720,032 | 186,227,137 | 178,736,144 | 159,857,033 | 132,964,089 |
| Liabiliti Bukan Semasa | - | 606,815,257 | 592,143,486 | 586,121,201 | 551,638,733 |
| Liabiliti Semasa | 35,390,512 | 19,669,809 | 17,842,415 | 17,485,256 | 15,967,743 |

| | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 |
|---|---|---|---|---|---|

**NISBAH KEWANGAN**

| | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 |
|---|---|---|---|---|---|
| Aset Semasa/Liabiliti Semasa | 4.74 | 9.47 | 10.02 | 9.14 | 8.33 |
| Aset Mudah Cair/Liabiliti Semasa | 3.97 | 8.41 | 8.64 | 8.41 | 7.78 |
| Jumlah Liabiliti / Jumlah Aset | 0.05 | 0.94 | 0.93 | 1.07 | 1.53 |
| Modal Digunakan /Jumlah Liabiliti | 17.98 | 0.06 | 0.08 | 0.07 | 0.53 |
| Modal Digunakan /Aset Tetap | 1.27 | 0.08 | 0.11 | 0.07 | 0.35 |


PELATIH



# MELANGKAH **KE HADAPAN**

> Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal" (iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidakkah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka".
>
> (Al-'Imran 3:190-191)

# PENDAHULUAN

Cabaran semasa dan mendatang dalam sektor pendidikan tinggi negara dan global, menuntut USIM turut sama berubah agar tidak ketinggalan. Revolusi Industri 4.0 telah menyebabkan wujudnya cabaran dalam pendidikan tinggi dunia yang tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada tenaga manusia. Aspek ini semakin kritikal apabila terdapat pelbagai kajian mengenai peranan sumber manusia yang bakal digantikan dengan robotik.

Ini menyebabkan USIM perlu melihat semula perancangan pelan strategik bagi membolehkan universiti terus melangkah ke hadapan. Pemerkasaan pelan strategik USIM perlu fokus kepada aspek yang berdaya saing daripada segala gelombang cabaran. Hakikat inilah, perlu dilihat secara bijaksana untuk memastikan USIM terus memacu ke hadapan bagi mencapai visi, misi dan matlamat universiti.

USIM berusaha menjadi platform membina manusia untuk masa akan datang. Ia selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk membentuk warganegara yang seimbang dari aspek intelek, rohani dan emosi. Usaha ini penting bagi memastikan potensi intelek yang ada akan dapat membina masyarakat Malaysia yang mempunyai kekuatan ekonomi dan memiliki sahsiah diri bagi membantu mencapai kesejahteraan diri, membina keharmonian, kemakmuran masyarakat dan negara.





# INSTITUSI PENTADBIRAN

## Penyusunan Struktur dalam Organisasi

Aspek pengukuhan Institusi merupakan asas penting dalam memastikan pelan strategik universiti dapat terus dilaksanakan. USIM telah menyeragamkan tarikh pelantikan Ketua PTj bertujuan memastikan proses penyusunan struktur pentadbiran berjalan serentak. Pemilihan Ketua PTj dalam kalangan muka baharu merupakan satu usaha sistematik universiti menyediakan barisan pelapis kepemimpinan universiti. Ini diharapkan dapat memberikan kesinambungan kepemimpinan yang terbaik untuk universiti.

## Moral dan Integriti

USIM melihat nilai moral dan integriti sebagai keperluan hakiki warganya kerana ia mencerminkan identiti universiti. Nilai kesopanan dan kesusilaan diterapkan kepada warganya berasaskan INAQ yang diterjemahkan melalui bengkel, tazkirah dan perkuliahan secara lestari. Kesedaran mengenai INAQ akan menjadi benteng membantu warga universiti daripada anasir-anasir negatif. USIM turut mempunyai kerjasama yang erat dengan Institut Integriti Malaysia (IIM) dan turut menjadi penganjur bagi Kursus Integriti dalam kalangan Universiti Awam di negara ini.

## Tadbir Urus Terbaik

Isu tadbir urus terbaik adalah aspek pengurusan yang diberikan perhatian serius oleh pihak universiti. Bagi memastikan tahap tadbir urus yang terbaik, pengurusan universiti menerapkan konsep kepemimpinan kepada bakat-bakat muda agar berkeupayaan untuk mencorak dan mengemudi universiti ke arah mencapai matlamat kecemerlangan institusi dan mampu mengatur strategi bagi mempertingkatkan kualiti dan kecekapan pada masa akan datang. Pada masa yang sama, USIM turut meningkatkan aspek profesionalisme dalam memperkukuhkan struktur institusinya melalui siri latihan berasaskan Qalb kepada staf akademik dan pentadbiran.

Langkah ini akan dapat membolehkan semua lapisan tenaga kerja universiti jelas mengenai skop tugas dan peranan masing-masing bagi menjayakan agenda universiti.

Kepemimpinan merupakan amanah sebagai khalifah manusia di muka bumi dan bukan satu keistimewaan yang perlu dibanggakan dengan jawatan dan pangkat yang dimiliki. Tanggungjawab ini akan dipersoalkan oleh Allah SWT di akhirat kelak. Walaupun begitu, pelbagai isu berlaku seperti pemimpin tidak beretika, terlibat rasuah dan pecah amanah. Hal ini kerana qalbu pemimpin yang kotor hingga melahirkan sifat-sifat mazmumah dalam kepemimpinannya.

Sesungguhnya, kepemimpinan Islam bersifat holistik dan merangkumi dunia dan akhirat. Kepemimpinan berteraskan qalbu membawa maksud kepemimpinan yang berpandukan segala perintah dan larangan Allah SWT. Justeru, setiap pemimpin perlu mempunyai komponen pembangunan insaniah dalam diri yang menghubungkan aspek akidah, ibadah dan akhlak. Hal ini akan dapat melahirkan pemimpin yang berakhlak mulia dan tidak tunduk kepada hawa nafsu. Komponen pembangunan insaniah dalam membentuk kepemimpinan berteraskan qalbu merangkumi dua komponen utama iaitu spiritual dan fizikal.

# CITRA




USIM pada asasnya telah berjaya membuktikan bahawa ia adalah sebuah universiti komprehensif yang bertekad melahirkan profesional Muslim dalam pelbagai bidang profesional. Sejak penubuhannya pada tahun 2000, sejumlah 18,213 graduan Sarjana Muda dan 1,843 graduan siswazah (sarjana dan doktor falsafah) telah dihasilkan. USIM kini mempunyai 20,056 alumni yang sedang berkhidmat di dalam dan luar negara. Bagi memastikan penonjolan citra USIM akan terus dipertingkatkan di peringkat tempatan dan antarabangsa, strategi yang holistik dan bersistematik dirancang secara konsisten.

**20,056**
Alumni USIM

| **18,213** Graduan Sarjana Muda | **1,843** Graduan Siswazah (Sarjana dan Doktor Falsafah) |
|---|---|

Jadual 7.1 Pecahan Jumlah Graduan USIM sejak tahun 2000



Usaha penjenamaan USIM terus dipergiatkan agar universiti ini dekat di hati dan minda masyarakat. Program penonjolan citra universiti diperkemaskan dengan memperkasakan peranan Pusat Komunikasi Strategik (StraComm) agar lebih bersinergi untuk mempromosikan universiti ke peringkat global.

Strategi jalinan media sosial dengan masyarakat akan diperluaskan melalui penglibatan semua warga USIM. Hal ini penting bagi membantu meningkatkan citra USIM di alam maya kerana ia merupakan platform paling cepat, mudah dan murah untuk interaksi antara universiti dengan pihak luar.

USIM turut mengenalpasti program *flagship* yang berpotensi seperti Ummi Maktum, GISO, Projek MIZAN, Program Akademik, Iqra USIM, pelbagai program keusahawan serta kesukarelawanan. Program *showcase* tersebut dapat memposisikan USIM sebagai sebuah institusi ilmu yang berwibawa dan relevan dalam kalangan masyarakat.



# PEMERKASAAN PENYELIDIKAN



Universiti ini secara berterusan berusaha memperkasakan penyelidikan di samping mempertingkatkan usaha inovasi, pengkomersialan dan penerbitan berdasarkan INAQ. Antara strategi pada tahun-tahun mendatang adalah dengan meningkatkan bilangan penerbitan hasil penyelidikan serta menghasilkan sebanyak 30 individu sebagai ikon universiti melalui penyelidikan dalam usaha mencapai MyRA 4 bintang pada tahun 2019. Bagi merancakkan budaya penyelidikan, USIM akan memfokus kepada tema-tema kelestarian manusia dan alam sekitar, mempromosikan kesejahteraan di samping memperkayakan komuniti dan masyarakat. Dengan cara ini, universiti ini akan terus kekal di hati dan minda masyarakat.

# KELESTARIAN KEWANGAN




Universiti menyedari bahawa aspek kelestarian kewangan amat penting bagi memastikan proses pembangunan dan pelaksanaan agenda universiti dapat dilaksanakan seperti yang dirancangkan. Melalui kuasa autonomi yang diberikan, USIM berusaha bergerak pantas dan kreatif dalam menjana pendapatan daripada sumber baharu.

Bagi menjayakan hasrat ini, USIM memperkasakan kelestarian kewangan melalui wakaf dan juga aktiviti penjanaan yang mampu menyumbang kepada kewangan universiti. USIM berhasrat untuk mengurangkan kebergantungan kepada peruntukan kerajaan dengan mempelbagaikan aktiviti penjanaan seperti melalui geran penyelidikan, tabung amanah, projek kerjasama dengan industri di samping mengukuhkan hubungan ukhuwah dengan alumni universiti. USIM juga merancang untuk menubuhkan beberapa buah yayasan dan tabung amanah bertujuan membiayai pelbagai projek pembangunan infrastruktur dan program *flagship* universiti. Langkah ini membolehkan USIM mempunyai kemampanan kewangan pada masa akan datang.

# USIM 2025

Konsep INAQ merupakan agenda utama USIM sejak dari awal penubuhannya bagi memastikan kecemerlangan yang seimbang di antara Ilmu Islam dan Sains. Proses pembangunan integrasi ilmu sains *revelational* (ilmu Naqli) dan ilmu sains rasional (ilmu Aqli) ini dilaksanakan secara berfasa-fasa dan ia telah bermula sejak universiti ini dikenali sebagai Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) hingga ke tahun 2025 menerusi Pelan Strategik Universiti Sains Islam Malaysia 2018-2025 (USIM 2025).

USIM 2025 mempunyai lapan Tujuan Strategik dan satu Strategik *Enabler* meliputi aspek akademik, pembangunan pelajar, penyelidikan, pemerkasaan sumber manusia dan penjanaan kewangan bagi membantu menjayakan hasrat USIM mencapai agenda Kampus Barakah.

Pada 2019, USIM 2025 diharapkan dapat terus dipacu untuk menjadikan USIM sebagai rujukan pada peringkat global. Strategi dan usaha yang mampan diperlukan bagi memastikan setiap perancangan dapat dilaksanakan secara sistematik dan konsisten. Kerjasama antara warga universiti dan pemegang taruh perlu dilihat secara holistik agar kejayaan diperolehi secara optimum.

# USIM 2035

Program USIM 2035 merupakan inisiatif untuk menjadikan universiti ini sebuah institusi rujukan peringkat global daripada segi kesarjanaan. Terdapat enam kumpulan yang ditubuhkan bagi merealisasikan projek ini iaitu Insani, Murabbi, *Foresight Technology & Infrastructure, Islamic Foresight*, *Talent Gain* dan *Flexible Education*. Kumpulan ini bertanggungjawab untuk membangunkan projek bagi memperkayakan dan melestarikan teknologi dan bakat insan di USIM sejajar dengan usaha menjadikan universiti sebagai sebuah Kampus Barakah. Pada  2019 tiga projek akan diberi peruntukan khas bernilai RM887,500.00.




Rajah 7.1  Budaya Kerja 7i USIM

### Insani

- Menginsankan Perkhidmatan Pelanggan.
- Menginsankan Pembangunan Bakat.
- Menginsankan Perkhidmatan Akademik.
- Membudayakan Nilai-Nilai Teras Al-Qawwiyul Amin.

### Murabbi

- Membangunkan pelan perancangan membentuk Murabbi.
- Membina pelan strategik membentuk Murabbi.
- Mengurus operasi pembinaan Murabbi.
- Menjejak tokoh akademik yang mempunyai ciri Murabbi.

### Foresight Technology & Infrastructure

- Meningkatkan infrastruktur ICT Universiti.
- Mengimplementasi *Smart Integrated Management System.*

### Islamic Foresight

- Membangunkan Model *Islamic Foresight.*
- Mengadakan persidangan Islamic Future Studies.
- Membudayakan pembelajaran *Islamic Foresight.*
- Mengenal pasti bakat di dalam bidang *Islamic Foresight.*

### Flexible Education

- Menubuhkan kumpulan pakar dalam sesuatu bidang di USIM.
- Memadankan program akademik USIM dengan pakar-pakar bidang tertentu.
- Menubuhkan *digital content repository*.
- Mengadakan Program *Outreach.*
- Menubuhkan semula i-IQRA

### Talent Gain

- Mengenal pasti, menarik dan mengekalkan bakat untuk memacu bidang tujahan utama USIM dan kelestarian kewangan.
- Membangunkan *profiling fund raiser.*
- Membangunkan *profiling* Murabbi dan Insani USIM.
- Membangunkan sistem *Talent Gain.*

## USIM 2035

Rajah 7.2 menunjukkan Program USIM 2035

# CABARAN MASA HADAPAN

Perjuangan untuk USIM menjadi menara ilmu yang melahirkan graduan seimbang dunia dan akhirat akan diteruskan. USIM perlu bersedia menghadapi cabaran yang mendatang dan pelan strategik yang mapan perlu direncanakan.



## Sekolah untuk Komuniti, Universiti untuk masyarakat

Bagi merealisasikan hasrat menjadikan sekolah untuk komuniti, universiti untuk masyarakat seperti yang digariskan oleh KPM, visi, misi dan objektif USIM sememangnya sejajar dengan perkara tersebut. Hal ini akan memudahkan USIM melahirkan profesional Muslim yang mampu mewarnai masyarakat dengan sumbangan mereka.

## Pendidikan berteraskan nilai

Pendidikan berteraskan nilai telah menjadi falsafah bagi universiti ini apabila mengangkat aspek INAQ dalam pengajaran dan pembelajaran. Pada masa yang sama, USIM juga telah membina konsep GIINA sebagai pengukuran pembentukan mahasiswa seimbang yang kaya dengan ilmu dunia dan akhirat. USIM percaya, keseimbangan ilmu ini akan dapat membantu memimpin mahasiswa menghadapi cabaran masa hadapan. Universiti melihat aspek nilai turut digunakan dalam menyantuni golongan OKU.

## Peningkatan Kualiti Sistem Teknologi Maklumat

Perkembangan teknologi terkini bagi membantu menyelesaikan masalah ummah adalah antara agenda utama bagi penubuhan USIM. Justeru, universiti melihat usaha peningkatan kualiti sistem teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) merupakan inisiatif terbaik bagi meningkatkan kecekapan secara lebih komprehensif terutamanya melalui penubuhan GOAL – ITQAN. Pusat ini bertindak sebagai pusat sokongan universiti dalam menyediakan kemudahan ICT bagi urusan pentadbiran dan akademik untuk meneruskan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran terutamanya pembelajaran bercirikan kelas pintar (Smart classroom) yang dinamakan CLiCkerS @ PPT (Center for Core Studies Learning Space) dalam USIM menuju ke arah *Smart Campus* sejajar dengan Revolusi Industri ke-4 (IR 4.0).

## Autonomi dan Akauntabiliti untuk Sekolah dan Universiti

Pemberian kuasa autonomi dan akauntabiliti untuk sekolah dan universiti oleh pihak KPM adalah usaha bagi memperkasakan peranan universiti terutama dalam aspek kemampanan kewangan. Autonomi ini akan memberikan lebih kuasa kepada LPU dan Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) daripada aspek operasi dan ketelusan membuat keputusan. Inilah cabaran kepemimpinan yang akan wujud di mana pihak pengurusan akan bertanggungjawab pada semua tindakan dan perancangan yang akan dibuat.

*****

USIM berusaha untuk menjadi sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Islam terkehadapan demi kesejahteraan sejagat. Universiti berharap akan dapat membawa pendidikan Islam dalam arus pendidikan negara melalui kesepaduan INAQ bagi melahirkan graduan yang bermutu. USIM juga berharap dapat memainkan peranan utama bagi melahirkan ilmuan Islam yang memimpin masyarakat majmuk dan berpotensi menerajui negara. Pada masa yang sama mampu untuk meneroka dan mengembalikan tradisi ilmuan Islam dengan menggunakan kaedah terkini. Semoga usaha USIM ini akan mendapat limpah rahmat daripada Allah SWT dan, barakahnya dirasai warga dan masyarakat.



LAPORAN

# KETUA AUDIT NEGARA

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

# KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

## Laporan Mengenai Penyata Kewangan

### Pendapat

Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 29.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS), Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Sains Islam Malaysia.

### Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah Universiti Sains Islam Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS), Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Sains Islam Malaysia. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Sains Islam Malaysia atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.

f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

**Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Sains Islam Malaysia, saya juga melaporkan perkara berikut:

a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Universiti Sains Islam Malaysia dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 6 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.

c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

**Hal-hal Lain**

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

**(DR. MASIAH BINTI AHMAD)**
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
29 JULAI 2019

## PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

## UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Kami, **Profesor Dato' Dr. Siddiq Bin Hj. Fadzil** dan **Profesor Dato' Dr. Musa Bin Ahmad** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah **UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan **UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA** dan Kumpulan pada 31 Disember 2018 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga,

Nama : Profesor Dato' Dr. Siddiq Bin Hj. Fadzil

Gelaran : Pengerusi Lembaga Pengarah

Tarikh : 18 JUL 2019

Bagi Pihak Lembaga,

Nama : Profesor Dato' Dr. Musa Bin Ahmad

Gelaran : Naib Canselor

Tarikh : 18 JUL 2019

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA**
**YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN**

**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

Saya, **Dato' Haji Mohd Abd Rasid Bin Mohd Fadzil**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **Universiti Sains Islam Malaysia,** dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendaknya Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui )
oleh penama di atas di Bandar Baru Bangi, )
Selangor pada 18 JUL 2019 ) ..............................

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
B 509
HAJI KASSIM
BIN LEMAN
01/07/2018-31/12/2020
MALAYSIA
C 1-2, Bangi Gateway
Persiaran Pekeliling
43650 Bandar Baru Bangi
Selangor

..............................
PESURUHJAYA SUMPAH

# UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
## PADA 31 DISEMBER 2018

| | NOTA | KUMPULAN 2018 RM | KUMPULAN 2017 RM Dinyatakan semula | UNIVERSITI 2018 RM | UNIVERSITI 2017 RM Dinyatakan semula |
|---|---|---|---|---|---|
| **ASET BUKAN SEMASA** | | | | | |
| Hartanah, Loji Dan Peralatan | 4 | 661,344,250 | 435,092,233 | 660,896,580 | 434,707,757 |
| Pembinaan Dalam Kemajuan | 5 | 74,201,698 | 50,642,217 | 74,201,698 | 50,642,217 |
| Pelaburan Dalam Anak Syarikat | 6 | - | - | 2,000,000 | 2,000,000 |
| **JUMLAH ASET BUKAN SEMASA** | | 735,545,948 | 485,734,450 | 737,098,278 | 487,349,974 |
| **ASET SEMASA** | | | | | |
| Penghutang Pelajar | 7 | 5,606,235 | 8,570,028 | 5,606,235 | 8,570,028 |
| Pelbagai Penghutang | 8 | 13,558,457 | 12,048,879 | 16,142,616 | 12,675,314 |
| Deposit Dan Bayaran Terdahulu | 9 | 8,675,418 | 12,834,986 | 8,675,418 | 12,834,986 |
| Simpanan Tetap | 10 | 88,501,868 | 98,321,888 | 88,501,868 | 98,321,888 |
| Tunai Di Tangan Dan Di Bank | 11 | 16,622,111 | 28,081,252 | 16,362,708 | 27,665,697 |
| Cukai Dituntut | | - | - | - | - |
| **JUMLAH ASET SEMASA** | | 132,964,089 | 159,857,033 | 135,288,845 | 160,067,913 |
| **JUMLAH ASET** | | 868,510,037 | 645,591,483 | 872,387,123 | 647,417,887 |
| **DIBIAYAI OLEH** | | | | | |
| **EKUITI** | | | | | |
| Kumpulan Wang Mengurus | 12 | 41,091,106 | 34,442,819 | 41,091,106 | 34,442,819 |
| Kumpulan Wang Amanah | 13 | 13,727,727 | 6,401,890 | 13,727,727 | 6,401,890 |
| Kumpulan Wang Pembangunan | 14 | (5,478,033) | - | (5,478,033) | - |
| Kumpulan Wang Pinjaman | 15 | 2,027,591 | 1,637,479 | 2,027,591 | 1,637,479 |
| Kumpulan Wang Asrama | 16 | 1,104,279 | 2,185,427 | 1,104,279 | 2,185,427 |
| Kumpulan Wang Pendapatan | 17 | 95,033 | - | 95,033 | - |
| Kumpulan Wang Wakaf | 18 | 283,921 | - | 283,921 | - |
| Kumpulan Wang Aset | 19 | 381,147 | 381,147 | 381,147 | 381,147 |
| Lebihan Penilaian Semula | 20 | 251,971,732 | - | 251,971,732 | - |
| Kurangan Terkumpul Anak Syarikat | 21 | (4,300,942) | (3,063,736) | - | - |
| **JUMLAH EKUITI** | | 300,903,561 | 41,985,026 | 305,204,503 | 45,048,762 |
| **LIABILITI BUKAN SEMASA** | | | | | |
| Pemiutang Sewa Beli | 22 | 40,451 | 55,876 | - | - |
| Pajakan Kewangan | 23 | 117,353 | 117,377 | 117,353 | 117,377 |
| Manfaat Pekerja Jangka Panjang | 24 | 1,729,614 | 1,809,760 | 1,729,614 | 1,809,760 |
| Pendapatan Tertunda | 25 | 549,751,315 | 584,138,188 | 549,751,315 | 584,138,188 |
| **JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA** | | 551,638,733 | 586,121,201 | 551,598,282 | 586,065,325 |
| **LIABILITI SEMASA** | | | | | |
| Pemiutang Sewa Beli | 22 | 15,425 | 15,425 | - | - |
| Pajakan Kewangan | 23 | 23 | 22 | 23 | 22 |
| Manfaat Pekerja Jangka Pendek | 26 | 2,030,412 | 2,087,905 | 2,030,412 | 2,087,905 |
| Pemiutang | 27 | 13,921,650 | 15,381,671 | 13,553,903 | 14,215,873 |
| Peruntukan Cukai | | 233 | 233 | - | - |
| **JUMLAH LIABILITI SEMASA** | | 15,967,743 | 17,485,256 | 15,584,338 | 16,303,800 |
| **JUMLAH LIABILITI** | | 567,606,476 | 603,606,457 | 567,182,620 | 602,369,125 |
| **JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI** | | 868,510,037 | 645,591,483 | 872,387,123 | 647,417,887 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

# UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
## PENYATA PENDAPATAN DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

| | NOTA | KUMPULAN 2018 RM | KUMPULAN 2017 RM Dinyatakan semula | UNIVERSITI 2018 RM | UNIVERSITI 2017 RM Dinyatakan semula |
|---|---|---|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | | | | | |
| Geran Pemberian Kerajaan | | 165,931,500 | 164,676,397 | 165,931,500 | 164,676,397 |
| Geran Modal Dilunaskan | 28 | 37,292,512 | 38,934,593 | 37,292,512 | 38,934,593 |
| Yuran | | 34,958,878 | 32,281,044 | 34,958,878 | 32,281,044 |
| Pendapatan Lain | 29 | 29,000,462 | 30,002,629 | 26,205,106 | 25,082,506 |
| **JUMLAH PENDAPATAN** | | 267,183,352 | 265,894,663 | 264,387,996 | 260,974,540 |
| **PERBELANJAAN** | | | | | |
| Emolumen | 30 | 126,842,084 | 118,756,998 | 125,279,769 | 116,505,706 |
| Perkhidmatan Dan Bekalan | 31 | 113,421,496 | 104,927,517 | 112,097,835 | 103,374,664 |
| Pemberian Dan Kenaan Bayaran | 32 | 12,117,943 | 17,103,258 | 11,320,652 | 14,058,831 |
| Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan | 4 | 25,140,430 | 22,612,491 | 25,051,444 | 22,539,805 |
| Hapuskira Hartanah, Loji dan Peralatan | | 2,217 | 152 | 2,217 | 152 |
| Hutang Lapuk | | 431,891 | 370,804 | 389,636 | 370,804 |
| Hutang Ragu | 33 | 2,662,613 | 526,952 | 2,447,821 | 526,952 |
| Kurangan Penilaian Semula Hartanah | | 5,478,033 | - | 5,478,033 | - |
| Manfaat Pekerja | | 12,078 | - | 12,078 | - |
| **JUMLAH PERBELANJAAN** | | 286,108,785 | 264,298,172 | 282,079,485 | 257,376,914 |
| **LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN SEBELUM CUKAI** | | (18,925,433) | 1,596,491 | (17,691,489) | 3,597,626 |
| **CUKAI** | | 3,261 | - | - | - |
| **LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN SELEPAS CUKAI** | | (18,928,694) | 1,596,491 | (17,691,489) | 3,597,626 |
| **PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN SELEPAS DITOLAK CUKAI** | | | | | |
| Item Yang Tidak Akan Dikelaskan Semula Ke Keuntungan Atau Kerugian Selepas Itu | | | | | |
| Lebihan Bersih Daripada Penilaian Semula Hartanah | 20 | 251,971,732 | - | 251,971,732 | - |
| | | 233,043,038 | 1,596,491 | 234,280,243 | 3,597,626 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

# UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
## PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

KUMPULAN

| | Kumpulan Wang Mengurus | Kumpulan Wang Amanah | Kumpulan Wang Pembangunan | Kumpulan Wang Pinjaman | Kumpulan Wang Asrama | Kumpulan Wang Pendapatan | Kumpulan Wang Wakaf | Kumpulan Wang Aset | Lebihan Penilaian Semula | Lebihan /(Kurangan) Terkumpul Anak Syarikat | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | | RM | RM | | | RM |
| 2018 | | | | | | | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2018 | 34,442,819 | 6,401,890 | - | 1,637,479 | 2,185,427 | - | - | 381,147 | - | (3,063,736) | 41,985,026 |
| Perubahan dalam tahun semasa | 22,545,862 | 3,002,548 | - | 327,088 | - | - | - | - | 251,971,732 | - | 277,847,230 |
| Lebihan/(Kurangan) Tahun Semasa | (15,897,575) | 4,323,289 | (5,478,033) | 63,024 | (1,081,148) | 95,033 | 283,921 | - | - | (1,237,206) | (18,928,695) |
| Pada 31 Disember 2018 | 41,091,106 | 13,727,727 | (5,478,033) | 2,027,591 | 1,104,279 | 95,033 | 283,921 | 381,147 | 251,971,732 | (4,300,942) | 300,903,561 |
| 2017 | | | | | | | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2017 | 42,862,790 | 2,714,507 | - | 1,388,024 | 1,438,158 | - | - | 1,724,745 | - | (1,062,601) | 49,065,623 |
| Perubahan dalam tahun semasa | (11,156,402) | 3,640,833 | - | 182,078 | - | - | - | (1,343,598) | - | - | (8,677,089) |
| Lebihan/(Kurangan) Tahun Semasa | 2,736,431 | 46,550 | - | 57,377 | 747,269 | - | - | - | - | (2,001,135) | 1,596,492 |
| Baki pada 31 Disember 2017 | 34,442,819 | 6,401,890 | - | 1,637,479 | 2,185,427 | - | - | 381,147 | - | (3,063,736) | 41,985,026 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini

# UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
## PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

UNIVERSITI

| | Kumpulan Wang Mengurus | Kumpulan Wang Amanah | Kumpulan Wang Pembangunan | Kumpulan Wang Pinjaman | Kumpulan Wang Asrama | Kumpulan Wang Pendapatan | Kumpulan Wang Wakaf | Kumpulan Wang Aset | Lebihan Penilaian Semula | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | | RM | RM | | RM |
| 2018 | | | | | | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2018 | 34,442,819 | 6,401,890 | - | 1,637,479 | 2,185,427 | - | - | 381,147 | - | 45,048,762 |
| Perubahan dalam tahun semasa | 22,545,862 | 3,002,548 | - | 327,088 | - | - | - | - | 251,971,732 | 277,847,230 |
| Lebihan/(Kurangan) Tahun Semasa | (15,897,575) | 4,323,289 | (5,478,033) | 63,024 | (1,081,148) | 95,033 | 283,921 | - | - | (17,691,489) |
| Pada 31 Disember 2018 | 41,091,106 | 13,727,727 | (5,478,033) | 2,027,591 | 1,104,279 | 95,033 | 283,921 | 381,147 | 251,971,732 | 305,204,503 |
| 2017 | | | | | | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2017 | 42,862,790 | 2,714,507 | - | 1,388,024 | 1,438,158 | - | - | 1,724,745 | - | 50,128,224 |
| Perubahan dalam tahun semasa | (11,156,402) | 3,640,833 | - | 182,078 | - | - | - | (1,343,598) | - | (8,677,089) |
| Lebihan/(Kurangan) Tahun Semasa | 2,736,431 | 46,550 | - | 67,377 | 747,269 | - | - | - | - | 3,597,627 |
| Baki pada 31 Disember 2017 | 34,442,819 | 6,401,890 | - | 1,637,479 | 2,185,427 | - | - | 381,147 | - | 45,048,762 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini

# UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
## PENYATA ALIRAN TUNAI
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

| | KUMPULAN | | UNIVERSITI | |
|---|---|---|---|---|
| | 2018 RM | 2017 RM Dinyatakan semula | 2018 RM | 2017 RM Dinyatakan semula |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI** | | | | |
| LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI | (18,925,433) | 1,596,491 | (17,691,489) | 3,597,626 |
| Pelarasan bagi perkara yang tidak melibatkan pergerakan dana : | | | | |
| Susutnilai Hartanah Loji dan Peralatan | 25,140,430 | 22,612,491 | 25,051,444 | 22,539,805 |
| Hapuskira Hartanah Loji dan Peralatan | 2,217 | 152 | 2,217 | 152 |
| Peruntukan Hutang Ragu | 2,662,613 | 526,952 | 2,447,821 | 526,952 |
| Hutang Lapuk | 431,891 | 370,804 | 389,636 | 370,804 |
| Pelarasan Pendapatan Tertunda | (26,585,755) | 8,776,512 | (26,585,755) | 8,776,512 |
| Pelarasan Susutnilai | 25,808,849 | - | 25,808,849 | - |
| Peruntukan/(Pelarasan) Manfaat Pekerja | (137,639) | (1,301,540) | (137,639) | (1,301,540) |
| Faedah Diterima | (4,425,116) | (5,015,270) | (4,424,085) | (5,013,990) |
| Faedah Dibayar | 5,803 | 7,079 | - | - |
| Kurangan Penilaian Semula Hartanah | 5,478,033 | - | 5,478,033 | - |
| Kurangan Pendapatan sebelum perubahan Modal Kerja | 9,455,893 | 27,573,671 | 10,339,032 | 29,496,321 |
| Perubahan Modal Kerja : | | | | |
| (Tambahan)/Kurangan Penghutang & Pelbagai Penghutang | (1,934,163) | 437,893 | (3,634,840) | (1,450,380) |
| (Tambahan)/Kurangan Deposit dan Bayaran Terdahulu | 4,159,568 | (10,438,606) | 4,159,568 | (10,438,606) |
| Tambahan/(Kurangan) Pemiutang | (1,460,021) | 339,412 | (661,970) | 857,923 |
| Tambahan/(Kurangan) Pemiutang Pajakan Kewangan | (23) | (19) | (23) | (19) |
| Tunai dijana daripada operasi : | 10,221,254 | 17,912,351 | 10,201,767 | 18,465,239 |
| Faedah Dibayar | (5,803) | (7,079) | - | - |
| Cukai Dibayar | (3,261) | - | - | - |
| Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi | 10,212,190 | 17,905,272 | 10,201,767 | 18,465,239 |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN** | | | | |
| Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan | (4,900,968) | (5,682,976) | (4,748,787) | (5,571,100) |
| Perbelanjaan Pembinaan Dalam Kemajuan | (23,559,481) | (22,375,062) | (23,559,481) | (22,375,062) |
| Perbelanjaan Geran Tertunda | (37,292,512) | (38,934,593) | (37,292,512) | (38,934,593) |
| Faedah Diterima | 4,718,990 | 5,274,944 | 4,717,959 | 5,273,664 |
| Tunai Bersih Dari Aktiviti Pelaburan | (61,033,971) | (61,717,687) | (60,882,821) | (61,607,091) |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN** | | | | |
| Terimaan Geran Tertunda | 29,491,394 | 24,779,696 | 29,491,394 | 24,779,696 |
| Terimaan Bayaran Balik Pinjaman Kakitangan | 176,651 | 182,078 | 176,651 | 182,078 |
| Perbelanjaan daripada Pelbagai Tabung dan Akaun Amanah | (110,000) | (8,859,167) | (110,000) | (8,859,167) |
| Bayaran Balik Sewa Beli | (15,425) | (12,586) | - | - |
| Tunai Bersih Dari Aktiviti Pembiayaan | 29,542,620 | 16,090,021 | 29,558,045 | 16,102,607 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini

# UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
## PENYATA ALIRAN TUNAI
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

| | KUMPULAN | | UNIVERSITI | |
|---|---|---|---|---|
| | 2018 RM | 2017 RM Dinyatakan semula | 2018 RM | 2017 RM Dinyatakan semula |
| KURANGAN BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI | (21,279,161) | (27,722,394) | (21,123,009) | (27,039,245) |
| TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN | 126,403,140 | 154,125,534 | 125,987,585 | 153,026,830 |
| TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN | 105,123,979 | 126,403,140 | 104,864,576 | 125,987,585 |
| | | | | |
| TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI TERMASUK :- | | | | |
| Wang Di Tangan Dan Baki Di Bank | 16,622,111 | 28,081,252 | 16,362,708 | 27,665,697 |
| Simpanan Tetap | 88,501,868 | 98,321,888 | 88,501,868 | 98,321,888 |
| | 105,123,979 | 126,403,140 | 104,864,576 | 125,987,585 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini

# UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
# BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018

## 1. MAKLUMAT UMUM

### a. Penubuhan

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada asalnya merupakan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) yang telah ditubuhkan di bawah Peruntukan (1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan telah diwartakan pada 13 Mac 1998 dan mula beroperasi pada tahun 2000.

### b. Pertukaran Status

KUIM telah dinaiktaraf dan diwartakan kepada sebuah Universiti dikenali sebagai Universiti Sains Islam Malaysia berkuat kuasa pada 1 Februari 2007.

### c. Aktiviti Utama

USIM merupakan sebuah institusi pengajian tinggi awam yang ditubuhkan bertujuan:-

i. untuk mempelopori dan memartabatkan pendidikan Sains Islam ke arus perdana pendidikan Negara

ii. melahirkan ilmuwan berpendidikan sepadu yang menggabungkan ilmu Sains dan Islam untuk menerajui pembangunan negara ke arah ekonomi berinovasi;

iii. meneroka dan mengembalikan kegemilangan keilmuan Islam yang terbilang sesuai dengan persekitaran, ilmu dan teknologi terkini; dan

iv. menerokai segala ilmu dalam bidang yang berkaitan dengan sains, teknologi dan pengurusan sumber alam melalui penyelidikan multi-disiplin.

### d. Mata Wang Fungsian

i. Penyata kewangan Universiti dan Kumpulan dibentangkan dalam mata wang fungsian, yang mana merupakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana entiti beroperasi.

ii. Mata wang fungsian Universiti adalah Ringgit Malaysia ("RM"), di mana aktiviti utama jualan dan pembelian adalah dalam RM, dan dana daripada aktiviti pembiayaan dijana dalam RM.

iii. Bagi tujuan penyata kewangan disatukan, penyata kewangan Universiti dan Kumpulan dicatatkan dalam RM, yang mana merupakan mata wang fungsian Universiti, dan mata wang pembentangan untuk penyata kewangan disatukan.

e. Penyata Kewangan Universiti bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada 18 Julai 2019.

## 2. DASAR PERAKAUNAN PENTING

### a. ASAS PERAKAUNAN

Bermula tahun 2016, Penyata Kewangan Disatukan Kumpulan dan Universiti telah disediakan selaras dengan *Malaysian Private Entities Reporting Standards* (MPERS) yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) dengan pengubahsuan dibuat mengikut kesesuaian peruntukan yang telah ditetapkan oleh Akta dan Undang-undang Kerajaan yang berkaitan. Penyata Kewangan Universiti ini telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah.

# UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
# BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018

## 2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

### b. ASAS PENYATUAN

Penyata Kewangan Disatukan disediakan merangkumi semua Kumpulan Wang dan anak syarikat. Semua transaksi antara Kumpulan telah dihapuskan semasa penyatuan.

### c. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

i. Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul.

ii. Hartanah, Loji dan Peralatan yang memenuhi kriteria-kriteria hartanah, loji dan peralatan dari segi kos jangka hayat melebihi satu tahun akan dipermodalkan. Hartanah, loji dan peralatan yang tidak memenuhi kriteria hartanah, loji dan peralatan akan diambil kira sebagai perbelanjaan tahun semasa.

iii. Pembelian barangan bernilai RM3,000 dan ke atas diambil kira sebagai Harta Modal, manakala barangan bernilai di bawah RM3,000 diambil kira sebagai Inventori. Pengiktirafan Kenderaan sebagai aset mengambil kira perbelanjaan terlibat iaitu cukai jalan dan insuran.

iv. Buku-buku Perpustakaan tidak dipermodalkan dan direkodkan di dalam Daftar Buku-buku Perpustakaan.

v. Pembelian perabot dikategorikan sebagai Inventori tanpa mengambilkira nilai pembelian berkuatkuasa 1 April 2010.

vi. Peningkatan penilaian semula yang timbul daripada penilaian semula diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul dalam ekuiti dibawah tajuk lebihan penilaian semula hartanah, kecuali apabila peningkatan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian setakat yang ia membalikkan pengurangan penilaian semula aset yang sama sebelum ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Pengurangan penilaian semula yang timbul daripada penilaian semula diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali apabila penurunan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain setakat mana baki kredit yang sedia ada dalam lebihan penilaian semula hartanah berkenaan dengan aset itu. Penurunan yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain mengurangkan amaun yang terkumpul dalam dalam ekuiti di bawah tajuk lebihan penilaian semula hartanah.

### d. SUSUT NILAI

Susutnilai bagi Hartanah, Loji dan Peralatan dikira berasaskan kaedah garis lurus ke atas anggaran jangka hayat Hartanah, Loji dan Peralatan. Susutnilai penuh dikenakan dalam tahun perolehan atau pembelian dan tiada susutnilai dikenakan dalam tahun penjualan. Tanah pegangan bebas tidak disusutnilaikan.

Polisi untuk kadar susutnilai tahunan Hartanah, Loji dan Peralatan telah ditetapkan seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Bangunan dan Ubahsuai Bangunan | 2% |
| Infrastruktur | 5% |
| Alat Perhubungan | 5% |
| Kenderaan dan Jentera | 20% |
| Komputer, Rangkaian dan Perisian | 20% |
| Mesin dan Alat Pejabat | 20% |
| Aset Asrama, Perabot dan Pemasangan | 20% |
| Aset Perubatan | 20% |
| Alat Bantuan Mengajar dan Pandang Dengar | 20% |
| Alat Kelengkapan, Sukan dan Kebudayaan | 20% |
| Alat Keselamatan | 20% |
| Tanah Pajakan | Mengikut Tempoh Pajakan |

# UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
# BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018

## 2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

### e. ROSOTNILAI ASET

Hartanah, Loji dan Peralatan yang mempunyai jangka hayat yang panjang akan dinilai sekiranya terdapa tanda rosotnilai. Kerugian rosotnilai dikira apabila amaun pembawa aset melebihi amaun bolehpulih aset bolehpulih aset ialah nilai saksama aset ditolak kos penjualan dan digunakan, mana-mana yang lebil Kerugian daripada rosotnilai aset akan dicaj ke penyata pendapatan.

### f. PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN

Pembinaan Dalam Kemajuan adalah kerja-kerja yang melibatkan projek pembinaan bangunan dan infrastruktur yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan. Jumlah yang diambil kira adalah kos yang terlibat berdasarkan kepada bayaran kemajuan. Kos pembinaan akan dipermodalkan apabila Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Sebarang bayaran tambahan akan dicajkan ke aset berkenaan dalam tahun berkenaan.

### g. PERUNTUKAN HUTANG RAGU

Peruntukan hutang ragu semua penghutang diuji bagi setiap penghutang secara individu jika terdapat sebarang petunjuk rosot nilai. Penghutang individu yang tiada kerugian rosot nilai akan dikumpulkan bersama penghutang lain mengikut kelas berdasarkan ciri-ciri risiko dan mengikut tempoh luput mereka yang lepas. Rosot nilai terkumpul dianggarkan untuk satu kumpulan berdasarkan pengalaman nisbah kumpulan setiap kelas, mengambil kira keadaan pasaran semasa

### h. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai adalah merangkumi wang tunai di tangan dan baki di bank serta simpanan tetap yang tidak dicagarkan untuk sebarang tujuan.

### i. MANFAAT PEKERJA

i. Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh staf. Universiti juga telah mengakaunkan bayaran pampasan bagi staf kontrak yang akan tamat pada tahun berikutnya sebagai liabiliti manfaat pekerja jangka pendek.

ii. Pelan Caruman Tetap

Universiti membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Tetap Pekerja (KWSP) bagi staf yang memilih faedah KWSP atau Kumpulan Wang Amanah Pencen Kerajaan bagi staf yang telah diletakkan di dalam skim pencen dan sumbangan tersebut diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan.

iii. Manfaat Pekerja Jangka Panjang

Bermula tahun 2016, Universiti telah mengakaunkan bayaran pampasan staf kontrak yang akan tamat selepas tahun berikutnya sebagai liabiliti manfaat pekerja jangka panjang. Polisi Universiti untuk Manfaat Pekerja Jangka Panjang adalah mengambil kira semua kakitangan Universiti yang berumur 55 tahun ke atas iaitu umur bersara wajib.

### j. PENGIKTIRAFAN PENDAPATAN

i. Geran Pemberian Kerajaan untuk perbelanjaan Mengurus diambil kira dalam Penyata Pendapatan.

# UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
# BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018

## 2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

iii. Geran Pemberian Kerajaan untuk penyelidikan dan projek pembangunan diiktiraf sebagai Geran Tertunda dan akan dilunaskan mengikut belanja susut nilai projek yang telah disiapkan dan aset yang dibeli serta belanja operasi projek yang tidak dimodalkan.

iv. Pendapatan dari Yuran, Simpanan Tetap dan lain-lain pendapatan dianggap sebagai pendapatan Universiti. Pendapatan daripada Simpanan Tetap dikira mengikut asas akruan.

v. Pemberian untuk Pinjaman Komputer dan Pinjaman Kenderaan diakaunkan terus ke dalam akaun berkenaan dan diiktiraf berasaskan asas tunai.

### k. CUKAI PENDAPATAN

Universiti adalah dikecualikan dari cukai pendapatan atas pendapatannya di bawah perenggan 13 Jadual 6, Bahagian 1, Akta Cukai Pendapatan 1967 kecuali bagi pendapatan dividen.

### l. SYARIKAT SUBSIDIARI

Syarikat Subsidiari adalah syarikat di mana Universiti memegang separuh atau lebih daripada saham berbayar atau menguasai separuh komposisi Lembaga Pengarah atau separuh daripada kuasa mengundi. Pelaburan dalam syarikat subsidiari akan dihapuskan semasa penyatuan penyata kewangan.

### m. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Objektif pengurusan risiko kewangan Kumpulan dan Universiti adalah untuk memastikan pendedahan terhadap pelbagai risiko seperti risiko kredit, risiko kadar faedah dan risiko kecairan serta aliran tunai diurus dan dikawal bagi memaksimumkan pulangan dan mengekalkan keutuhan Universiti. Universiti bertanggungjawab untuk menangani risiko tersebut dengan memastikan penyediaan polisi dan prosedur yang baik serta sistem kawalan dalaman yang berkesan.

i. Risiko Kredit

Risiko Kredit wujud apabila terdapat kemungkinan kerugian kewangan akibat daripada kegagalan mematuhi kontrak atau transaksi dibuat secara kredit. Risiko kredit dikawal dengan menetapkan polisi, membuat penilaian serta pemantauan yang berkesan terutamanya terhadap penghutang.

ii. Risiko Kadar Faedah

Universiti tidak terdedah kepada risiko kadar faedah memandangkan tiada sebarang pinjaman atau aset yang menanggung faedah. Pelaburan dalam aset kewangan adalah bersifat jangka pendek di mana semuanya diletakkan di dalam institusi kewangan tempatan.

iii. Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Universiti memastikan bahawa aliran tunai yang sedia ada memadai untuk memenuhi tuntutan perbelanjaan dan liabiliti di luar jangka diurus dengan sebaik-baiknya.

# UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
# BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018

## 2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

### n. Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan berkuatkuasa pada 1 April 2015. Sebagai Universiti Awam yang menyediakan perkhidmatan pendidikan, skop pembekalan Universiti adalah pembekalan dikecualikan dan boleh dirujuk dalam Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Dikecualikan) 2014 P.U(A) 271.

Bermula 1 Jun 2018, Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) adalah pada kadar sifar (0%) untuk semua pembekalan dan berkuat kuasa sehingga 31 Ogos 2018.

Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) diperkenalkan semula bagi menggantikan GST bermula 1 September 2018.

### o. ASET KEWANGAN

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan Universiti menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi pihak bertimbal kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan instrumen ekuiti diukur pada kos ditolak rosotnilai.

#### i. Aset Kewangan Diukur pada Nilai Saksama menerusi Keuntungan atau Kerugian

Aset kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian apabila aset kewangan adalah dalam skop Seksyen 12 MPERS atau jika aset kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar.

Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Jika ukuran pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ini ditolak rosotnilai sehingga ukuran pasti nilai saksama boleh didapati.

#### ii. Aset Kewangan merupakan Instrumen Hutang Diukur pada Kos Dilunaskan

Selepas pengiktirafan awal, instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Instrumen hutang yang dikelaskan sebagai aset semasa diukur pada amaun tunai yang tidak didiskaunkan atau pertimbangan lain yang dijangka boleh diterima.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan aset kewangan dan untuk memperuntukan pendapatan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran penerimaan tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat aset kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan aset kewangan.

# UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
# BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018

## 2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

### iii. Aset Kewangan merupakan Instrumen Ekuiti Diukur pada Kos Ditolak Rosotnilai

Instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam dan dimana nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar, dan kontrak yang berhubung kepada instrumen tersebut, jika dilaksanakan, akan menyebabkan penghantaran instrumen tersebut, diukur pada kos ditolak rosotnilai.

### iv. Rosotnilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan dan Universiti menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan yang diukur pada kos atau kos dilunaskan, telah dirosotnilai.

Bukti objektif boleh termasuk:

- kesukaran kewangan yang ketara oleh penerbit atau obligor.
- pelanggaran kontrak.
- pemberi pinjaman memberikan kepada peminjam sebuah konsesi bahawa pemberi pinjaman tidak akan dipertimbangkan.
- ia menjadi kemungkinan bahawa peminjam akan bankrap atau penyusunan semula kewangan lain.
- data yang boleh diperhatikan dapat menunjukkan bahawa terdapat penurunan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa depan daripada aset kewangan sejak pengiktirafan awal aset.

Bagi kategori tertentu aset kewangan, seperti penghutang dagangan, jika ia ditentukan bahawa tiada bukti objektif rosotnilai wujud bagi aset kewangan dinilai individu, sama ada penting atau tidak, aset termasuk dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa dan dinilai secara kolektif untuk rosotnilai.

Kerugian rosotnilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif aset asal.

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosotnilai telah dilibatkan ke atas aset kewangan diukur pada kos ditolak rosotnilai, amaun kerugian rosotnilai diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan anggaran amaun terbaik yang mana Kumpulan dan Universiti akan diterima bagi aset jika ia dijual pada tarikh pelaporan.

Amaun bawaan aset kewangan dikurangkan secara langsung, kecuali amaun bawaan penghutang dagangan yang dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosotnilai menurun, kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan secara langsung, kecuali bagi amaun yang berkaitan dengan penghutang dagangan yang dibalikkan untuk dimasukkan semula amaun yang sebelum ini diperuntukan dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta.

### v. Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh, atau diselesai, atau Kumpulan dan Universiti memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

# UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
# BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

vi. Penyahiktirafan Aset Kewangan (sambungan)

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara amaun bawaan dan jumlah pertimbangan diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif adalah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh pemindahan.

p. LIABILITI DAN EKUITI

i. Pengkelasan Liabiliti dan Ekuiti

Liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti adalah dikelaskan selaras dengan ciri-ciri dalam pengaturan kontrak, bukan sekadar bentuk undang-undang, dan selaras dengan definisi liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti.

*a.* Liabiliti Kewangan

Pada awal pengiktirafan, liabiliti kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi Universiti kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori; liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan, atau komitmen pinjaman diukur pada kos ditolak rosotnilai.

*b.* Liabiliti Diukur pada Nilai Saksama menerusi Keuntungan atau Kerugian

Liabiliti kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian apabila liabiliti kewangan adalah dalam skop Seksyen 12 MPERS atau jika liabiliti kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar.

Jika ukuran yang pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ini ditolak rosotnilai sehingga ukuran pasti bagi nilai saksama boleh didapati.

*c.* Liabiliti Kewangan Diukur pada Kos Dilunaskan

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan selain daripada liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan dan kerugian adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan atau kerugian diiktiraf pada keuntungan atau kerugian apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosotnilai.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan liabiliti kewangan.

*d.* Komitmen Pinjaman Diukur pada Kos Ditolak Rosotnilai

Komitmen untuk menerima pinjaman yang memenuhi syarat-syarat Seksyen 11 MPERS diukur pada kos ditolak rosotanilai.

# UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
# BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018

2. **DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)**

p. **LIABILITI DAN EKUITI (sambungan)**

i. **Pengkelasan Liabiliti dan Ekuiti (sambungan)**

*e.* **Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan**

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara amaun bawaan liabiliti kewangan dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

3. **PENILAIAN PERAKAUNAN KRITIKAL DAN SUMBER UTAMA KETIDAKPASTIAN ANGGARAN**

Andaian-andaian utama tentang masa depan, dan sumber-sumber utama ketidakpastian anggaran lain pada tarikh pelaporan, yang memberi risiko signifikan berlakunya pelarasan ketara terhadap nilai dibawa aset-aset dan liabiliti-liabiliti dalam tahun kewangan berikutnya, selain daripada yang didedahkan dalam nota.

a. **Pengukuran Peruntukan**

Kumpulan dan Universiti menggunakan 'anggaran terbaik' sebagai asas pengukuran peruntukan. Pengurusan Kumpulan dan Universiti membuat penilaian terhadap anggaran-anggaran berdasarkan pengalaman lampau Kumpulan dan Universiti dan andaian-andaian daripda input-input lain, perkembangan terkini serta peristiwa-peristiwa akan datang yang mempunyai kemungkinan yang munasabah untuk berlaku dalam keadaan-keadaan tertentu. Dalam kes dimana sesuatu peruntukan mempunyai kaitan dengan populasi pelanggan yang besar (contohnya peruntukan jaminan), anggaran kebarangkalian berwajaran aliran keluar tunai yang diperlukan untuk menyelesaikan kewajiban berkaitan adalah digunakan.

Dalam kes anggaran tunggal, harga kontraktor yang dirujuk atau harga pasaran digunakan sebagai anggaran terbaik. Sekiranya sesuatu kewajiban perlu diselesaikan dalam tempoh tertentu, aliran keluar tunai yang dianggarkan perlulah didiskaunkan pada kadar yang mengambilkira nilai masa wang dan risiko-risiko yang mengakibatkan keputusan sebenar berbeza daripada anggaran-anggaran yang telah dibuat. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran-anggaran yang dibuat dan hal ini berkemungkinan memberikan kesan signifikan terhadap kedudukan dan prestasi kewangan Kumpulan dan Universiti.

b. **Kemerosotan Nilai Aset Kewangan**

Pinjaman-pinjaman dan akaun-akaun belum terima yang signifikan akan diuji untuk penurunan nilai secara berasingan dengan membuat anggaran aliran tunai yang dijangka dapat diperoleh semula. Pinjaman-pinjaman dan akaun-akaun belum terima lain akan dikategorikan kepada kelas-kelas risiko kredit dan diuji untuk penurunan secara bersekali, berdasarkan pengalaman lampau Kumpulan dan Universiti berkaitan statisktik kerugian, pengumuran amaun-amaun melebihi tempoh dan tren ekonomi terkini.

c. **Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan**

Kos sesuatu hartanah, loji dan peraltan disusutnilaikan menggunakan kaedah garis lurus atau kaedah sistematik lain yang mencerminkan penggunaan manfaat-manfaat ekonomi aset-aset tersebut sepanjang jangkahayat penggunaannya. Anggaran-anggaran digunakan dalam pemilihan kaedah susutnilai serta penentuan jangkahayat-jangkahayat penggunaan dan nilai-nilai baki. Penggunaan manfaaat-manfaat ekonomi hartanha, loji dan peralatan mungkin berbeza daripada anggaran-anggaran yang digunakan dan hal ini berkemungkinan mengakibatkan untung atau rugi atas perlupusan sesuatu hartanah, loji dan peralatan.

# NOTA 4

## HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

### KUMPULAN

| 2018 | Tanah Pajakan | Infrastruktur | Bangunan dan Ubahsuai Bangunan | Kenderaan dan Jentera | Komputer dan Rangkaian | Mesin dan Alat Pejabat | Aset Asrama, Perabot dan Pemasangan | Alat Perhubungan | Aset Perubatan | Alat Bantuan Mengajar dan Pandang Dengar | Alat Kelengkapan, Sukan dan Kebudayaan | Alat Keselamatan | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| KOS | | | | | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari | 91,376,588 | 137,717,481 | 356,530,070 | 13,868,232 | 35,581,598 | 17,516,523 | 2,006,145 | 617,908 | 40,790,717 | 15,228,079 | 837,056 | 5,922,167 | 717,992,564 |
| Tambahan | | - | 1,017,260 | - | 1,331,404 | 259,109 | 7,377 | - | 1,714,642 | 499,376 | 72,300 | - | 4,900,968 |
| Penilaian Semula | 142,710,929 | - | 129,591,618 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 272,302,547 |
| Pelupusan | - | - | - | (527,416) | (354,802) | (38,284) | (59,951) | - | - | (102,957) | - | - | (1,083,410) |
| Pada 31 Disember | 234,087,517 | 137,717,481 | 487,138,948 | 13,340,816 | 36,558,200 | 17,736,348 | 1,954,071 | 617,908 | 42,505,359 | 15,624,498 | 909,356 | 5,922,167 | 994,112,669 |
| SUSUTNILAI | | | | | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari | 6,460,972 | 78,730,007 | 78,420,231 | 12,563,872 | 32,147,121 | 15,975,990 | 2,007,411 | 430,129 | 38,455,892 | 11,560,887 | 695,537 | 5,452,283 | 282,900,332 |
| Tambahan | 2,364,521 | 6,972,422 | 9,674,001 | 458,618 | 1,900,187 | 1,181,657 | 1,511 | 13,882 | 1,651,507 | 543,123 | 65,188 | 313,813 | 25,140,430 |
| Penilaian Semula | 10,090,672 | - | 15,718,177 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 25,808,849 |
| Pelupusan | - | - | - | (527,412) | (354,709) | (38,268) | (59,663) | - | - | (101,140) | - | - | (1,081,192) |
| Pada 31 Disember | 18,916,165 | 85,702,429 | 103,812,409 | 12,495,078 | 33,692,599 | 17,119,379 | 1,949,259 | 444,011 | 40,107,399 | 12,002,870 | 760,725 | 5,766,096 | 332,768,419 |
| NILAI BUKU BERSIH | | | | | | | | | | | | | |
| Pada 31 Disember | 215,171,352 | 52,015,052 | 383,326,539 | 845,738 | 2,865,601 | 616,969 | 4,812 | 173,897 | 2,397,960 | 3,621,628 | 148,631 | 156,071 | 661,344,250 |

NOTA :

1. Tanah pajakan telah dipajakkan di atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan sebagai pemilik tanah.
2. Sejumlah RM632,000 merupakan peruntukan perolehan Bangunan Asrama yang belum diselesaikan pembayaran.
3. Penilaian Semula Bagi Tanah Pajakan Dan Bangunan Telah Dibuat Pada Tahun 2018.

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini

## NOTA 4

## HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

### KUMPULAN

| 2017 | Tanah Pajakan | Infrastruktur | Bangunan dan Ubahsuai Bangunan | Kenderaan dan Jentera | Komputer dan Rangkaian | Mesin dan Alat Pejabat | Aset Asrama, Perabot dan Pemasangan | Alat Perhubungan | Aset Perubatan | Alat Bantuan Mengajar dan Pandang Dengar | Alat Kelengkapan, Sukan dan Kebudayaan | Alat Keselamatan | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| KOS | | | | | | | | | | | | | |
